



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8161]

USUL-USUL:

Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak [Ruangan 8281]

Akta Kastam 1967—

- | | | |
|--|---|----------------|
| (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1986; | } | [Ruangan 8353] |
| (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1986; | | |
| (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1986; | | |
| (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986; | | |
| (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1986; | } | [Ruangan 8354] |
| (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1986; | | |
| (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1986; | | |
| (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1986; | | |
| (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1986; | | |
| (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1986; | | |
| (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1986; | | |

KANDUNGANNYA—(Samb.)

- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1986;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1986;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1986;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1986;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1986;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1987;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1987;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1987;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1987;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1987;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1987;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1987;
- (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1987;
- (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1987;
- (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1987

[Ruangan 8354]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Merancang Pekan Rantau Panjang—Y.B. Tuan Haji Mohamed Yaakob
[Ruangan 8356]

Dilemma Pekerja-pekerja Ladang—Y.B. Tuan S.S. Subramaniam
[Ruangan 8361]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S. B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMED SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

Yang Berhormat DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 18hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PETRONAS—SUMBANGAN
KEUNTUNGAN KEPADA
JALAN RAYA

1. Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau minta Perdana Menteri menyatakan sama ada PETRONAS boleh mempertimbangkan untuk membuat sumbangan kewangan sebahagian daripada keuntungan yang telah mereka perolehi selama ini bagi perbelanjaan menurapkan baki bahagian jalan raya utama di Sarawak setelah tawaran dibuat kepada kontraktor dengan menggunakan peruntukan bagi tahun 1987 untuk tujuan tersebut. Adalah diharapkan dengan mempercepatkan menurapkan jalan raya umum tersebut, kesemua penduduk di luar bandar akan dapat menikmati kemudahan jalan raya utama yang teratur mengikut keadaan semasa yang menghubungi hampir kesemua Bahagian di Sarawak. Dengan sumbangan PETRONAS ini nanti akan dapat mempercepatkan lagi integrasi di antara Sarawak dan Semenanjung.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah syarikat

yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965, keuntungan yang boleh disalurkan oleh PETRONAS adalah kepada pemegang sahamnya iaitu Kerajaan Persekutuan. Oleh itu saranan supaya PETRONAS menyumbang sebahagian daripada keuntungannya khusus untuk menampung perbelanjaan menurap jalan raya utama di Sarawak, tidak wajar dipertimbangkan.

Namun demikian, dividen yang diterima oleh Kerajaan daripada PETRONAS pada setiap tahun adalah dikreditkan ke dalam Kumpulanwang Disatukan yang mana daripada Kumpulanwang tersebut adalah juga digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan termasuk projek-projek di Sarawak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kenapakah keuntungan yang diperolehi oleh PETRONAS daripada penjualan minyak tidak boleh digunakan untuk tujuan yang tersebut dalam soalan ini untuk pembangunan jalan raya atau apa-apa sebab di Sarawak atau di lain-lain tempat di negara ini oleh kerana keuntungan itu berpunca daripada penjualan sumber minyak negara dan inilah hak rakyat jelata?

Soalan yang kedua, bukannya benar bahawa PETRONAS ada menggunakan keuntungan itu untuk membina sebuah sekolah swasta yang mana bukan sahaja bertentangan

dengan Dasar Pelajaran Nasional, tetapi juga duplikasi mengenai usaha-usaha pelajaran pihak Kerajaan dan kalau boleh digunakan untuk menubuhkan sekolah swasta, kenapa pula tidak boleh digunakan untuk pembangunan bagi rakyat jelata?

Soalan yang ketiga, kenapakah pula PETRONAS dibenarkan untuk menggunakan wang keuntungannya untuk mengadakan pusat-pusat peranginan, pusat-pusat rekreasi khasnya untuk kakitangan PETRONAS menjadikan satu elit khas?

Soalan keempat dan terakhir, bukankan sudah sampai masa di mana satu peruntukan dibuat di mana semua keuntungan daripada PETRONAS dimasukkan kepada Tabung Kumpulanwang Kerajaan dan bukan hanya dividen oleh kerana keuntungan PETRONAS adalah wang rakyat jelata Malaysia.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, telah dijawabkan iaitu PETRONAS sebagai satu syarikat yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat, 1965 akan memberikan keuntungan itu kepada pemegang sahamnya iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab membuat segala pembangunan di Malaysia akan menyalurkan keuntungan itu untuk pembangunan bukan sahaja di Sarawak, tetapi juga di seluruh negara mengikut priority, dengan izin.

Mengenai soalan yang kedua iaitu sekolah swasta, ini tidak ada kena mengena dengan soalan yang pokok, tetapi suka saya menyatakan bahawa sekolah ini yang ditubuhkan oleh PETRONAS adalah merupakan satu-satunya keistimewaan untuk pekerja-pekerja di PETRONAS, sama juga dengan syarikat-syarikat yang lain yang mempunyai keuntungan.

Mengenai dengan saranan mengapa pusat rekreasi telah dibuat oleh PETRONAS, ini juga merupakan satu daripada keistimewaan iaitu satu daripada rekreasi yang ditubuhkan oleh tiap-tiap syarikat yang besar dan mampu, dan ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang tersedia ada dan juga yang disalurkan melalui Pengarah-pengarah PETRONAS.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bahagian soalan keempat belum dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah lagi, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kerajaan bertujuan untuk mengkaji dan menyalurkan semua keuntungan PETRONAS ke dalam Tabung Kerajaan, oleh kerana ini ialah wang rakyat untuk digunakan untuk Kerajaan Persekutuan bukan untuk PETRONAS atau untuk Kumpulanwang khas?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sudah dijelaskan tadi. Saya telah katakan tadi keuntungan PETRONAS akan disalurkan kepada Kumpulanwang Kerajaan. Dividen itu kita akan bahagi-bahagikan mengikut—dividen or royalty?

Tuan Lim Kit Siang: Semua mahu.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak mahu jawab, oleh kerana keluar daripada soalan pokok, daripada soalan yang pertama tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri apakah keuntungan yang diperolehi oleh PETRONAS dari perniagaan mereka di Sarawak dan daripada jumlah ini, apakah jumlah yang disalurkan balik ke Sarawak.

Kedua, adakah ini merupakan satu dasar Yang Berhormat Menteri dalam Kabinetnya dan juga Kerajaan PBS bahawa perundangan yang diperolehi oleh Sarawak atau Sabah tidak disalurkan terus, tetapi hanya disalurkan kepada Kumpulanwang disatukan di mana peluang untuk mendapat saluran balik adalah tipis.

Tuan Kasitah Gaddam: Perkara ini keluar daripada soalan pokok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, saya bersetuju.

Tuan Kasitah Gaddam: Kalau hendak bertanya, tanyalah baik-baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Othman bin Abdul.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Othman bin Abdul tidak hadir)

BANCIAN ATAS ORANG CACAT

3. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang untuk membuat banciaan ke atas golongan terencat akal di seluruh negara sehingga angka yang tepat diperolehi;
- (b) adakah rancangan untuk membina lebih banyak pusat-pusat pemulihan untuk kes-kes terencat akal; dan
- (c) adakah apa-apa rancangan dibuat untuk membuka pusat rawatan harian bagi golongan terencat akal.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Shahrir bin Abdul Samad):Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Berdasarkan kepada pengalaman Kementerian Kebajikan Masyarakat, banciaan yang dijalankan untuk orang

cacat tidaklah begitu berkesan oleh kerana beberapa faktor seperti ibu bapa atau keluarga masih lagi belum menyedari di atas kepentingan mendaftarkan anak atau keluarga mereka yang cacat. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengadakan kemudahan untuk mendaftar orang cacat termasuk juga mereka yang terencat akal di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat di seluruh negara dan pendaftaran boleh dibuat pada bila-bila masa. Pada masa kini terdapat seramai 33,111 orang cacat yang telah pun berdaftar dan di antaranya seramai 6,512 adalah terdiri daripada golongan terencat akal.

- (ii) Buat masa ini Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai rancangan untuk membina pusat pemulihan yang baru oleh kerana sebab-sebab kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk menambahkan bilangan penghuni-penghuni yang boleh ditempatkan di sesebuah institusi ataupun pusat pemulihan yang sedia ada dengan cara membesarkan institusi di pusat pemulihan yang berkenaan.
- (iii) Sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang berusaha untuk menambahkan lagi bilangan Program Pemulihan Dalam Komuniti yang mana telah berjalan sebagai sebuah Projek Perintis (Pilot Project) di negeri Terengganu dan melalui Program ini dapatlah ibu bapa atau ahli masyarakat itu diberi pengetahuan terhadap menjaga

dan melatih anak-anak mereka yang cacat itu dengan sendiri dan dengan ini tidak perlu lagi seseorang kanak-kanak cacat itu dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan ataupun ke pusat harian.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri berkenaan telah memberikan angka-angka berkenaan dengan orang-orang cacat, adakah angka-angka ini dijalankan oleh Kementerian sendiri atau mengikut nationwide census di mana kita dapati angka-angka itu tidak begitu tepat di mana sumber-sumber dikatakan ada 1.4 juta orang cacat yang berada di negara ini.

Yang kedua, adakah Kerajaan mengambil apa-apa langkah yang tetap untuk menolong atau mengrehabilitation kepada orang-orang cacat itu, oleh kerana memandangkan keadaan sekarang ini ialah pertolongan hanya daripada badan-badan yang tertentu, badan-badan swasta sahaja.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah di mana datangnya angka 1.4 juta itu, tetapi seperti mana saya telah jawabkan di dalam jawapan saya yang pertama, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan sistem pendaftaran secara terbuka iaitu bila-bila masa sahaja ibu bapa ataupun pihak yang bertanggungjawab boleh mendaftarkan anggota keluarga mereka yang cacat di Pejabat-pejabat Kebajikan di peringkat daerah di semua negeri dan daripada pendaftaran itulah yang saya menyebutkan angka sebanyak 33,111.

Saya juga tidak menyatakan bahawa angka ini, angka yang muktamad dan angka yang tepat sekali kerana terdapat juga keadaan di mana adanya keluarga-keluarga yang tidak mahu mendaftarkan anak-anak mereka

ataupun anggota keluarga mereka yang cacat, dengan sebab itu memanglah kurang tepat. Sebarang usaha kita untuk menentukan bahawa seseorang yang cacat itu akan dapat didaftarkan, kerana kita tidak memaksakan secara undang-undang bahawa seseorang yang cacat itu perlu didaftarkan, maklumlah dari segi kecacatan pula dalam keadaan dunia yang moden ini, kecacatan itu banyak yang boleh dikatakan cacat walaupun ikut tafsiran kita mungkin mereka tidak cacat, tetapi kalau dilihat dari pandangan umum, mungkin orang ini cacat, maklumlah dengan adanya keadaan sindrom bisu, pekak dan sebagainya.

Jadi, saya rasa apa yang diusahakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat setakat ini dengan cara mendaftar secara terbuka, secara open register merupakan cara yang lebih baik dan kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengetahui tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh satu-satu keluarga dengan mempunyai anak-anak mereka yang cacat, saya berharap akan terus digalakkan untuk mereka berdaftar.

Mengenai dengan pertolongan Kerajaan, sukalah saya menyatakan bahawa biasanya menjadi amalan kita untuk memberi pertolongan kepada badan-badan sukarela bukan badan-badan swasta, tetapi badan-badan sukarela yang membantu golongan yang cacat iaitu persatuan-persatuan yang mungkin ditubuhkan secara sukarela memanglah mereka mendapat publisiti, mendapat liputan kerana memang tujuan kita untuk menggalakkan supaya pertubuhan-pertubuhan ini mendapat sokongan orang ramai sama ada dari segi kewangan, ataupun dari segi sumbangan masa dan tenaga untuk bergiat di dalam pertubuhan-pertubuhan ini.

Oleh itu, hendak dikatakan bahawa Kerajaan sendiri tidak membantu

pemulihan ini, saya rasa tidaklah tepat kerana selain daripada institusi-institusi yang dijalankan oleh Kerajaan sendiri di mana kita menjalankan pemulihan kepada mereka ini, bagi pertubuhan-pertubuhan yang turut terlibat dalam bidang yang sama juga, Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi bantuan kewangan, memberi bantuan latihan dan sebagainya supaya usaha yang sama dijalankan oleh pertubuhan sukarela ini turut juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak Kerajaan sendiri.

Pada saya masalah orang cacat dan golongan yang cacat ini merupakan masalah yang menjadi tanggungjawab kita bersama, menjadi tanggungjawab semua pihak dalam masyarakat kita dan sebab itulah sebarang usaha sama ada oleh pertubuhan sukarela mahupun oleh pihak swasta untuk memulihkan mana-mana golongan yang cacat ini mendapat sokongan daripada pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah dipertanggungjawabkan untuk melakukan tugas ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad.

(Soalan No. 4 Y.B. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad tidak hadir)

KOLEKSI BUKU DI PERPUSTAKAAN NEGARA

5. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada koleksi buku di Perpustakaan Negara dan cawangan-cawangannya akan diperbesarkan untuk memasuki lebih banyak karya-karya dalam Bahasa Mandarin dan Tamil serta sama ada terdapat personelia yang terlatih di perpustakaan-perpustakaan ini untuk

membantu pengguna-pengguna dalam bahasa-bahasa tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, di Perpustakaan Negara Malaysia dan cawangan-cawangannya di Wilayah Persekutuan memang telah disediakan bahan bacaan untuk rujukan dan pinjaman dalam bahasa Mandarin dan Tamil, khususnya yang diterbitkan dalam negara. Bahan bacaan yang disediakan bukan sahaja buku, tetapi juga majalah dan pita kaset untuk mempelajari bahasa Mandarin dan Tamil. Koleksi ini sentiasa ditambah mengikut peruntukan pembelian buku yang disediakan setiap tahun. Kakitangan Perpustakaan Negara yang mahir dalam bahasa Mandarin dan Tamil memang sedia ada dan terdiri daripada pegawai-pegawai di peringkat ikhtisas dan kakitangan di peringkat Pembantu Perpustakaan. Untuk menentukan buku-buku bahasa Mandarin dikatalog dengan betul, Perpustakaan Negara telah juga menganjurkan satu bengkel mengkatalog buku-buku bahasa Mandarin mengikut sistem "Pin Yin".

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sama ada pihak Kerajaan sedar bahawa di Perpustakaan Parlimen tidak ada buku-buku bahasa Tionghua dan Tamil. Jika sedar, sama ada pihak Kerajaan bercadang supaya menambah atau membeli buku-buku bahasa Tionghua dan Tamil. Jika tidak, mengapa?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada buku-buku dalam bahasa Tamil dan Mandarin di Perpustakaan Parlimen, tetapi Ahli-ahli Parlimen boleh memanfaatkan daripada buku-buku dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk menambah ilmu, khususnya bagi saudara-saudara daripada DAP. *(Tepuk)*

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Perlimen memberitahu adakah pihak Menteri menyediakan Perpustakaan Bergerak kepada kampung-kampung baru dan sila beritahu Dewan ini berapa buahkan Perpustakaan Bergerak yang sedia ada pada masa sekarang dan berapa tempat yang diliputi?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan hendak memberi maklumat dan pengetahuan kepada rakyat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menerusi perpustakaan dan melaksanakan program Perpustakaan Bergerak di seluruh negara, termasuk kampung-kampung lama dan kampung-kampung baru.

MINYAK MENTAH— PENGELUARAN

6. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh negara kita setiap hari sekarang;
- (b) berapa lama kita dapat mengeluarkan minyak;
- (c) harga setong minyak mentah sekarang dan harga yang paling tinggi yang diperolehi untuk setong sejak kita mula mengeluarkan minyak serta bilakah kita memperolehi harga itu; dan
- (d) tempat-tempat baru di mana minyak mentah dijumpai dan bilakah kerja-kerja mengeluarkan minyak itu akan bermula.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan:

- (a) Purata pengeluaran minyak mentah untuk bulan Mac, 1987

adalah sebanyak 468,000 tong sehari.

- (b) Pada kadar pengeluaran sekarang adalah dijangka Malaysia akan dapat mengeluarkan minyak selama 17 tahun berdasarkan kepada simpanan minyak berjumlah 2.9 ribu juta tong.
- (c) Harga minyak mentah sekarang adalah seperti berikut:

Tapis Blend ..	US\$18.55 setong
Labuan Crude	US\$18.29 setong
Miri Light ..	US\$17.85 setong
Bintulu Crude	US\$17.10 setong

Harga jualan paling tinggi yang diperolehi sejak Malaysia mulai mengeluarkan minyak ialah US\$42.10 setong bagi minyak tapis dalam bulan Januari, 1981.

- (d) Di antara tahun 1984 hingga 1986 terdapat 3 buah lapangan minyak baru yang ditemui di luar pantai Sarawak dan sebuah di luar pantai Sabah. Pada masa ini kerja-kerja menilai lapangan-lapangan tersebut sedang dijalankan dan masih belum dapat ditentukan sama ada lapangan-lapangan tersebut mempunyai jumlah simpanan minyak yang komersial.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan keadaan hanya lebih kurang simpanan ataupun reserve petroleum untuk 17 tahun lagi, saya ingin dapat tahu daripada Menteri berkenaan apakah tindakan yang akan diambil ataupun sedang diambil untuk melanjutkan ataupun memperolehi lebih simpanan reserve untuk menaikkan hasil Kerajaan dalam tahun-tahun akan datang selepas 17 tahun ini. Jika kita tidak boleh memperolehi lebih simpanan petroleum ini, apakah tindakan alternatif akan diambil oleh Kerajaan

untuk menggantikan hasil daripada petroleum dengan tindakan-tindakan yang lain.

Tuan Kasitah Gaddam: Terkeluar sedikit soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab soalan yang pertama, suka saya memberitahu bahawa PETRONAS akan cuba melipatgandakan lagi usaha untuk mencari telaga-telaga, kawasan-kawasan untuk mencarigali atau kawasan-kawasan yang berpotensi dan kerja-kerja seperti ini sedang dijalankan pada masa ini. Kita berharap supaya semua percubaan-percubaan untuk mencari tempat-tempat yang mempunyai minyak yang berkomersial boleh didapati dan berharap semoga tempat-tempat itu akan mempunyai reserve yang boleh menguntungkan dan yang boleh disifatkan sebagai komersial.

Untuk soalan yang kedua, kita mempunyai dasar-dasar yang tertentu tetapi oleh kerana soalan ini sudah terkeluar daripada soalan yang asal, saya suka menyatakan di sini iaitu Malaysia mempunyai banyak sumber-sumber bahan yang lain di mana kita boleh menggunakan seperti gas, arang batu dan juga kita mempunyai banyak hydroelectric power potential. Jadi, daripada sumber-sumber alam dan juga sumber-sumber yang saya telah sebutkan tadi itu, Kerajaan akan cuba mencari jalan sejauh mana untuk diversify bahan-bahan api untuk digunakan di negara kita ini.

FILEM YANG BANYAK ADEGAN SEX

7. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Penerangan menyatakan tidakkah ada cadangan agar pihak Televisyen Malaysia dan TV3 agar dapat mengurangkan sedikit filem-filem yang banyak adegan-adegan keganasan dan begitu juga

adegan sex yang menjolok mata yang tidak sesuai untuk ditonton oleh kanak-kanak di masa ini.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, RTM mempunyai Jawatankuasa Penapisan Filem/Rancangannya sendiri. Segala urusan penapisan bagi bahan siaran, sama ada dalam bentuk filem atau video adalah ditapis dengan teliti oleh ahli-ahli Jawatankuasa ini, berpandukan pada garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Penerangan Malaysia.

Garis panduan ini menggariskan perkara-perkara yang tidak patut diluluskan bagi tayangan rancangan-rancangan di Rangkaian 1 dan Rangkaian 2 yang mengandungi adegan yang bertentangan dengan moral (seperti adegan seks yang menjolok mata) serta adegan yang bercanggah dengan dasar Kerajaan, Rukunegara, sensitiviti, perkauman dan agama.

Garis panduan ini dikaji dan dikemaskinikan dari masa ke semasa demi menjaga kredibiliti RTM sebagai media Kerajaan dan kepentingan rakyat jelata.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan apabila disebut garis panduan seperti moral, seks yang menjolok mata dan sebagainya, atau prinsip mana yang digunakan sebab apabila dikatakan moral, Jawatankuasa Penapis Filem yang ada di Kementerian itu mungkin mempunyai pandangan yang berbeza-beza; ada yang mengatakan kalau berpakaian sekian-sekian, itu bermoral bagi mereka, tetapi pada pandangan setengah orang tidak bermoral. Jadi ertinya di atas prinsip-prinsip yang macam mana dikatakan moral yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan satu persatu mungkin tak dapat, tetapi moral yang saya sebut tadi, moral yang anggapan kita semua yang boleh diterima oleh masyarakat kita yang tinggal di Malaysia ini. Mungkin apa yang dikatakan oleh setengah orang barangkali ini tak menjolok mata, tetapi kepada orang lain ini menjolok mata. Tetapi pada keseluruhannya ada general konsepnya, prinsip yang general supaya kita memahami apa yang tak baik, apa yang baik. Jadi saya hendak katakan, saya rasa kita tentu bersetuju iaitu perkara-perkara yang menjolok mata, seks dan sebagainya, tak payah saya sebutlah. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah nisbah banyaknya tayangan filem-filem ganas dan seks dengan filem-filem yang lain? Apakah maklumbalas orang ramai yang diperolehi mengenai tayangan-tayangan filem ganas dan seks ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, filem ganas ini, saya rasa yang boleh membawakan satu-satu, kalau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "violent" dan ada dalam garis panduan kita supaya filem ganas ini yang boleh membawakan perkara-perkara yang boleh memburukkan masyarakat dan boleh ditiru oleh masyarakat kita khususnya mudamudi kita. Kalau Yang Berhormat ini mengatakan ganas tidak perlu dibuat, maka itulah pandangan kita supaya arahan dan panduan kita masuk filem ganas ini.

Saya difahamkan pertanyaan ganas, seksi

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Soalan saya, apakah nisbah banyaknya tayangan filem ganas dan seks dibandingkan dengan filem-filem lain. Suka dijelaskan bahawa filem

yang ditunjukkan di RTM itu ada banyak; ada filem seks, tidak seksi dan filem-filem yang lain. Maksud saya, filem yang ditunjukkan di RTM itu ada banyak. Ada yang berunsur ganas dan ada yang berunsur seks. Soalan saya ialah nisbah banyaknya. Adakah banyak filem-filem ganas itu daripada filem-filem yang lain. Itu satu soalan.

Soalan kedua ialah mengenai maklum balas yang diperolehi daripada orang ramai mengenai filem-filem ini. Adakah orang ramai suka melihatnya ataupun orang ramai tidak suka melihatnya?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Nisbahnya saya rasa, jika dibandingkan apa yang kita hendak tunjukkan kepada masyarakat kita, saya rasa sedikit sangat ganas dan seksi ini. Tetapi ada juga orang-orang kata sedikit-sedikit tidak apalah (*Ketawa*). Apa yang kita tunjuk itu, saya rasa, tidaklah seksi sangat. (*Ketawa*)

PURATA PENDAPATAN PENDUDUK

8. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai Perancangan dan Perlaksanaan yang khusus terhadap mana-mana daerah dalam negara ini yang mana purata pendapatan para penduduknya di bawah garis kemiskinan \$300.00 sebulan, terutama dari segi pembangunan fizikal dan peningkatan perkapita penduduknya sebelum tahun 1990.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menerusi proses perancangan dan pelaksanaan di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah sentiasa memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan termasuk daerah-daerah yang mempunyai kadar

kemiskinan yang lebih tinggi seperti yang terdapat di Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis, Sabah dan Sarawak. Ini dapat dilihat dari jumlah peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkenaan yang ditujukan kepada pembangunan di berbagai sektor dalam kawasan tersebut. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima misalnya, dari jumlah \$69,000 juta peruntukan keseluruhan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) bagi semua sektor, kira-kira 30% dari jumlah ini adalah diperuntukkan kepada projek-projek yang bertujuan membasmi dan mengurangkan paras kemiskinan di negeri-negeri dan kawasan-kawasan tersebut.

Bagi tujuan pembangunan fizikal, Rancangan Malaysia Kelima telah memperuntukkan kira-kira \$12.5 juta bagi merancang dan melaksanakan program-program dan projek-projek ekonomi untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin seperti pembangunan tanah baru, pembangunan-pembangunan *in situ*, dengan izin, penyediaan kemudahan parit dan taliair, ternakan, tanaman semula dan pemulihan serta kemajuan kampung dan masyarakat.

Selain dari itu, program-program sosial seperti kemudahan pelajaran, kemudahan kesihatan, bekalan air, bekalan elektrik dan jalan-jalan juga diperluaskan. Dalam proses perancangan program-program ini, keutamaan diberikan kepada daerah-daerah dan kawasan-kawasan yang kadar kemiskinannya didapati masih tinggi. Semua program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin menerusi peluang-peluang untuk menyertai program-program pembangunan dengan lebih saksama. Segala usaha ini akan sentiasa dikaji dari masa ke semasa untuk menyesuaikan dengan

kehendak perancangan kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di daerah Kudat dan daerah Kota Marudu dan juga di daerah kecil Pitas dan Banggi terletak di bahagian utara Negeri Sabah terdapat sebilangan besar penduduk yang pendapatannya kurang daripada \$40 sebulan. Jika sedar, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut sebelum tahun 1990.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pengesanan yang dijalankan oleh pihak Perancang Ekonomi ada dijalankan dari masa ke semasa, dan kalau ada maklumat yang berkaitan dengan taraf kedudukan mana-mana masyarakat di dalam sesuatu kawasan-kawasan itu disampaikan kepada pihak yang berkenaan, dan jika Ahli Yang Berhormat ini, mendapat maklumat yang diasaskan kepada kesahihan, maka pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan memang mempunyai rancangan-rancangan yang khusus untuk membangunkan daerah-daerah yang miskin seperti yang dinyatakan tadi. Tetapi kita percaya bahawa Kerajaan juga berdepan dengan pelbagai masalah. Soalannya, apakah masalah-masalah itu dan bagaimanakah Kerajaan akan mengatasinya menjelang tahun 1990 kerana kita menyedari sehingga hari ini pembangunan daerah-daerah yang miskin agak lembab sedikit dan apakah pula harapan Kerajaan daripada pentadbiran serta rakyat negara ini bagi turut sama menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi itu, jika ada.

Dr Siti Zahara binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan ada kes-kes di mana masalah-masalah yang rumit timbul. Maklum sahajalah, masalah ini adalah satu isu yang kompleks. Tetapi jika kita lihat secara keseluruhan usaha membasmi kemiskinan, kita mesti menerima hakikat bahawa ada kejayaan-kejayaan yang telah dicapai seperti peningkatan kadar pendapatan, peluang pekerjaan, pencapaian pelajaran anak-anak orang miskin dan juga rancangan-rancangan projek pertanian yang diperkenalkan.

Tetapi pokoknya, kita memerlukan usaha yang lebih gigih, gerak tenaga secara lebih luas dan menyeluruh, sebab masalah kemiskinan adalah satu cabaran yang mesti dihadapi secara terus menerus, tetapi selagi Kerajaan mempunyai tekad dan keazaman untuk memberi pembelaan kepada soal kemiskinan, inilah yang kita harapkan sokongan daripada semua pihak termasuk tiap-tiap individu.

SYARIKAT SRI ANGKASA— PENGUTIPAN TOL

9. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tempoh masa yang ditetapkan untuk pengutipan tol oleh Syarikat Sri Angkasa supaya syarikat tersebut memperoleh kembali kos pelaburan serta bunganya. Bagaimana pula dengan kos mengekal dan memperbaiki lebuhraya dalam tempoh masa tersebut. Siapakah yang menanggung kos itu. Jika ditanggung oleh syarikat swasta, adakah ini bermakna tempoh masa untuk mengutip tol akan dilanjutkan meliputi jumlah kos itu. Mengapa Syarikat Sri Angkasa dipilih dan siapakah pemilik syarikat ini. Sekiranya pelaburan Syarikat Sri Angkasa:

- (i) berjaya dikutip sebelum tamat tempoh masa yang ditentukan

adakah ini bermakna bahawa syarikat swasta tetap diberi kuasa untuk terus membuat sedemikian sehingga hari penghabisan kontrak; dan

- (ii) didapati telah meningkat lagi, contohnya disebabkan oleh kerugian dalam pertukaran asing, adakah masa lebihan yang terhad akan diberi kepada syarikat swasta atau sehingga kos tambahan diperolehi kembali dengan sepenuhnya.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, mengikut kontrak yang telah ditandatangani, tempoh masa yang diberi kepada Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd untuk mengutip tol adalah 9 tahun. Di dalam tempoh ini Syarikat tersebut adalah bertanggungjawab menyelenggarakan jalan raya iaitu Jalan Kuching/Kepong. Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd telah dipilih dalam penswastan ini melalui tawaran terbuka dan tawarannya adalah yang terbaik. Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd dimiliki oleh Triple Constructions Sdn Bhd dengan sahamnya sebanyak 30%; Datuk Abdul Ghani bin Abdul Manaf sebanyak 35% dan Syarikat Sri Alur Sdn Bhd sebanyak 35%.

Sekiranya Sri Angkasa berjaya mengutip kembali kos pelaburannya sebelum tempoh yang ditetapkan, mereka berhak mengutip tol sehingga tempoh kontrak tamat. Kedua, mengikut kontrak, jika ada kos tambahan terhadap kerja-kerja yang dijalankan, kos pelaburan tambahan akan dibayar melalui lanjutan kutipan Tol. Walau bagaimanapun, jika kos tambahan disebabkan oleh pertukaran wang asing, ini adalah tanggungjawab pihak Sri Angkasa Sdn Bhd sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan kegilaan toi ini, nampaknya Yang Berhormat Menteri mengatakan Sri Angkasa diberi

tawaran ini secara tawaran terbuka. Adakah syarikat-syarikat yang lain yang menawarkannya dengan tender dan Yang Berhormat memberi 30% untuk Datuk Abdul Ghani dan 35% untuk Sri Alur. Siapakah yang memperolehi 35% lagi dan siapakah sebenar yang memiliki Sri Alur ini?

Yang keduanya, kalau dengan 9 tahun itu mereka tidak dapat wang balik, dapat menanggung kos ataupun keuntungan yang dikehendaki, adakah Kementerian bercadang melanjutkan tempoh mengutip tol ini? Dengan 9 tahun ini, adakah Kerajaan sentiasa hendak menolong mereka mengadakan plaza tol yang pertama, yang kedua, yang ketiga, yang keempat dan sebagainya supaya tidak ada pengguna yang mengelakkan mencari alternatif? Tidak adakah prinsip Kementerian itu untuk mengadakan plaza tol tanpa alternatif bagi penggunanya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita mendapat tahu daripada seorang dengan pelajaran yang tinggi mengatakan undang-undang yang dikenakan oleh Kerajaan adalah sebuah gila tindakannya. (*Ketawa*) Yakah?

Dr Tan Seng Giaw: Kegilaan tol!

Dato' S. Samy Vellu: Kegilaan tol! Baru Yang Berhormat kata "kegilaan tol"? Apakah "kegilaan tol"?

Dr Tan Seng Giaw: Kegilaan tol itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat, jangan berbahas.

Dr Tan Seng Giaw: Kerana ada tol bagi tiap-tiap orang, itulah gila.

Dato' S. Samy Vellu: Gila! Tetapi saya tengok Yang Berhormat pun gunakan jalan itu pada suatu hari. Adakah gila kena bayar tol? Tidak, bukan? (*Ketawa*) Ini bererti sesiapa

bayar tol di jalan itu semuanya gilakah? Alamak!

Walau bagaimanapun, saya suka juga menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Dalam soalan asal Yang Berhormat minta kepada saya, siapakah akan mempunyai saham atau mempunyai Syarikat Sri Angkasa? Saya telah beri satu jawapan yang umumnya siapakah Sri Angkasa. Jikalau Yang Berhormat suka juga mendapat tahu siapa, apakah alamat, apakah nombor kad pengenalan, bila dia lahir, adakah layanan, atau dia ada duitkah dalam bank atau lain-lain, kalau beri notis, tiap-tiap jawapan saya akan beri. Bila dia mati, saya tidak boleh, doktor sahaja boleh. (*Ketawa*) Layanan saya boleh beri.

Dr Tan Seng Giaw: Itulah

Dato' S. Samy Vellu: Berkenaan butir-butir syarikat, jikalau seorang Ahli Parlimen minta kepada saya siapakah mempunyai syarikat itu, saya bagi butir-butir berkenaan dengan syarikat. Tetapi lanjutan daripada soalan itu, kalau minta ini apa, itu apa, adakah dia dua isteri atau tidak, itu bukan tanggungjawab saya. (*Ketawa*) Saya sudah menjawab—siapakah mempunyai syarikat itu, saya sudah beri keterangan itu. Jikalau Ahli Yang Berhormat suka juga mendapat lebih penjelasan daripada itu, saya boleh bagi jikalau dapat notis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi maksud saya adakah itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat apa itu?

Dr Tan Seng Giaw: conflict of interest di dalam syarikat seperti ini—itu penting.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, macam manakah conflict of interest akan datang. Conflict of

interest akan datang jikalau syarikat itu dipunyai oleh sesiapa yang kerja di Kementerian Kerjaraya atau menjadi pemandu kepada Kementerian Kerjaraya, jikalau ada hubungan dengan Menteri Kerjaraya atau tidak. Tetapi saya suka juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, syarikat itu ialah satu syarikat didaftarkan oleh Pendaftar Syarikat yang mempunyai saham, mempunyai semua kemudahan-kemudahan seperti seorang kontraktor boleh juga menjalankan tugas-tugas. Sebab itu juga dalam pertimbangan tender-tender itu kita sudah pun menimbang semua perkara berkenaan dengan syarikat itu. Kita sudah menerima 7 tawaran. Dari 7 tawaran itu, kita memilih tawaran daripada Syarikat Sri Angkasa, dipunyai oleh 35% kaum bumiputera, 65% dipunyai oleh kaum Cina. (*Ketawa*)

SWASTA MENGUTIP TOL

10. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan bahawa dengan keadaan begitu banyak tol-tol dinegara kita, bolehkah Kerajaan membuat satu undang-undang untuk mengharamkan pihak swasta mengutip tol-tol daripada orang-orang awam yang terpaksa menggunakan jalan-jalan mereka oleh kerana tidak ada jalan-jalan lain untuk menyeberang tanahnya untuk sampai ke destinasi orang-orang awam tersebut. Sebagai contoh ialah tol yang dikutip oleh pihak-pihak ladang daripada orang-orang kampung yang terpaksa menggunakan jalan-jalan ladang untuk sampai ke kampung-kampung mereka.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Negara telah memperuntukkan tanah-tanah milik perseorangan atau swasta adalah hak milik mereka sendiri. Mereka mempunyai hak melakukan apa sahaja ke atas tanah tersebut kecuali

menggunakan tanah secara haram. Dengan itu pihak swasta atau perseorangan berhak mengenakan upah atau tol di atas tanah mereka apabila tanah mereka itu digunakan oleh orang lain. Oleh hal yang demikian, Kerajaan tidak boleh mengadakan satu undang-undang lain mencegah pihak swasta mengutip tol di atas tanah mereka kerana ini bercanggah dengan Perkara 13 Perlembagaan Negara.

Tuan Hu Sepang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pihak Kerajaan tidak ada undang-undang yang boleh mencegah pihak-pihak swasta mengutip tol khususnya di ladang-ladang mereka, adakah Kerajaan bercadang membalas dendam dengan pihak estet-estet dengan menubuhkan tol khas untuk estet-estet itu? Memandangkan orang awam sekarang untuk masuk ke estet kena bayar tol dan Yang Berhormat Menteri itu pun juga merupakan seorang expert dalam tol, jadi adakah beliau bercadang kepada Kabinet untuk menubuh tol khas untuk estet-estet supaya Kerajaan boleh mengajar pihak estet-estet jangan kutip bayaran dari kenderaan awam ataupun orang awam yang masuk ke estet itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 3 atau 4 bulan yang lalu apabila saya gunakan jalan Sungai Tinggi iaitu dari mana Ahli Yang Berhormat baru-baru tadi menyoal kepada saya datang, saya sendiri pun kena bayar \$2.00. Dia tidak kira saya Menteri Kerjaraya atau tidak. Dia kata mengikut dengan undang-undang syarikat, syarikat itu menyelenggarakan dan memperbaiki jalan itu dan oleh sebab itu mereka kata tiap-tiap orang yang menggunakan jalan itu mesti membayar \$2.00 dan saya pun bayar juga. Jikalau saya tidak bayar, pada masa akan datang bila saya kenakan tol kepada beliau, beliau pun mesti soal

kepada saya. Itu fasallah saya suka membayar tol.

Yang kedua, Yang Berhormat tadi telah meminta penjelasan berkenaan dengan jalan-jalan yang sedia ada di ladang-ladang itu. Saya harap Yang Berhormat tahulah jalan-jalan itu terpulanglah kepada pemilik-pemilik ladang-ladang untuk memperbaiki. Tetapi pada masa sekarang ada juga kita mengambil satu atau dua tindakan untuk memperbaiki jalan iaitu jalan memasuki ke ladang-ladang melalui Jalan Persekutuan. Saya buat junction, dengan izin, dan lain-lain untuk memperbaiki keadaan jalan yang mana penduduk-penduduk daripada ladang apabila sahaja mereka suka keluar daripada ladang, mereka ada pondok, mereka ada jalan yang baik dan lain-lain. Ini masuk dalam kuasa saya. Luar daripada kuasa saya, Tuhan pun tak boleh tolong. (*Ketawa*)

PELANCONG—BILANGAN DAN HASIL

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan pelancong yang masuk ke Malaysia untuk tahun-tahun

Tahun	Bilangan Pelancong	Amaun Pertukaran Asing (Juta \$)
1980	2,250,070	713.13
1981	2,533,606	1,000.88
1982	2,775,675	1,131.51
1983	2,927,573	1,329.33
1984	2,947,336	1,426.10
*1985	3,080,065	1,546.24
*1986	3,285,166	1,705.60

1980 hingga 1986 dan amaun pertukaran asing yang diperolehi;

- (b) amaun peruntukan yang diluluskan bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk tahun-tahun 1985, 1986 dan untuk 1987 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk menggalakkan lagi Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan;
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelancongan untuk melonggarkan syarat-syarat visa atau menyegerakan pengeluaran visa untuk menarik lebih ramai pelancong ke dalam negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelancong yang datang ke Malaysia untuk tahun 1980 hingga 1986 dan amaun pertukaran asing yang diperolehi ialah seperti berikut:

(b) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 khusus untuk tujuan menggalakkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan adalah seperti berikut:

1985:	\$20.147 juta
1986:	\$20.345 juta
1987:	\$21.506 juta

Berasaskan kepada peruntukan yang disediakan, maka langkah-langkah yang telah dan akan terus dijalankan oleh Perbadanan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi perkembangan industri pelancongan negara adalah meliputi pelaksanaan aktiviti-aktiviti berikut:

(i) Pengiklanan adalah merupakan aktiviti utama Perbadanan dalam usaha memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini. Sebahagian besar dari kempen-kempen pengiklanan Perbadanan adalah dijalankan menerusi TV, radio dan majalah-majalah terkemuka di semua pasaran terpilih seperti di Amerika Syarikat, Eropah, Negeri Jepun, Hong Kong, Taiwan, Australia dan Negeri Thai.

(ii) Penganjuran program-program penggalakan seperti penghantaran misi jualan pelancongan ke pasaran-pasaran yang terpilih, penyertaan dalam pameran-pameran dan pertunjukan-pertunjukan pelancongan antara-

bangsa, seminar, woksyp dan lain-lain persembahan guna untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan.

(iii) Menjemput penulis-penulis pengembara dan rombongan-rombongan perfileman dari luar negeri bagi membuat liputan mengenai negara ini.

(iv) Mengeluarkan berbagai jenis risalah-risalah khusus untuk kegunaan bakal bakal pelancong di dalam dan di luar negeri. Bagi tahun 1986, sejumlah 1.9 juta risalah telah pun dicetak di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Jerman Barat, Jepun, Perancis dan China untuk tujuan ini.

(c) Langkah-langkah yang telah diambil untuk melonggarkan syarat visa dan menyegerakan pengeluaran visa untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini adalah seperti berikut:

(i) Kerajaan telah menandatangani Perjanjian Separuh Visa dengan Jepun, Korea Selatan, Austria dan Perancis—kemudahan melawat Malaysia selama tiga (3) bulan tanpa visa.

(ii) Memberi kemudahan kepada warganegara Jerman Timur melawat Malaysia selama tujuh (7) hari tanpa visa dan selama empat belas (14) hari dengan visa tanpa rujukan.

(iii) Memberi kemudahan kepada warganegara

Taiwan, pemegang Hong Kong's Certificate of Identity dan warganegara India melawat Malaysia selama dua (2) bulan dengan visa tanpa rujukan.

Bagi negara-negara lain, kemudahan adalah seperti yang berkuatkuasa masa kini.

Arahan telah dikeluarkan kepada semua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut untuk memproses serta meluluskan permohonan visa tanpa rujukan dalam masa satu (1) hari bekerja dan bagi permohonan visa dengan rujukan ke Ibu Pejabat, tempoh untuk memproses dan meluluskan permohonan adalah satu (1) bulan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pentingnya industri pelancongan ini, saya dapati daripada jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa sejak tahun 1984 sehingga tahun 1986 jumlah pelancong—angka yang diberikan tadi ialah hampir 3 juta setiap tahun—ialah hampir 8 juta sehingga tahun 1986. Sebenarnya saya tidak dapat melihat kesan jumlah pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dalam tahun-tahun yang disebutkan itu.

Jadi saya ingin tahu apakah selain daripada perangkaan yang dikutip dan yang diformulatkan oleh pegawai-pegawai dalam TDC, adakah pihak-pihak lain yang lebih bebas yang membuat perangkaan supaya ia mencerminkan sebenarnya jumlah pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia ini kerana pentingnya angka di dalam soal pelancongan ini. Adakah pihak lain yang membuat perangkaan selain daripada pihak-pihak pegawai di

TDC? Dan sekiranya ada, apakah hasil yang didapati? Terima kasih.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingat Travel Agents pun boleh menolonglah tetapi angka-angka itu saya tidak ada. Kalau Yang Berhormat hendak butir-butir ini boleh menulis kepada saya.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan sama ada Kerajaan sedar tentang suatu kewujudan keadaan di mana terdapat para pelancong ataupun yang dikatakan dibenarkan masuk ke satu-satu negeri seperti Negeri Sabah atas visa pelancong dan sesudah sampai di negeri itu maka pelancong berkenaan mengambil kesempatan untuk berniaga, menjaja, dari satu kampung ke satu kampung dan akhirnya dia akan mendapat kad pengenalan merah dan seterusnya apa yang dikatakan kad pengenalan biru yang palsu. Kalau sedar, adakah Kerajaan hanya membiarkan keadaan seperti ini berlaku sepanjang masa?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya ingat di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengkaji semula keputusannya untuk menarik diri dari Pertubuhan Pelancong Dunia sebagai satu langkah untuk membolehkan negara kita memainkan satu peranan yang lebih penting dalam menarik pelancong ke negara ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian saya tidak ada mengkaji semula itu ke arah menarik pelancong dari lain tempat tetapi itu satu tindakan yang kita selalu lanjutkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sudah salah faham soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ulangi soalnya.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak mengulangi soalan tambahan saya. Apa yang saya bertanya tadi ialah memandangkan bahawa negara Malaysia telah menarik diri daripada Pertubuhan Pelancong Dunia ataupun The World Tourists Organisation, dengan izin, suka saya bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk menarik atau untuk menimbang semula keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam perkara ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab dahulu, kita belum mengkaji perkara itu dan kita tidak ada mengkaji semula tentang perkara ini.

KOR JURUTERA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

12. Drs Sulaiman bin Mohamed minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kor Jurutera Angkatan Tentera Malaysia akan diperbesar dan dilengkapi dengan lebih banyak lagi peralatan supaya ianya dapat memainkan peranan penting mengambilalih kerja-kerja Kerajaan yang pada masa ini diswastakan dan yang demikian dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dalam bidang-bidang tertentu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya tidak ada rancangan untuk membesarkan Angkatan Tentera Malaysia termasuklah Bahagian Kejuruteraan dalam keadaan ekonomi sekarang di mana peruntukan kewangan untuk Kementerian Pertahanan tidak mengizinkan untuk membesar mana-mana bahagian dalam

Angkatan Tentera. Tumpuan sekarang ialah untuk memenuhi kekurangan anggota dan alat kelengkapan dalam pasukan supaya unit-unit Regimen Askar Jurutera dapat memainkan peranan utama mereka membantu pasukan lain.

Langkah-langkah tertentu juga diambil untuk memperkukuhkan dan meninggikan lagi profesional ketenteraan dalam aspek teknikal untuk mendapatkan kegunaan optima dari tenaga kerja yang sedia ada. Penglibatan Kor ini dalam pembinaan adalah untuk membantu pasukan-pasukan lain semasa menjalankan tugas-tugas operasi dan latihan di samping membantu Kerajaan membina rumah keluarga untuk Angkatan Tentera, membina jalan, jambatan dan sebagainya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya banyak kekurangan daripada Angkatan Tentera kita di mana jikalau keadaan wujud seperti ini adakah Angkatan Tentera itu mampu untuk mempertahankan kedaulatan tanahair kita apabila negara seperti Vietnam atau musuh-musuh kita mendarat di negara ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan itu keluar daripada soalan asal Yang Berhormat. Tidak payah jawab.

PENYAKIT BARAH PARU-PARU—KEMATIAN

13. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai bilangan kematian kerana sakit barah jantung (lung cancer) disebabkan oleh merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, bilangan kematian yang disebabkan oleh penyakit barah paru-paru yang telah dilaporkan oleh hospital-hospital Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia dari tahun 1980 hingga 1985 ialah sebanyak 1,443 kes. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah pun menganggarkan bahawa 90% kematian oleh sebab barah paru-paru adalah bersangkut-paut dengan merokok. Oleh yang demikian, sekiranya kita berpandu kepada anggapan yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia maka jumlah kematian kerana barah paru-paru yang disebabkan oleh merokok di Semenanjung Malaysia bolehlah dikatakan sebanyak 90% daripada angka kematian yang saya sebutkan tadi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah, asas lain daripada anggaran yang diberikan oleh World Health Organization, dengan izin, asas ataupun bagaimanakah pihak Kementerian membuat penentuan yang satu-satu kematian sakit barah jantung (lung cancer) dengan izin, disebabkan oleh merokok ataupun dengan lain-lain perkataan bolehkah hasil sesuatu pembedahan terhadap si mati tersebut boleh membuktikan yang si mati itu mati kerana merokok.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, di Kementerian Kesihatan kita belum dapat buat begitu.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kita berasa terkejut kerana sebahagian besar ataupun boleh dikatakan majoriti kematian sakit barah jantung itu adalah diakibatkan oleh merokok. Apa yang kita semua tahu Malaysia

mempunyai banyak perokok-perokok. Dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengajak rakyat Malaysia supaya mengurangkan merokok supaya mereka tidak akan mati akibat sakit barah jantung. Dan saya faham juga dalam Parlimen yang mulia ini sebahagian besar Ahli-ahli Parlimen pun merokok. (*Ketawa*) dan ini adalah sangat membahayakan kepada kita semua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Termasuk

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada seorang pun yang merokok dalam Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 14 hingga 97 adalah diberi di bawah ini).

SISTEM ESTET PADI

2. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan dengan lebih luas sistem estet padi dengan meliputi lebih ramai penanaman-penanam padi atau dengan menggerakkan pertumbuhan-pertumbuhan Peladang untuk mengusaha tanaman padi secara berkelompok bagi mengurangkan kos pengeluaran padi yang tinggi di negara ini.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Ladang padi berkelompok adalah merupakan kawasan sawah padi yang diusahakan

secara berkumpulan terdiri dari tanah-tanah sawah kecil yang sebelah menyebelah dan digabungkan kepada saiz keluasan yang lebih ekonomik. Kawasan-kawasan ini berbeza keluasannya, di antara 8.1 hektar (20 ekar) hingga 405 hektar (1000 ekar). Pada masa ini kebanyakan kawasan padi berkelompok diusahakan di bawah pengelolaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Mini estet padi adalah kawasan-kawasan padi yang diusahakan oleh pengusaha, badan atau pertubuhan secara bersendirian/swasta tanpa penglibatan tuan punya tanah-tanah tersebut. Tuan-tuan tanah telah bersetuju menyerahkan tanah-tanah mereka diusahakan secara mini estet.

Kerajaan memang memberikan perhatian dan penekanan untuk memperluaskan kedua-dua bentuk/cara sawah diusahakan itu. Dengan cara perladangan padi berkelompok, usaha-usaha persawahan dapat diusahakan dengan lebih efisien, teratur dan produktif. Kos-kos pengeluaran contoh kos pembajakan, input, penuaian dapat dikurangkan kira-kira sepuluh peratus. Hasil dari projek berkelompok telah juga dapat ditingkatkan ke paras 15-25 peratus dari pencapaian biasa.

Secara mini estet, kawasan-kawasan padi boleh diusahakan walaupun tuan-tuan punya tanah tidak lagi berminat untuk mengusahakan tanah mereka. Faktor utama adalah mereka bersetuju menyerahkan tanah-tanah mereka kepada pihak pengusaha/swasta untuk diusahakan.

Bagi tahun 1985/1986 sahaja sebanyak 125 buah projek ladang berkelompok padi/estet mini-padi telah diusahakan serta masih diteruskan oleh 47 buah PPK meliputi kawasan seluas 10,199 hektar di Semenanjung Malaysia. Di MADA, bilangannya ialah 163 meliputi 10,787

hektar. Di KADA, bilangannya ialah 10 meliputi 122 hektar.

Bagi tahun 1987/1988 menerusi LPP, PPK sedang merancang mengusahakan 106 buah projek tambahan di kawasan sawah padi yang sedia ada dan tanah sawah terbiar meliputi 9,975 hektar dengan membabitkan 61 buah PPK. Di MADA, bilangannya adalah 27 meliputi 1,800 hektar. Di KADA bilangannya adalah 12 meliputi 446 hektar.

INDUSTRI VIDEO

4. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan industri video di negara ini berkembang dengan pesatnya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan:

- (a) industri filem tempatan tidak terjejas;
- (b) peluang yang sama diberikan oleh bumiputera untuk menceburi industri video oleh kerana pada masa ini tidak ramai bumiputera yang terlibat secara aktif di dalam industri itu; dan
- (c) pita-pita video yang diedarkan di negara ini adalah yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat penuntut, tidak bertentangan dengan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat tempatan bukan dengan tujuan hiburan semata-mata.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawal kemasukan pita-pita video dari luar negeri bukan sahaja untuk menjamin kandungan pita-pita video tidak bertentangan dengan ketenteraman awam, keselamatan negara, akhlak, perhubungan baik

dengan Kerajaan atau negara asing, bertentangan dengan undang-undang negara, atau bertentangan dengan kepentingan awam dan kepentingan negara.

Pita-pita video, termasuk yang bercorak hiburan, yang diedarkan untuk tuntutan orang ramai di Malaysia adalah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem untuk memastikan bahawa kandungan pita-pita video itu tidak bertentangan dengan nilai-nilai dan kepentingan-kepentingan yang saya sebutkan tadi.

PELANCONG KE MALAYSIA

14. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelancong yang datang ke negara kita dalam tahun 1986 mengikut negara asal dan peratusan pelancong tersebut yang datang ke Sarawak dan Sabah dan jumlah wang asing yang diterima. Memandangkan jumlah pelancong yang datang ke Sarawak dan Sabah adalah amat rendah, apakah langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam usaha mereka memajukan industri pelancongan di peringkat negeri.

Dato Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan ketibaan pelancong untuk tahun 1986 masih belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Mengikut jangkaan jumlah pelancong yang mengunjungi negara dalam tahun 1986 ialah seramai 3,285,166 pelancong dan dari jumlah ini, 3.5% mengunjungi Sarawak dan 2.0% mengunjungi Sabah. Jumlah pendapatan wang asing dari pelancongan untuk tahun 1986 dianggarkan sebanyak M\$1,568.7 juta bagi Semenanjung Malaysia, M\$62.6 juta bagi negeri Sarawak dan M\$74.3 juta bagi negeri Sabah.

Masalah utama yang dihadapi oleh negeri Sarawak dan Sabah ialah "accessibility" atau jalan masuk, sama ada melalui udara ataupun laut. Dalam perkara ini Kerajaan Pusat telah pun melaksanakan beberapa usaha untuk menambah kemudahan masuk ke Sarawak dan Sabah.

Di samping itu Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) telah melaksanakan dua (2) kajian pelan induk pelancongan iaitu satu (1) untuk negeri Sabah dan satu (1) untuk negeri Sarawak pada tahun 1980.

Satu lagi usaha Perbadanan untuk menambahkan publisiti mengenai Malaysia ialah bagi menjemput penulis-penulis pengembara dan rombongan perfileman dari luar negeri bagi membuat liputan mengenai negara ini. Dalam hubungan ini, negeri Sabah dan Sarawak juga telah diberi keutamaan. Bagi tahun 1986, seramai 38 orang penulis pengembara dan 3 rombongan perfileman dari luar negeri telah dibawa untuk membuat lawatan ke Sabah dan Sarawak. Di samping itu, seramai 26 orang pengusaha pelancongan dari Hong Kong, Jerman Barat dan Amerika Syarikat juga telah membuat lawatan suaikenal ke Sabah dan Sarawak dalam tahun yang sama di bawah anjuran Perbadanan.

Perbadanan juga telah menerbitkan risalah-risalah khas mengenai Sabah dan Sarawak di dalam Bahasa Inggeris, Perancis dan Jepun khusus untuk pendedaran di dalam dan luar negeri.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

15. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Menteri Luar Negeri menyatakan dapatkah Menteri menerangkan tentang perkembangan perundingan mengenai masalah tuntutan Filipina ke atas Sabah. Apakah Yang Berhormat Menteri yakin masalah ini dapat

diselesaikan menimbangkan janji-janji pada masa lalu hanya tinggal janji sahaja.

79. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keputusan mesyuarat yang diadakan di antara Kerajaan Filipina dan negara kita atas tuntutan negeri Sabah. Adakah penyelesaian yang dicadangkan untuk menyelesaikan pertikaian ini. Kalau tidak, mengapa.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean pada hari ini juga.

Sebagaimana yang telah berulang-kali dinyatakan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah merupakan satu isu yang harus diselesaikan oleh Kerajaan Filipina sendiri. Dalam hal ini Malaysia mengalu-alukan kenyataan dan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Filipina yang boleh membuka jalan bagi menyelesaikan isu ini. Adalah menjadi hasrat besar Malaysia supaya Kerajaan Filipina dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin supaya kerjasama yang lebih bermakna di antara kedua negara dapat dipupuk.

PINJAMAN ASING

16. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah usaha telah dibuat bagi melonggarkan syarat-syarat pinjaman asing bagi memastikan penyertaan bumiputera menjelang 1990 kerana memandangkan selama ini projek-projek pembinaan melalui pinjaman luar tidak dinikmati bersama oleh kontraktor-kontraktor bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan

memperolehi pinjaman asing dari berbagai punca. Satu daripadanya ialah pinjaman yang didapati dari punca-punca dua-hala dan dari institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Pinjaman-pinjaman seperti ini tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh peminjam. Oleh yang demikian, tindakan untuk menukar atau meminda syarat-syarat pinjaman ini adalah terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya Kerajaan juga membuat pinjaman daripada pasaran kewangan antarabangsa. Pinjaman ini digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Kontraktor-kontraktor Bumiputera dipelawa menyertai tender-tender bagi melaksanakan projek-projek ini menjalankan kerja sebagai sub-kontraktor. Maka adalah kurang tepat kalau dikatakan bahawa kontraktor-kontraktor bumiputera tidak menikmati bersama di dalam projek-projek pembinaan melalui pinjaman luar.

MINYAK MENTAH— PENGELUARAN

17. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan selama ini adalah diperhatikan bahawa dasar pengeluaran minyak mentah negara adalah berkait rapat dengan dasar-dasar pengeluaran yang dibuat oleh OPEC. Apakah aliran ini akan berterusan; dan adakah dipertimbangkan faktor-faktor seperti kekecilan simpanan minyak mentah negara dan kehendak-kehendak kewangan negara (khususnya pada masa ini) di dalam menganuti jejak langkah OPEC ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Adalah tidak benar dasar pengeluaran minyak mentah negara berkait rapat dengan

dasar pengeluaran yang dibuat oleh OPEC. Pengeluaran minyak mentah negara adalah berdasarkan kepada perancangan pengeluaran minyak yang dipersetujui oleh Kerajaan, selaras dengan kehendak-kehendak kewangan dan belanjawan projek-projek pembangunan negara. Di samping itu ianya juga bergantung kepada keupayaan teknikal dan operasi syarikat-syarikat pengeluar minyak mentah.

Malaysia sebagai negara pengeluar minyak yang kecil dan bukan anggota OPEC menyokong langkah yang diambil oleh OPEC untuk menstabilkan harga minyak mentah dunia kepada paras yang مناسب. Negara kita sentiasa mengawasi perkembangan pasaran minyak mentah dunia dan akan terus menyokong langkah-langkah OPEC sekiranya terbukti terdapat kesungguhan di pihak itu untuk menstabilkan harga minyak mentah dunia dan bahawa negara-negara Pertubuhan ini benar-benar mematuhi had pengeluaran negara masing-masing yang telah ditetapkan oleh OPEC. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kestabilan harga minyak mentah ke paras harga yang lebih tinggi, akan dapat menimbal balik (offset) pengurangan dalam pengeluaran. Hasil pendapatan sebenarnya akan bertambah.

PROJEK PERTANIAN DI KAMPUNG BARU

18. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pertanian Kerajaan kini sedang membelanjakan wang yang banyak dalam berbagai projek pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Berapa banyakkah peratus yang disediakan untuk pembangunan kampung-kampung baru.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kementerian Pertanian tidak

menyediakan peruntukan khas bagi projek-projek pertanian di kampung-kampung baru. Bagi makluman Yang Berhormat, kampung-kampung baru adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Walau bagaimanapun Kementerian Pertanian mengadakan projek-projek pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk membantu penduduk-penduduk di sesuatu kawasan termasuk penduduk-penduduk kampung baru dengan menyediakan khidmat nasihat, bantuan kredit, infrastruktur pertanian, latihan teknikal, demonstrasi penanaman, pengembangan, pasaran dan lain-lain khidmat sokongan di bawah Kementerian Pertanian.

KERJASAMA MALAYSIA— INDONESIA

19. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai kerjasama antara negara kita dengan Indonesia terutamanya di masa-masa yang akhir-akhir ini. Apakah bidang kerjasama yang khusus diusahakan sekarang ini. Adakah ini satu petanda bahawa Zopis telah terancam.

Dato' Rais Yatim: Sesuai dengan kedudukan sebagai dua buah negara jiran yang berdekatan dan sekutu di dalam ASEAN, kerjasama antara Malaysia dan Indonesia adalah sentiasa erat. Kerjasama ini merangkumi bidang yang luas seperti bidang politik, ekonomi, sosial, keselamatan, pentadbiran, ketenteraan dan pelajaran. Adalah menjadi hasrat kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi kerjasama ini demi untuk faedah bersama.

Mengenai bahagian kedua soalan ini, kerjasama erat yang sedia ada antara Malaysia dan Indonesia dan

juga kerjasama antara semua anggota-anggota ASEAN yang menggalakkan, membantu ke arah kejayaan ZOPFAN. Oleh itu soal ancaman terhadap ZOPFAN tidaklah timbul.

PELABUR ASING/ TEMPATAN

20. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah pun mengadakan dialog dengan sektor-sektor persendirian mengenai masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan;
- (b) jika tidak, mengapa; dan
- (c) jika ada, setakat manakah kejayaan dialog-dialog tersebut.

Dato Kok Wee Kiat: (a) dan (b) Kerajaan memang selalu dan akan terus mengadakan dialog dengan sektor-sektor swasta bagi mengenalpasti dan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan dan juga untuk mendapatkan pandangan dan cadangan dari sektor swasta bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan di Malaysia. Di antara majlis-majlis dialog yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- (i) Majlis dialog tahunan antara Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Pegawai-pegawai Kanan dengan berbagai pertubuhan swasta termasuk dewan-dewan perniagaan;
- (ii) Perbincangan-perbincangan dengan sektor swasta semasa menyediakan Pelan Induk Perindustrian;
- (iii) Siri dialog antara pegawai-pegawai kanan Kerajaan dengan dewan-dewan

perniagaan dan kesatuan-kesatuan industri dan ahli perniagaan asing di Malaysia.

- (iv) Majlis-majlis dialog dan perbincangan telah juga diadakan sempena pelancaran satu-satu dasar Kerajaan seperti pelancaran Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.
- (c) Kejayaan dialog-dialog tersebut boleh dilihat dari perubahan dasar dan galakan pelaburan yang baru dilaksanakan oleh Kerajaan hasil daripada dialog-dialog ini. Kerajaan menyedari bahawa kelonggaran-kelonggaran dari segi pemilikan ekuiti, pasaran dan juga pengambilan kakitangan asing perlu diberikan bagi menarik minat pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia. Kelonggaran-kelonggaran yang telah diberikan dan galakan-galakan baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mendapat sambutan yang baik dari pelabur-pelabur asing dan tempatan.

CUKAI LAWATAN KELUAR NEGERI

21. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengenakan cukai lawatan keluar negeri ke atas rakyat Malaysia yang hendak melawat negara lain, kecuali dengan tugas rasmi atau pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan dan mereka yang mengerjakan ibadat Haji dan Umrah.

Tuan Loke Yeun Yow: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengenakan cukai ke atas lawatan keluar negeri.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR—KEJAYAAN

22. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat ini sejauh manakah pembangunan luar bandar telah berjaya, dan pembangunan asas seperti jalan-jalan raya, api dan air telah dapat dibangunkan di luar bandar, dan apakah sambutan orang ramai kepada rancangan industri kampung yang telah dirancang oleh Kementerian ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Sehingga akhir tahun 1986, sepanjang lebih kurang 2500 km. jalan-jalan luar bandar telah dibina dan sepanjang 5500 km. jalan kampung telah dinaikkan taraf ke jalan tar. Manakala bagi kemudahan bekalan air luar bandar sebanyak 60% penduduk luar bandar telah menikmatinya begitu juga dengan bekalan elektrik iaitu hampir 70% penduduk luar bandar yang menikmatinya.

Melalui KEMAS pula, beberapa aktiviti seperti Ekonomi Rumah tangga, Taman Bimbingan Kanak-kanak, Latihan Kemahiran, Pendidikan Agama Islam, Rancangan Pedoman Tugasan, Rancangan Desa Usaha dan Khutub Khanah Desa telah mendapat sambutan dari rakyat luar bandar.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sambutan orang ramai kepada rancangan industri kampung yang dirancang oleh Kementerian ini adalah baik dan memuaskan. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar senantiasa menerima permohonan bagi mendapat bantuan projek industri kampung dari masa ke masa dan pertimbangan dibuat berdasarkan kepada daya maju sesuatu projek berkenaan.

RUMAH KOS RENDAH DI SUNGAI DULANG

23. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah skim perumahan kos rendah di Sungai Dulang Bagan Datoh telah terhenti pembinaannya. Adakah ia disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (a) kontraktor datangnya daripada tempat yang jauh, iaitu Kedah, oleh itu ia tidak tahu berkenaan masalah tempatan ataupun ada sebab-sebab lain;
- (b) daripada 204 unit yang dibina berapakah yang telah dipohon dan diluluskan; dan
- (c) akibat daripada laluan kenderaan berat yang digunakan untuk membangunkan skim itu jalan masuk ke Pekan Sungai Dulang telah pun habis rosak keseluruhan sehingga perkhidmatan bas yang memberikan perkhidmatan untuk orang awam dan kanak-kanak sekolah terpaksa memberhentikan perkhidmatannya. Jadi bilakah jalan itu akan diperbaiki dan kalau ia menunggu skim perumahan itu siap bilakah ia akan siap kerana ia sedang tergendala sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Pemborong yang menjalankan projek membina 204 unit rumah jenis teres di Sungai Dulang adalah seorang kontraktor bumiputera yang berasal dari Kedah. Bagaimanapun itu tidaklah boleh dijadikan alasan yang menyebabkan tergendalanya pembinaan projek tersebut. Pihak kontraktor sebenarnya menghadapi masalah kesukaran mengangkut bahan-bahan binaan untuk memasuki projek perumahan itu

kerana Jalan Sungai Dulang telah mengalami kerosakan.

Setakat ini sebanyak 157 permohonan telah diterima untuk menduduki 204 unit rumah yang didirikan itu. Semua permohonan yang diterima akan diproses terlebih dahulu sebelum kelulusan diberikan.

Jalan Sungai Dulang tidak rosak keseluruhannya sehingga ke peringkat yang tidak boleh digunakan langsung. Kenderaan masih boleh melalui jalan tersebut dengan dipandu perlahan-lahan kerana jalannya yang tidak rata. Masalah ini telah dibincangkan di peringkat daerah dan negeri. Mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerjaraya, kontraktor perlu menyelenggarakan jalan ini dalam tempoh ia digunakan dan akan menanggung perbelanjaan bagi pembinaan semula jalan yang dianggarkan menelan belanja \$312,500.00. Pada masa ini Jabatan Kerjaraya telah membenarkan kontraktor menggunakan jalan itu semula untuk mengangkut bahan-bahan binaan. Perkhidmatan bas melalui Jalan Sungai Dulang juga telah pulih seperti sedia kala sejak 16hb April, 1986 lagi. Kerja-kerja pembinaan semula dan memulihkan Jalan Sungai Dulang akan dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya selepas projek perumahan disiapkan sepenuhnya yang dijangkakan pada bulan September 1987.

KERETA TERJATUH DALAM SUNGAI

24. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebuah kereta telah tergelincir dan terjatuh ke dalam Sungai Kinabatangan pada tahun lepas sehingga penumpang-penumpang kereta tersebut terkorban. Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kelicinan di

kawasan tersebut dan bolehkah beliau menerangkan sejauh manakah pelaksanaan kerja-kerja membina Jambatan Kinabatangan—Segama termasuklah pembinaan jalan untuk menghubungkan kawasan tersebut menyambungkan Lebuhraya Pantai Barat dan Pantai Timur.

Dato' S. Samy Vellu: Sebuah van yang mengandungi penumpang-penumpang telah terjatuh ke dalam sungai pada 4hb Disember 1986 adalah kemalangan yang tidak diduga. Kejadian itu berlaku semasa van tersebut berjalan menuju ke Feri Kinabatangan dan tergelincir semasa hendak menaiki feri tersebut. Walau bagaimanapun, menyedari bahaya di kawasan tersebut Kerajaan telah pun menambah papan-papan tanda amaran dan telah mengarahkan para penumpang supaya turun dari kenderaan masing-masing apabila hendak menaiki feri.

Mengenai Jambatan Kinabatangan dan Jambatan Segama ianya sedang dilaksanakan dan masing-masing dijangka siap pada akhir tahun 1988 dan akhir 1989, manakala jalan raya yang melalui jambatan-jambatan ini dan juga yang menghubungkan Pantai Barat dan Timur melalui jalan raya Telupid—Lahad Datu yang sekarang sedang dilaksanakan.

LEMBAGA LETRIK NEGARA—PENSWASTAAN

25. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Lembaga Letrik Negara akan diswastakan dan bilakah penswastakan ini dijadualkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Pada ketika ini Kerajaan belum dapat memastikan sama ada LLN akan diswastakan atau tidak. Bagi tujuan ini satu bank saudagar telah pun dilantik

untuk mengkaji kemungkinan penswastaaan LLN dan Laporan kajian ini kelak akan diteliti oleh Kerajaan sebelum sesuatu keputusan diambil ke atas penswastaaan LLN.

SISTEM PELAJARAN— KAJIAN SEMULA

26. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Sistem Pendidikan yang ada sekarang ini hanya mampu melahirkan rakyat yang berilmu tetapi tidak mempunyai kemahiran. Jika di nilai dari segi kos dan faedahnya ini merupakan pembaziran pelaburan tenaga manusia. Kiranya beliau sedar bilakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pelajaran ini dan apakah pendekatan-pendekatan yang digunakan. Bila pula sistem pelajaran yang baru ini akan dilaksanakan.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran menyedari tentang keadaan ini dan langkah-langkah untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu sedang diambil. Kurikulum Sekolah Menengah dan Sekolah Menengah Vokasional sedang diubahsuai bagi menentukan pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah ini akan mempunyai bukan sahaja pengetahuan tetapi juga kemahiran-kemahiran tertentu untuk menceburi dunia atau alam pekerjaan. Sistem ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

KENAIKAN PANGKAT GURU-GURU

27. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah guru-guru Tingkatan Biasa "A", Tingkatan Khas

C2 dan Tingkatan Khas C1, di negeri Kelantan, telah disahkan jawatannya sebelum tawaran kenaikan pangkat jawatan baru dikeluarkan. Berapa ramaikah bilangan yang telah disahkan bagi tiap-tiap kumpulan itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini memang ada menjalankan urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C yang memangku di seluruh Malaysia pada tiap-tiap tahun. Di negeri Kelantan sahaja, pada tahun 1986, Kementerian Pelajaran telah meluluskan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C seperti berikut:

1. Kategori C2 Tingkatan Biasa "A" — 50 orang
2. Kategori C2 Tingkatan Khas — 33 orang
3. Kategori C1 Tingkatan Khas — 13 orang

PELAJAR BIASISWA JPJ

28. Tuan James Jimbun Pungga minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian mengetahui biasiswa/Biasiswa JPA dalam beberapa buah universiti tempatan hanya menerima wang biasiswanya untuk membayar tuisyen penggal dan asrama tempat tinggal agak lambat. Kalau demikian, apakah langkahnya yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak beberapa tahun yang lalu, pelajar-pelajar yang mendapat Biasiswa Persekutuan (JPA) yang menuntut di universiti-universiti tempatan tidak lagi menghadapi masalah kelewatan bayaran biasiswa masing-masing. Ini adalah kerana JPA telah mempercepatkan urusan pemilihan dengan menukar sistem

temuduga kepada Ujian Objektif dan urusan pembayaran yang diproses melalui komputer. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa memastikan bahawa pembayaran yang dibuat oleh universiti-universiti tempatan dikeluarkan sebaik sahaja sesi pengajian bermula.

**ELAUN PERUMAHAN
ANGGOTA POLIS/
TENTERA**

29. Tuan Tieu Sung Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada anggota-anggota polis dan tentera dari Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung telah diberi elaun perumahan sebagai yang diberikan kepada anggota-anggota polis dan tentera dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak. Jika belum, bila.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota-anggota polis dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung dibayar Elaun Bantuan Sewa Rumah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980 sekiranya mereka tidak menduduki rumah Kerajaan atau yang disewa oleh Kerajaan kadar bayarannya mengikut pangkat adalah seperti berikut:

<i>Pangkat</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Sub-Inspektor	\$138.00
Sarjan Mejar	138.00
Sarjan	138.00
Koperal	138.00
Lans Koperal	85.00
Konstabal	85.00

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa anggota tentera dari Sarawak yang bertugas di Semenanjung Malaysia juga diberi elaun perumahan

mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil. 10 Tahun 1980 yang berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1980. Kadarnya adalah seperti berikut:

<i>Pangkat</i>		<i>Kadar Sebulan</i>
Ketua Tulus Angkatan Tentera		\$2,000.00
Jenderal		1,500.00
Leftenan Jenderal		1,250.00
Mejar Jenderal		1,000.00
Brigadier Jenderal		750.00
Kolonel		600.00
Leftenan Kolonel		500.00
Mejar		450.00
Kapten		400.00
Leftenan		370.00
Leftenan Muda		370.00
Pegawai Waran I	}	138.00
Pegawai Waran II		
Staff Sarjan		
Sarjan	}	85.00
Koperal		
Lans Koperal	}	85.00
Prebet		

**PERBINCANGAN PERDANA
MENTERI—PRESIDEN
SUHARTO**

30. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan kandungan perbincangan beliau dengan Presiden Suharto pada bulan Februari tahun ini, sejauh manakah perbincangan ini membawa kekesanan kepada ekonomi, sosial dan pertahanan negara ini.

Dato' Rais Yatim: Lawatan singkat kerja Presiden Suharto ke Malaysia pada 5hb Februari dan perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan beliau adalah dalam konteks perbincangan lanjutan yang sering diadakan bertujuan untuk bertukar pendapat dan fikiran mengenai berbagai masalah kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Berhubung dengan masalah dua hala, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertukar-tukar pendapat dengan Presiden Suharto mengenai perkembangan di kedua-dua negara, di samping usaha-usaha bersama untuk meningkatkan hubungan serta meluaskan kerjasama ekonomi. Dalam hal ini kedua-dua negara bersetuju untuk mencari jalan ke arah meningkatkan perdagangan dua hala serta kerjasama ekonomi yang lebih meluas.

Mengenai masalah pendatang haram persefahaman telah dicapai untuk mengatasi masalah ini melalui usaha-usaha mengukuhkan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk membolehkan kita mengawal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia. Indonesia memahami masalah yang kita hadapi dan bersedia bekerjasama mengatasinya. Indonesia juga bersetuju bahawa pekerja-pekerja Indonesia di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Mengenai ASEAN, khususnya mengenai Persidangan Kemuncak Ketiga yang akan diadakan pada bulan Disember 1987, Malaysia dan Indonesia bersetuju akan perlunya pertubuhan ini meluaskan skop kerjasama ekonomi bagi menjamin kemakmuran negara masing-masing di samping untuk mengukuhkan keutuhan rantau ini. ASEAN perlu menunjukkan sikap bersatu-padu bagi membolehkan pertubuhan ini maju dan berjaya dalam kegiatan ekonomi.

Mengenai isu-isu di rantau ini, perbincangan tertumpu kepada perkembangan di Kampuchea dan Vietnam terutamanya pertukaran pucuk pimpinan Vietnam serta usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN dan lain-lain negara dalam mencari satu penyelesaian politik pada masalah Kampuchea.

Pada keseluruhannya perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto adalah begitu berkesan dalam konteks usaha ke arah memupuk persefahaman kedua-dua negara bagi meningkatkan perhubungan serta meluaskan kerjasama dua hala dan serantau.

SISTEM HIDROPONIK

31. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Projek Hidroponik yang dijalankan di Kampus Universiti Pertanian Malaysia di Serdang dan di Genting Highlands sesuai untuk dipanjangkan kepada petani-petani di negara ini dan adakah negara ini mempunyai teknologi untuk menghasilkan biji benih yang bermutu untuk digunakan dalam projek Hidroponik.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem hidroponik yang telah diubahsuai oleh Universiti Pertanian Malaysia dalam bentuk Nutrient Film Technique (NFT) boleh dipindahkan kepada petani negara ini. Sistem ini boleh dibina dengan menggunakan bahan-bahan tempatan iaitu formulasi baja tempatan dan biji benih yang diimport. Pengeluaran tanaman cara ini adalah sangat menggalakkan. Pihak Universiti kini sedang giat menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan bijih benih dan bahan tanaman yang bermutu serta sesuai ditanam secara hidroponik.

CUKAI JALAN KENDERAAN DI SABAH

32. Tuan Maidon bin Pansai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan boleh mempertimbangkan rayuan rakyat Malaysia di Sabah untuk menurunkan

“Kadar Cukai Jalan Raya” (road tax) di Sabah memandangkan kepada keadaan jalan-jalan rayanya yang masih lagi bertaraf begitu rendah sekali jika dibandingkan dengan jalan-jalan raya yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya perkara ini telah pun saya sentuh ketika membahas Peruntukan Belanjawan pada 28-11-1986 tapi malangnya Menteri berkenaan tiada memberi walau sedikit pun ulasan ke atas perkara tersebut dalam ucapan penggulungannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman): Saya berasa dukacita kerana tidak sempat memberikan ulasan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Peruntukan Belanjawan tahun 1986 yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar lesen kereta motor atau cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan di Sabah sebahagian besar adalah lebih rendah dari kadar di Semenanjung, sementara kadar lesen kereta motor tinggi adalah kadar yang pernah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebelum tahun 1984 sehinggalah sekarang.

Kerajaan sedang berusaha untuk menyelaraskan kadar lesen kereta motor di Sabah dan Sarawak mengikut keadaan yang ada sekarang.

GURU TERLATIH DI SEKOLAH RENDAH— KEKURANGAN

33. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SRJK (C) dan SRJK (T). Berikan sebab-sebab mengapakah Kementerian Pelajaran membiarkan masalah itu berlanjutan. Mengapa

tidaknya menambah pengambilan guru pelatih untuk mengatasi masalah tersebut. Nyatakan juga berapa ramai guru sementara yang diambil untuk mengambil bahasa ibunda dan bilakah mereka ini akan diganti dengan guru terlatih.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa terdapat kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah rendah termasuk SRJK (C) dan SRJK (T). Perkara ini tidaklah dibiarkan berlanjutan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengatasi kekurangan ini dengan:

- (i) Menambah bilangan guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan yang mengikuti kursus bagi SRJK (C) dan SRJK (T).
- (ii) Memendekkan tempoh latihan di maktab dari 6 kepada 5 semester tanpa menjejaskan mutu latihan.

Walau bagaimanapun yang tertentu adakah diperlukan untuk melatih seseorang guru. Oleh yang demikian kekurangan guru terlatih hanya akan dapat diatasi secara beransur-ansur.

Anggaran bilangan guru sandaran tanpa latihan yang mengajar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah rendah adalah seperti berikut:

Bahasa Cina = 16 orang

Bahasa Tamil = 44 orang

PERTUMBUHAN EKONOMI/ NILAI RINGGIT

34. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menjelaskan:

- (a) bagaimanakah jangkaan pertumbuhan ekonomi negara

bagi tahun 1987 dan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML); dan

- (b) bagaimanakah kedudukan nilai wang ringgit kita sekarang, kerana ada sesetengah pihak mendakwa bahawa nilai wang kita akan jatuh.

Tuan Loke Yuen Yow: Di dalam Ucapan Belanjawan 1987 saya yang lalu, saya telah menyebut bahawa negara kita dijangka akan mencatat kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 1% pada tahun 1987. Jika harga barangan utama dan eksport negara yang pada masa sekarang adalah baik terus meningkat, ada kemungkinan pertumbuhan ekonomi negara akan menjadi lebih baik dari yang dijangkakan. Bagi jangka masa Rancangan Malaysia Kelima ramalan sekarang ialah ekonomi negara akan tumbuh pada kadar yang sederhana tetapi stabil. Keadaan ekonomi dunia masih lagi menunjukkan ketidaktentuan. Oleh itu pertumbuhan ekonomi negara adalah bergantung kepada aliran harga barangan utama, usaha-usaha untuk menyusun semula struktur ekonomi dan menukar orientasi eksport kepada barangan bukan tradisional serta perkembangan sektor perkilangan dalam ekonomi.

Nilai ringgit telah stabil pada penghujung tahun 1986 dan awal tahun 1987. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia yang telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Kedudukan imbalan pembayaran adalah lebih baik akibat daripada peningkatan dalam harga-harga eksport komoditi serta pengurangan dalam jumlah import-import manakala rizab-rizab negara juga telah bertambah. Hasil daripada perkembangan-perkembangan ini tekanan terhadap ringgit yang telah meningkat dalam tiga suku tahunan

pertama 1986, telah berkurangan sedikit dalam suku terakhir tahun 1986 dan awal tahun 1987. Oleh itu nilai ringgit telah stabil terhadap kebanyakan matawang-matawang utama.

Prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 1987 juga bertambah menggalakkan dan dengan itu nilai ringgit dijangka stabil.

LEBUHRAYA—PEMBINAAN DIPERCEPATKAN

35. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada bolehkah pembinaan lebuhraya di kawasan-kawasan yang penting dipercepatkan siapnya; umpamanya daripada "Lapangan Terbang Senai ke Johor Bahru", kerana apabila berlaku satu kemalangan waimma kecil sekalipun di kawasan ini, selalu dan ramai penumpang-penumpang ketinggalan kapal terbang, sudahlah begitu kena pula dipotong kadar 25% daripada harga tiket oleh kerana tidak dapat menghadirkan diri pada masa yang ditetapkan.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan sememangnya telah membina bahagian-bahagian lebuhraya yang penting dahulu di mana didapati kenderaan yang menggunakan jalan tersebut adalah banyak, seperti lebuhraya Ipoh—Changkat Jering dan Senawang—Air Keroh. Walau bagaimanapun bahagian-bahagian lain yang juga penting akan dimasukkan ke dalam penswastaan lebuhraya yang dijangka mula dibina pada pertengahan tahun 1987.

Mengenai lebuhraya Senai—Johor Bahru yang sedia ada, Kerajaan memang sedar bahawa jalan tersebut telah melambatkan perjalanan ke lapangan terbang. Oleh itu sebuah lebuhraya yang melalui "Alignment" baru dicadang dibina melalui

penswastaan lebuhraya Utara—Selatan. Lebuhraya tersebut menyambung dari Johor Bahru ke Sekudai. Dengan siapnya lebuhraya ini masalah kelambatan akan dapat diatasi.

SISWAZAH MENGANGGUR

36. Tuan Douglas Uggah Embas minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah siswazah yang telah menganggur sehingga penghujung tahun 1986; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk menentukan mereka ini diberi peluang mendapat kerja.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:

- (a) Jumlah sebenar siswazah-siswazah yang menganggur di negara kita pada masa ini belum dapat ditentukan dengan tepat. Mengikut senarai siswazah-siswazah yang telah mendaftarkan diri di Jabatan Perkhidmatan Awam, terdapat kira-kira 14,590 siswazah yang masih belum dapat pekerjaan pada penghujung tahun 1986. Jumlah ini termasuk siswazah-siswazah yang bukan tajaan Kerajaan Persekutuan. Mengikut Pendaftar Ikhtisas di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat kira-kira 4,208 siswazah telah pun mendaftar diri untuk pekerjaan. Walaupun jumlah ini merupakan satu anggaran sahaja, ianya dapat memberi satu gambaran yang jelas tentang masalah pengangguran di kalangan siswazah pada masa ini.
- (b) Kerajaan sedang menimbang beberapa langkah bagi mengurangkan masalah pengangguran di kalangan

siswazah. Di antara langkah-langkah yang boleh diadakan termasuk skim latihan untuk membolehkan siswazah berdikari dan bergiat dalam bidang perniagaan. Selain daripada itu, program-program lain juga boleh dijalankan, seperti siswazah tani dan skim penempatan di sektor swasta dan awam untuk membolehkan graduan-graduan yang tertentu dapat menambahkan kemahiran mereka untuk tujuan memperoleh pekerjaan tetap.

MISI TEKNIKAL/EKONOMI GETAH DAN MINYAK KELAPA SAWIT

37. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apa faedah yang dibawa kepada Malaysia sejak Misi Teknikal dan Ekonomi yang dianggotai oleh Menteri sendiri ke Korea Selatan, Jepun dan Republik Rakyat China dan terangkan:

- (a) jumlah dan nilainya pengimportan getah asli, timah dan minyak kelapa sawit dari negara tersebut sejak misi lawatan tersebut;
- (b) kesan positif untuk mewujudkan syer pasaran barangan utama Malaysia di pasaran dunia; dan
- (c) senaraikan wakil-wakil dari pihak industri masing-masing yang dianggotai dalam misi itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Bagi soalan (a) dan (b), saya telah pun memberikan jawapannya ketika menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min yang menyentuh perkara yang sama pada 12-3-1987 dahulu.

Bagi soalan (c), wakil-wakil pihak industri yang menganggotai Misi

Teknikal dan Ekonomi Getah dan Minyak Kelapasawit ialah dari:

- (i) Majlis Pengeluar-pengeluar Getah Asli Malaysia (MRPC)
- (ii) Persatuan Peniaga-peniaga Getah Malaysia (RTA)
- (iii) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC)
- (iv) Persatuan Penapis-penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM)
- (v) Majlis Penanam-penanam Kelapasawit Malaysia (MOPGC)
- (vi) Persatuan Pengilang-pengilang Minyak Makan Malaysia (MEOMA).

TEMPAT IBADAT DI KAWASAN PERUMAHAN

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak estet perumahan tidak diperuntukkan tanah yang berlebihan untuk pembinaan tempat beribadat seperti gereja-gereja dan tokong-tokong untuk membolehkan rakyat bersembahyang, hak untuk berbuat demikian adalah dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Puan Napsiah binti Omar: Kerajaan sedar bahawa ada kawasan perumahan yang tidak mempunyai tempat-tempat ibadat bagi penganut bukan Islam. Keadaan ini timbul kerana adalah sukar untuk menentukan jumlah gereja, kuil atau tokong dari bilangan keturunan India, Cina dan lain-lain keturunan yang tinggal di sesuatu kawasan perumahan kerana di antara mereka ini ada penganut Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya yang mana jumlah tiap-tiap satu adalah sukar ditentukan.

Walau bagaimanapun, sebagai garis panduan, satu tempat ibadat bukan Islam seluas $\frac{1}{2}$ hektar disediakan bagi tapak tokong atau gereja atau kuil atau lain-lain bagi tiap-tiap 2,600 penganut bukan Islam atau satu tempat ibadat seluas $\frac{1}{2}$ hektar bagi 5,000 orang penduduk.

Kebanyakan daripada kawasan perumahan tidak mencapai tahap bilangan penduduk yang mewajibkan tempat ibadat sedemikian diadakan. Dalam keadaan ini, pemaju perumahan tidak berminat menyerahkan tanah mereka bagi maksud rumah ibadat.

PERAKUAN KELULUSAN ALAT ELEKTRIK

39. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar akan peraturan yang dikeluarkan pada 7hb Januari, 1987 oleh Pengarah Kanan, Jabatan Pemeriksa Kanan Bahan Elektrik (Department of Electrical Inspectorate) bahawa permit import diperlukan bagi alat-alat dan alat-alat ganti yang kuasanya 50 volt AC atau 120 volt DC ke atas. Jika ia:

- (a) nyatakan sebab-sebab perintah tersebut;
- (b) tarikh peraturan tersebut digezetkan dan sama ada Perintah Kastam (Larangan Import) 1981 telah dipinda untuk memasukkan yang sama;
- (c) kenapakah tidak diberi jangka notis yang mencukupi sebelum mengenakan perintah ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyegerakan pelicinan kerja bagi menyelaraskan alat-alat elektrik ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1987 pihak Kerajaan telah pun

menguatkuasakan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1987, P. U (A) 12 bertarikh 1hb Januari 1987. Dengan penguatkuasaan itu pihak Jabatan Jemaah Pemeriksaan Elektrik Malaysia (JJPE) telah terlibat secara langsung dalam mengeluarkan perakuan Kelulusan (approved permit) ke atas barangan-barangan elektrik yang disenaraikan di bawah butiran 23, Jadual Ke 4, Perintah Kastam tersebut. Berhubung dengan ini Ketua Pengarah JJPE hanya mengeluarkan satu Pekeliling kepada semua pengimport mengenai pengimportan barangan elektrik ke Malaysia pada 9hb Januari, 1987. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan, menerangkan, mengingatkan dan menegaskan berkenaan keperluan JJPE berhubung dengan pengimportan barang elektrik ke negara ini.

Perintah Kastam (Larangan Import) 1987 telah digezetkan pada 1-1-1987 dan dikuatkuasakan pada hari itu juga. Menyedari akan hakikat bahawa perlaksanaan Butiran 23, Jadual Ke 4, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1987 mulai 1-1-1987 telah menimbulkan beberapa masalah, persetujuan di antara pihak Kastam dan JJPE telah dicapai dalam memberi beberapa pengecualian dan juga cara mengendalikan atau Surat Pelepasan ke atas Barangan Elektrik dari tahanan Kastam. Satu perjumpaan di antara pengimport perdagangan dan JJPE telah diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan ini pada 15-1-1987 dengan dihadiri oleh lebih 70 orang pengimport tempatan atau agen-agensya yang terlibat. Dari Majlis perjumpaan tersebut JJPE berpendapat bahawa tiada tanda-tanda yang negatif mengenai penguatkuasaan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1987. JJPE juga berpendapat kelonggaran yang diberi akan dapat memuaskan hati pengimport-pengimport perdagangan dan juga pelancong-pelancong.

BANK KERJASAMA PUSAT—SIASATAN

40. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberitahu hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam Bank Kerjasama Pusat khususnya berkait dengan portfolio hutang-hutang lapuk, salah pengurusan dan pecah amanah, dan apakah tindakan yang diambil untuk membersihkan Bank Kerjasama Pusat itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Hasil penyiasatan yang dijalankan oleh Ketua Pendaftar Koperasi bukanlah untuk hebahan umum. Mengikut budibicaranya, Ketua Pendaftar telah menyampaikan hasil siasatan tersebut kepada Lembaga Bank Pusat Kerjasama untuk tindakan susulan dijalankan.

Tindakan yang telah diambil termasuk penyusunan semula Lembaga Pengarah Bank Pusat Kerjasama dan di mana perkara yang berlaku itu bersifat jenayah, ianya telah diadakan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

PETRONAS—MEMBANTU EKONOMI BUMIPUTERA

41. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan peranan PETRONAS dalam menaikkan taraf ekonomi bumiputera dan menyatakan berapakah jumlah harga kontrak yang diberikan dengan mengikut kelas.

Tuan Kasitah Gaddam: Sejak ia ditubuhkan PETRONAS sentiasa memainkan peranan dalam membantu Kerajaan bagi menaikkan taraf ekonomi bumiputera. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh PETRONAS dalam menyumbang ke arah ini ialah seperti berikut:

- (i) membuka peluang-peluang pekerjaan kepada bumiputera

- melalui aktiviti-aktiviti operasinya;
- (ii) membuka peluang-peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera seperti stesen minyak, pengedaran bahan-bahan keluaran petroleum seperti gas petroleum cecair (LPG) dan kegiatan pengangkutan petroleum;
 - (iii) melantik pengusaha-pengusaha bumiputera sebagai kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja dan membekal bahan-bahan bagi aktiviti mencarigali, pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran petroleum;
 - (iv) membantu pelajar-pelajar bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan menyediakan biasiswa; dan
 - (v) mengawasi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan PETRONAS mempunyai peraturan ekuiti bumiputera.

Mengenai jumlah nilai kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, di antara 1980-1986, sejumlah \$3,781 juta iaitu 41.5% daripada nilai kontrak keseluruhannya telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

LAWATAN DUTA BESAR FILIPINA KE SABAH

42. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, dengan lawatan yang pertama kali ke Sabah oleh Ambassador Filipina, pertalian yang lebih rapat seperti Duta menjelajah terus dalam perkapalan dan perhubungan udara adalah ditubuhkan di antara Filipina dan Kerajaan Sabah. Pertalian demikian, adakah Kementerian sedar bahawa masalah pendatang haram akan

timbul; apakah rancangan yang dicadangkan untuk mengatasi masalah pendatang haram dalam negeri terutama sekali Filipina.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Lawatan Tuan Yang Terutama Duta Besar Filipina di Malaysia ke Sabah adalah satu lawatan pengenalan atau dengan izin "familiarisation visit". Lawatan seperti ini lazim dibuat oleh kebanyakan Ketua Perwakilan asing di Malaysia dari masa ke semasa. Setahu Kementerian Dalam Negeri, lawatan itu tiada kaitan dengan rancangan untuk mengadakan perkhidmatan perkapalan dan hubungan udara di antara Malaysia dengan Filipina.

Mengenai pendatang tanpa izin dari Filipina di Sabah, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan tertentu, termasuk mengadakan rondaan yang lebih ketat untuk mencegah, kemasukan mereka serta mengesan, mendakwa dan mengusir mereka dari Malaysia.

INSURAN PENUMPANG KERETAPI

43. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa tidak ada perlindungan insurans untuk penumpang-penumpang keretapi yang terbunuh atau tercedera dalam tragedi kegelinciran keretapi.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti

Othman: Sebagaimana yang saya telah maklumkan dalam sidang pada 11 Mac 1987 yang lalu, saya telah maklumkan bahawa KTM tidak dikehendaki oleh Ordinan Keretapi 1948 menyediakan perlindungan insurans kepada penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatannya.

Walau bagaimanapun mana-mana penumpang yang terbunuh atau tercedera boleh membuat tuntutan sekiranya kemalangan yang berlaku adalah kerana kelalaian dan kecuaiian

pentadbiran KTM. Saya ingin memberi jaminan bahawa perkhidmatan penumpang KTM adalah di antaranya yang paling selamat dalam sistem pengangkutan penumpang di negara ini sebagaimana yang saya sebutkan lebih awal di dalam Dewan yang mulia ini.

KESELAMATAN DI PENJARA/ LOKAP

44. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa langkah-langkah keselamatan yang dilaksanakan sekarang di penjara atau lokap adalah sangat longgar sehinggakan telah beberapa kali banduan-banduan atau tahanan dapat melepaskan diri, jika ya, apakah peraturan keselamatan yang lebih ketat akan digubal atau dilaksanakan untuk menjamin perkara seperti ini tidak berulang lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kelonggaran dalam keselamatan memang menjadi salah satu sebab kelarian banduan.

Pasukan Polis dan Penjara mempunyai peraturan-peraturan keselamatan yang lengkap selaras dengan undang-undang mengenai apa jua perkara termasuk tatacara mengawal dan disiplin anggota-anggotanya. Kajian dan pindaan ke atas peraturan-peraturan tersebut akan dibuat jika keadaan memerlukan dan apabila dikenalpasti bahawa kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku disebabkan oleh kelonggaran peraturan yang sedia ada.

TANAMAN KACANG TANAH

45. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertanian menyatakan adakah cadangan atau rancangan untuk menggalakkan tanaman kacang tanah

(groundnuts) secara besar-besaran memandangkan harga dan hasilnya lumayan; jika ada, adakah kawasan-kawasan dikenalpastikan.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kementerian Pertanian sedar tentang harga kacang tanah yang meningkat sekarang ke paras lebih daripada \$1,000 bagi 1 metrik ton di peringkat ladang. Kacang tanah adalah satu tanaman yang digalakkan dan tanaman secara besar-besaran, terutama secara berkelompok adalah disyorkan. Dalam tempoh lima tahun, 1987-1990 Kerajaan akan menggalakkan pengusahaan seluas 2,000 hektar kawasan baru. Kawasan-kawasan yang sesuai untuk tanaman ini ialah di Perak, Kelantan dan Terengganu dan tumpuan akan diberi kepada negeri-negeri tersebut.

PUSAT LATIHAN BELIA DI NEGERI-NEGERI

46. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar tentang penting dan positifnya peranan yang dimainkan oleh pusat-pusat latihan seperti PERTAK dan DUSUN TUA. Jika ya:

- (i) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan pusat-pusat seperti itu di setiap negeri dan bilakah dijangka akan terlaksana seluruhnya;
- (ii) adakah Kementerian bercadang untuk memperbanyak lagi kursus-kursus perniagaan dan perusahaan kecil.

Tuan Haji Awang bin Jabar:

- (i) Kementerian memang sedar tentang pentingnya peranan yang dimainkan oleh pusat-pusat Latihan Belia dalam melatih belia-belie berdisiplin, mempunyai daya ketahanan diri di samping memperoleh

kemahiran vokesyenal selaras dengan keperluan industri tempatan.

Kementerian juga memang bercadang untuk mewujudkan pusat-pusat latihan belia di setiap negeri, akan tetapi hal ini masih lagi di peringkat perancangan dan ianya hanya akan dilaksanakan setelah keadaan kewangan mengizinkan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dalam perhatian dan makluman Kementerian.

- (ii) Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk memperbanyakkan kursus-kursus perniagaan dan perusahaan kecil dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan kepada belia-belia yang sedang menjalankan perniagaan di samping memberi pengetahuan kepada bakal-bakal usahawan belia yang hendak memulakan perniagaan.

Sehubungan dengan itu, beberapa kursus bercorak perniagaan dan perusahaan kecil seperti kursus melahir dan membina usahawan, kursus menyimpan kira-kira, kursus penyediaan makanan dan lain-lain lagi akan terus diadakan dari masa ke semasa.

INDUSTRI KECIL YANG HARAM

47. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Persekutuan menyatakan:

- (a) kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti di daerah Sg. Besi dan Batu untuk menempatkan industri-industri kecil yang haram. Apakah rancangan-rancangan yang telah disediakan bagi pembangunan kawasan-kawasan tersebut; dan

(b) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menjalankan projek ini fasa demi fasa memandangkan keadaan ekonomi dan kewangan yang tidak mengizinkan pelaksanaan sepenuhnya. Jika tidak, mengapa. Jika ya, bagaimanakah Kementerian merancang untuk melaksanakan perkara ini, khasnya dari segi:

- (i) perolehan sumber kewangan;
- (ii) jenis industri kecil yang diberi keutamaan untuk dibangunkan terlebih dahulu;
- (iii) bagaimana dan mengapa keutamaan diberi kepada sesuatu industri itu;
- (iv) jumlah wang yang pihak Kementerian bercadang untuk melabur; dan
- (v) bentuk pembangunan yang akan disediakan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):

Mengenai soalan (a), Kerajaan telah pun menjalankan kajian bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang dicadangkan sebagai Penempatan Semula Kilang/Industri di kawasan Sungai Besi, dan cadangan pembangunan serta penempatan industri-industri di tanah Kerajaan Batu 7½, Jalan Kepong, Kuala Lumpur. Keluasan tapak kajian itu pada keseluruhannya ialah kira-kira 767 ekar, iaitu 603 ekar di Jalan Sungai Besi dan 164 ekar di Batu 7½, Jalan Kepong.

Mengenai soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pembangunan kawasan-kawasan industri ini akan dilaksanakan mengikut keutamaan

dan jenis industri. Bagi kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti dan yang belum dimajukan, Kerajaan bercadang untuk memulakan projek di Batu 7½, Jalan Kepong terlebih dahulu, bagi kegunaan penempatan semula industri haram dan industri baru. Memandangkan terhadapnya peruntukan Kerajaan pada masa ini, maka projek ini akan diswastakan. Dalam hubungan ini, Kementerian Wilayah Persekutuan akan menetapkan harga-harga jualan bagi lot-lot industri kos rendah dan sederhana, supaya mampu dibeli oleh pekilang-pekilang haram.

Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menempatkan semula industri kecil haram terlebih dahulu, seperti bengkel-bengkel kejuruteraan yang menduduki tanah Kerajaan dan tanah rezab Kerajaan, kerana ianya lebih mudah untuk dipindahkan dan juga melibatkan bilangan pekerja yang lebih kecil berbanding dengan industri-industri besar. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, kilang-kilang besar yang terlibat dalam kemajuan tanah, dan lain-lainnya harus juga ditempatkan semula, dan segala pertolongan akan diberikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengurangkan beban pemindahan ini. Ini terpaksa dilakukan untuk kejayaan projek-projek berkenaan.

Sebagai kesimpulannya, dari segi Pelan Susunatur, pembangunan yang bakal disediakan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, adalah dalam bentuk lot-lot industri, kilang-kilang teres, berasingan dan berkembar mengikut keperluan dan kehendak industri-industri yang terlibat.

AWARD MAHKAMAH PERUSAHAAN

48. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan bilangan award Mahkamah Perusahaan yang

diberikan sepanjang tiga tahun lalu yang masih belum dipatuhi. Apakah tindakan Kementerian bercadang untuk mengambilnya bagi mengatasi masalah ini. Apakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah Mahkamah "Appellate" dalam Mahkamah Perusahaan bagi menyegerakan pelaksanaan Award tanpa perlu membuat laporan kepada Polis.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kementerian Buruh tidak menyimpan rekod yang komprehensif mengenai award Mahkamah Perusahaan yang masih belum dipatuhi. Ini adalah kerana Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai kuasa selanjutnya untuk menentukan atau memastikan pematuhan award yang diberikan. Adalah terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan di bawah Seksyen 56 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sekiranya award Mahkamah Perusahaan tidak dipatuhi. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada aduan yang diterima adalah didapati bahawa bilangan award Mahkamah Perusahaan sepanjang tiga tahun lalu yang tidak dipatuhi adalah seperti berikut:

71 kes dalam tahun 1984;

32 kes dalam tahun 1985; dan

61 kes dalam tahun 1986.

Untuk mengatasi masalah award yang tidak dipatuhi Kementerian Buruh sedang menyemak peruntukan berkenaan dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

Berkaitan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan sebuah Mahkamah "Appellate" dalam Mahkamah Perusahaan, cadangan ini akan diberi pertimbangan jika didapati perlu.

GURU DALAM PARTI POLITIK

49. Dr V. David minta Menteri Pelajaran mengatakan:

- (a) apakah bilangan guru-guru dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah menjadi ahli parti-parti politik; dan
- (b) daripada jumlah ini, apakah bilangan guru-guru yang sedang memegang jawatan-jawatan penting di parti-parti politik peringkat cawangan, negeri dan kebangsaan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Sesuai sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, Kementerian Pelajaran tidak pernah menggalakkan atau menghalang guru-guru menjadi ahli mana-mana parti politik.
- (b) Penglibatan guru-guru yang memegang jawatan penting dalam parti-parti politik adalah sukar untuk dikesan. Oleh itu angka-angka yang berkenaan tidak dapat dikemukakan.

PEGAWAI KERAJAAN/GURU AKTIF DALAM POLITIK

50. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan, termasuk guru-guru yang sedang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti parti-parti politik, serta nama parti masing-masing.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Setakat ini Jabatan ini telah mengenalpasti seramai 274 orang Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan "A", termasuk guru-guru yang mengambil bahagian aktif dalam semua parti politik.

Bagi Pegawai Kerajaan Kumpulan "B", "C" dan "D" dalam

Perkhidmatan Bukan Gunasama, Jabatan ini tidak mempunyai makluman jumlah mereka yang mengambil bahagian aktif dalam politik kerana rekod-rekod ini disimpan di Kementerian masing-masing.

Bagi Pegawai Kumpulan "B", "C" dan "D" dalam Perkhidmatan Gunasama, sehingga kini jumlah pegawai yang dibenarkan mengambil bahagian aktif dalam politik adalah seperti berikut:

Kumpulan "B"	..	4 UMNO—3, PBB—1
Kumpulan "C"	..	9 UMNO
Kumpulan "D"	..	—

LAPANGAN TERBANG KUDAT

51. Tuan Joe Ojihin Supiring minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk memperbesarkan Lapangan Terbang Kudat dan jika ya, bila.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Kementerian Pengangkutan tidak bercadang memperbesarkan lapangan terbang tersebut kerana kemudahan-kemudahan yang sedia ada didapati memadai untuk memenuhi keperluan pada masa ini.

LAWATAN PRESIDEN ISRAEL KE SINGAPURA

52. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan berikutan dengan lawatan Presiden Zionist ke Singapura tahun lalu di mana terdapat beberapa pihak tertentu mengadakan tunjuk perasaan di Malaysia, sejauh manakah perhubungan Malaysia-Singapura terjejas dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memulihkan hubungan kedua negara ini.

Dato' Rais Yatim: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura telah menimbulkan reaksi yang spontan dari berbagai lapisan rakyat di negara ini. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk merakamkan rasa kecewa Malaysia mengenai perkara tersebut.

Bagaimanapun, memandangkan bahawa Malaysia dan Singapura saling bergantung terutamanya dari segi ekonomi dan kemakmuran rakyatnya, adalah diharapkan bahawa episod lawatan ini tidak akan menjejaskan hubungan dan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

53. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah dan program di dalam menyediakan kesihatan luar bandar yang lebih baik memandangkan kadar kematian terutama bayi adalah tinggi kerana disebabkan oleh "environmental disease" dan berapakah setakat ini yang telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Di antara langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan untuk memberi perkhidmatan kesihatan luar bandar yang lebih baik lagi ialah:

- (a) Membina lebih banyak kemudahan-kemudahan kesihatan yang tetap seperti Pusat Kesihatan Bandar, Pusat Kesihatan Kecil, Klinik Desa, Klinik Bidan dan Statik Dispensari.
- (b) Semua kakitangan yang berkhidmat di luar bandar adalah diberi latihan asas yang

secukup-cukupnya. Mereka juga diberi latihan post-basic dan latihan dalam perkhidmatan dari masa ke semasa.

- (c) Penyeliaan kakitangan yang berkhidmat di luarbandar adalah sentiasa diperbaiki dan diperkukuhkan.
- (d) Lebih ramai Doktor-doktor Perubatan ditempatkan untuk berkhidmat di luarbandar.
- (e) Semua kemudahan-kemudahan kesihatan yang dibina di luarbandar adalah dilengkapi dengan alat-alat yang diperlukan.

Melalui kemudahan-kemudahan kesihatan yang telah dibina dan juga kemudahan-kemudahan kesihatan yang lain program-program kesihatan disampaikan kepada penduduk-penduduk luarbandar melalui skim perkhidmatan kesihatan luarbandar:

- (a) Rawatan Perubatan.
- (b) Rawatan Pergigian.
- (c) Rawatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak termasuklah Pelalian (immunisation) dan Perancang Keluarga.
- (d) Amalan Pemakanan.
- (e) Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.
- (f) Kawalan Penyakit Berjangkit.
- (g) Kebersihan Alam Sekeliling dan
- (h) Pendidikan Kesihatan.

Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) sebanyak \$173,249,644 telah dibelanjakan untuk pembinaan projek-projek kesihatan luarbandar. Dalam masa yang sama juga perbelanjaan mengurus Program Kesihatan Awam adalah sebanyak lebih daripada \$1,000 juta.

PROTON SAGA KE LUAR NEGERI

54. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah harapan Malaysia untuk memperdagangkan Proton Saga ke luar negeri dan sila beritahu negeri manakah yang banyak membuat pesanan positif setakat ini; dan kenapakah harga Proton Saga nampaknya lebih murah di luar negeri daripada dalam negeri.

Tuan Kasitah Gaddam: Memandangkan pasaran kereta dalam negeri yang terhad sedangkan Proton Saga mempunyai keupayaan pengeluaran yang lebih besar daripada permintaan kereta dalam negeri, maka Proton akan menumpukan pula kepada usaha-usaha pengeksporan ke luar negeri. Proton buat masa ini, sedang berusaha dengan gigihnya untuk memasarkan keretanya ke luar negeri mengikut program eksport yang telah dirancang.

Sehingga Februari 1987, sebanyak empat buah negara telah membuat pesanan yang positif iaitu Brunei Darussalam, Bangladesh, Malta dan New Zealand. Di antara negara-negara tersebut, New Zealand telah membuat tempahan yang paling banyak.

Setakat ini adalah tidak benar yang harga jualan Proton Saga di luar negeri lebih murah daripada dalam negeri. Harga jualan Proton Saga 1.3s di Bangladesh adalah lebih kurang M\$40,000.00. Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidaklah boleh membandingkan harga di dalam dan luar negeri kerana banyak faktor yang mempengaruhi harga di luar negeri seperti persaingan harga, kos pengangkutan dan struktur cukai yang berbeza-beza di antara satu negara dengan negara yang lain.

KAWALAN BAHAN KIMIA

55. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada sebuah skim sudah di "implikasikan" bagi mengenali dan mengawal bahan-bahan kimia serta pengeluarannya sebelum ia dipasarkan. Jika tidak, mengapa.
- (b) sama ada satu panduan telah diselaraskan untuk pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan tumpahan bahan-bahan kimia yang merbahaya di bawah skim "Notification and Assessment" bagi bahan kimia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):

- (a) Pada masa ini, terdapat dua jenis undang-undang iaitu Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Ordinan Racun 1952 bagi mengenali dan mengawal bahan-bahan kimia serta pengeluarannya sebelum dipasarkan, khususnya racun makhluk perosak dan racun-racun. Akta dan Ordinan yang berkenaan sedang dikuatkuasakan masing-masing oleh Jabatan Pertanian dan Kementerian Kesihatan. Satu Skim kawalan sedang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya bagi mengenalpasti dan mengawal bahan-bahan kimia merbahaya yang lain yang digunakan oleh industri-industri. Dalam pada itu satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Kementerian saya bagi menyelaraskan perkembangan dan perlaksanaan skim-skim kawalan bahan-bahan kimia

merbahaya sebelum bahan-bahan ini dipasarkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Kilang dan Jentera, Jabatan Pertanian, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia.

- (b) Satu garis panduan untuk pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan tumpahan bahan-bahan kimia merbahaya di bawah Skim "Notification & Assessment" sedang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Garis panduan ini akan kelak diselaraskan dengan mana-mana bahan-bahan kimia merbahaya yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan lain yang berkaitan.

PELAN INDUK PELANCONGAN NEGARA

56. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah ciri-ciri penting yang terkandung dalam Pelan Induk Pelancongan Negara yang perlu dimajukan dengan segera untuk menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan supaya usaha Kerajaan Pusat dan usaha Kerajaan Negeri dalam memajukan industri pelancongan dapat diselenggarakan (co-ordinated) dengan baik. Apakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 untuk memajukan industri pelancongan di seluruh negara.

Dato Kok Wee Kiat: Sejak ditubuhkan pada tahun 1972, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) telah melaksanakan

beberapa kajian pelancongan seperti berikut:

- (i) Pelan Pembangunan Pelancongan Malaysia—Tahun 1975;
- (ii) Pelan Induk Pelancongan Langkawi—Tahun 1977;
- (iii) Pelan Induk Pelancongan Pantai Timur—Tahun 1977;
- (iv) Pelan Induk Pelancongan Sabah—Tahun 1980;
- (v) Pelan Induk Pelancongan Sarawak—Tahun 1980;
- (vi) Pelan Induk Pelancongan Pangkor/Lumut—Tahun 1980.

Pelan-pelan Induk Pelancongan ini bertujuan untuk mengenal tentu kawasan-kawasan sedia ada dan baru yang perlu dimajukan. Ciri penting yang terkandung dalam kajian-kajian ini ialah pembangunan kemudahan-kemudahan pelancongan hendaklah dikaitkan dengan dengan pintu masuk atau "gateways" pelancong-pelancong, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang cukup, meningkatkan tarikan-tarikan di kawasan-kawasan tertentu serta pembangunan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Kawasan-kawasan sedia ada yang perlu dipertingkatkan yang dikenaltentu termasuk Kuala Lumpur dan Pulau Pinang di samping tarikan-tarikan alam semulajadi seperti taman-taman negara, pulau-pulau dan kawasan-kawasan peranginan yang sedia ada.

Kawasan-kawasan baru yang dicadangkan untuk dibangunkan termasuk Langkawi, Mersing-Endau-Rompin, Merang-Besut, Pangkor-Lumut, Kota Kinabalu dan Kuching.

Dalam menyelaraskan pembangunan industri pelancongan, kerjasama yang rapat perlu diadakan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Perbadanan sentiasa berhubung dengan Kerajaan Negeri

untuk menyelaraskan pembangunan pelancongan negara ini.

Di samping itu Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Galakan Pelancongan telah juga ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana wakil-wakil dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan wakil sektor swasta turut mengambil bahagian dalam membincangkan dan menyelaraskan isu-isu dan polisi mengenai pelancongan. Langkah-langkah lain juga diambil untuk memperbaiki penyelarasan yang sedia ada.

Untuk industri pelancongan Kerajaan telah meluluskan peruntukan melalui agensi-agensi pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Peruntukan ini adalah untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur dan lain kemudahan superstruktur pelancongan seperti Lapangan Terbang, pusat-pusat riadah dan sebagainya.

Untuk tahun 1987 Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah diperuntukan M\$38,375,200 untuk memajukan industri pelancongan di negara ini.

GURU SANDARAN

57. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam keadaan sekolah yang serba kekurangan dengan guru-guru sandaran dan juga zat makanan murid yang berkurangan mengapakah ramai anak-anak murid daripada luar bandar yang mendapat 3A hingga 5A dihantar ke Rancangan Khas sedangkan terdapat ramai anak-anak murid yang berasal daripada bandar yang datang daripada keluarga atasan dihantar ke asrama-asrama penuh. Padahal persekolahan di Rancangan Khas itu adalah tidak jauh berbeza dengan cara

persekolahan yang terdapat di luarbandar sekarang ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam urusan pengambilan pelajar-pelajar untuk Sekolah-sekolah Berasrama Penuh, keutamaan diberi kepada pelajar-pelajar dari luar bandar. Dalam pemilihan pelajar ke Tingkatan 1 Sekolah Berasrama Penuh bagi tahun 1987 seramai 14,253 orang pelajar dari sekolah-sekolah luar bandar layak dipertimbangkan untuk masuk ke Sekolah Berasrama Penuh. Mereka ini mendapat keputusan antara 3A 2B sehingga 5A dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima (PPDL) tahun 1985. Daripada jumlah tersebut hanya 17% sahaja yang dapat diberi tempat. Ini merupakan 70% daripada jumlah pengambilan seramai 2,910 murid ke sekolah-sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempat yang ada tidak dapat menampung semua murid dari luar bandar yang telah mendapat 5A. Apatah lagi keputusan 4A 1B dan 3A 2B. Ini bermakna seramai 12,223 pelajar dari kategori ini tidak mendapat tempat di Sekolah Berasrama Penuh.

Bagi mengatasi masalah di atas, Kementerian Pelajaran telah mengadakan Kelas Rancangan Khas di tiap-tiap negeri di Semenanjung. Pelajar-pelajar yang tidak mendapat tempat di Sekolah Berasrama Penuh tetapi mempunyai kelayakan telah ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai Kelas Rancangan Khas. Sekolah-sekolah yang dipilih bagi program ini adalah terdiri dari sekolah-sekolah yang terkemuka di bandar yang mempunyai kemudahan yang lebih, jika dibandingkan dengan sekolah menengah di tempat mereka. Pelajar-pelajar yang dipilih ke program ini diberi keutamaan dari segi kemudahan asrama dan bantuan biasiswa.

PENGANGGUR—BILANGAN

58. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah sebenar bilangan penganggur di Malaysia;
- (ii) peratus peningkatan pengangguran dari tahun 1983, 1984, 1985, 1986 hingga akhir Februari 1987;
- (iii) berapa ramaikah lepasan SPM, STPM dan graduan yang menganggur; dan
- (iv) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran kini.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:

- (i) Jumlah penganggur di Malaysia tidak diketahui dengan tepat tetapi hanya dapat dianggarkan. Berdasarkan maklumat dengan agensi Kerajaan bilangan penganggur yang dianggarkan pada akhir tahun 1986 ialah 528,800 orang atau 8.7% daripada jumlah tenaga kerja.
- (ii) Jumlah penganggur serta kadar peningkatan pengangguran dan tahun 1983 hingga 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penganggur	Kadar Pengangguran
1983	.. 314,800	5.6%
1984	.. 360,000	6.3%
1985	.. 448,600	7.6%
1986	.. 528,800	8.7%

Bagi angka sehingga Februari 1987 pula, Kementerian Buruh masih dalam proses mengumpul maklumat tersebut.

- (iii) Mengenai jumlah penganggur dari lepasan SPM, STPM dan graduan, Kementerian Buruh tidak menyimpan rekod

mengenai ke semua penganggur di negara ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada jumlah penganggur yang mendaftarkan diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat yang berjumlah seramai 91,104 orang pada akhir Disember 1986, peratusan lepasan SPM dan STPM ialah 48% dan 5.5% masing-masing, manakala 5% daripada jumlah tersebut adalah graduan-graduan.

- (iv) Untuk mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Membantu penganggur mendapatkan pekerjaan melalui rangkaian Pejabat Pekerjaan di seluruh negara;
- (ii) Memberi latihan atau latihan semula kepada para penganggur dalam bidang kemahiran tertentu supaya membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan di sektor yang mempunyai banyak peluang-peluang pekerjaan. Kemahiran ini juga boleh membantu mereka menjalankan perniagaan atau perusahaan sendiri;
- (iii) Menggalakkan belia yang menganggur khususnya bekerja di sektor perladangan melalui penubuhan "Briged Kerja".

FIMA—MEMAJUKAN KEGIATAN ASAS TANI

59. Tuan James Jimbun Punga minta Menteri Perusahaan Awam

menyatakan program-program FIMA (Food Industries of Malaysia) yang telah diambil dan akan diambil memandangkan tujuan Kerajaan untuk menambah makanan keluaran tempatan di dalam negeri.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Objektif utama penubuhan FIMA 14 tahun yang lalu adalah untuk memajukan berbagai-bagai kegiatan asas tani yang meliputi semua aspek perusahaan makanan, peladangan, memproses serta kegiatan pembungkusan dan pemasaran bahan-bahan makanan. Selaras dengan objektif penubuhannya, FIMA melalui anak-anak syarikatnya telah menceburi dan seterusnya melaksanakan program-program berikut bagi menambah makanan keluaran tempatan:

- (i) *Pertanian*—mengusahakan ladang kelapa sawit, koko, betik, nenas, mangga, buah-buahan tempatan, ternakan lembu secara “feed lot” serta tanaman buah-buahan secara “hydroponics”.
- (ii) *Pekilangan*—kegiatan memproses makanan seperti buah-buahan dan semua jenis makanan termasuk prosesan secara beku kering (freeze drying).

Pada masa-masa hadapan FIMA bercadang untuk mempertingkatkan dan menambah kegiatannya di bidang peladang dan memproses makanan dan dengan ini akan mendorong serta menggalakkan lagi para petani mengeluarkan bahan-bahan mentah pertanian untuk diproses oleh FIMA.

PASUKAN POLIS— PENGAMBILAN

60. Tuan Tieu Sung Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa banyak recruit dari Semenanjung dan bukan dari Sarawak

yang telah diambil untuk latihan di Sarawak untuk menjadi anggota-anggota polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dasar integrasi dalam pasukan diamalkan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia, pengambilan anggota baru Pasukan Polis didasarkan kepada kelayakan serta kebolehan dan tidak kepada dari negeri tempat asal mereka. Begitu juga dengan penempatan anggota-anggota polis yang dibuat semata-mata atas kepentingan perkhidmatan.

KAD PENGENALAN PALSU

61. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menghalang pemegang kad pengenalan palsu didaftarkan sebagai pengundi, sama ada terdapatnya sebarang penyiasatan dijalankan terhadap kad pengenalan palsu dan apakah kesimpulan daripada penyiasatan tersebut.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tiada pemegang Kad Pengenalan Palsu didaftarkan sebagai pengundi oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Penyiasatan terhadap dakwaan adanya Kad Pengenalan Palsu bukan urusan Suruhanjaya Pilihanraya.

TARAF BAHASA INGGERIS

62. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mempertingkatkan standard Bahasa Inggeris di kalangan murid.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan

lagi taraf Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Setakat ini berbagai langkah telah diambil untuk mencapai matlamat ini. Di antara langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

1. Menambah bilangan guru-guru yang terlatih dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.
2. Menggalakkan lebih banyak sekolah terlibat dengan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah mahu pun sekolah menengah;
3. Memberi kursus tambahan di dalam bidang pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris kepada guru-guru;
4. Mengeluarkan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa yang memuatkan antara lain pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris mengikut satu-satu kemahiran tertentu;
5. Melakukan lawatan ke sekolah-sekolah untuk memberi bimbingan ikhtisas kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris;
6. Menggalakkan lebih banyak sekolah menggunakan bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris keluaran Kementerian Pelajaran;
7. Menjalankan program "Listening Comprehension" di peringkat sekolah menengah rendah bagi melatih murid-murid memperolehi kemahiran mendengar dan memahami;
8. Mengadakan pengajaran pemulihan kepada murid-murid yang lemah;
9. Mengeluarkan program-program dan mendedahkan penggunaan bahan-bahan bantu mengajar

serta menunjukkan kaedah pengajaran bahasa melalui alat-alat bantu mengajar seperti radio, keset, televisyen serta juga video.

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

63. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Ketua Setiausaha Negara menjadi ahli sebuah parti politik yang memerintah, iaitu UMNO, jika ia apakah jawatan yang dipegang olehnya dalam parti itu, dan tindakan penglibatan beliau secara terus dalam parti politik akan menjejaskan pentadbiran negara serta apakah tindakan yang telah diambil terhadap beliau kerana melanggar peruntukan-peruntukan dalam Perintah-perintah Am.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Am, seseorang pegawai atau kakitangan Kerajaan tidak dilarang daripada menjadi ahli sesebuah parti politik. Apa yang dilarang ialah, ia tidak boleh mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik. Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 tahun 1974, penglibatan yang cergas dalam politik adalah seperti memegang apa-apa jawatan dalam parti-parti politik, sama ada di peringkat cawangan, bahagian dan lain-lain lagi.

Ketua Setiausaha Negara tidak pernah cergas dalam politik sama ada sekarang ataupun sebelum ianya memegang jawatan sekarang ini. Oleh itu, beliau tidak melanggar peruntukan-peruntukan dalam Perintah Am tersebut.

SKANDAL BMF—PENYIASATAN DIRAJA

64. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada diadakan satu Jawatankuasa Penyiasatan Diraja (Royal

Commission of Inquiry) untuk menyiasat tentang skandal BMF memandangkan ada pendedahan baru di mahkamah di Hong Kong pada 14hb Januari, 1987 iaitu:

- (i) Satu pinjaman sebanyak US\$400 million kepada MAMINCO tanpa mempunyai apa-apa dokumen dan sekuriti yang sah; dan
- (ii) Derma sebanyak M\$5 million oleh PETRONAS dengan kerjasama dari Bank Bumiputra kepada satu "high authority".

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persoalan mengenai penubuhan satu Jawatankuasa Penyiasatan Diraja dan isu mengenai pinjaman sebanyak US\$400 juta kepada MAMINCO telah pun dijelaskan dalam Dewan ini, iaitu ketika menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, Sandakan dan Bagan pada 9hb Mac, 1987 yang lalu. Persoalan mengenai derma sebanyak \$5 juta oleh Petronas telah juga diberi jawapan yang sewajarnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Dewan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung pada 9hb Mac, 1987. Oleh itu saya tidak bercadang untuk memberi apa-apa jawapan tambahan.

MAS—MELUASKAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

65. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menjelaskan mengapa MAS tidak mengadakan lebih penerbangan ke destinasi di Asia, Australia, Eropah dan Amerika untuk mempertingkatkan perkhidmatan penerbangan dan memberhentikan SIA daripada "mengambil penumpang" dari MAS sendiri

dan mengapa hanya 25 daripada 43 syarikat antarabangsa mendarat di Kuala Lumpur.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Kementerian Pengangkutan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya sentiasa memberi perhatian berat terhadap usaha-usaha untuk meluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa MAS dan juga untuk menarik lebih ramai syarikat penerbangan antarabangsa untuk mengadakan penerbangan ke Malaysia.

Pada masa ini, MAS mengadakan penerbangan-penerbangan antarabangsa ke 17 buah tempat di Asia, 3 buah tempat di Australia, 4 buah tempat di Eropah dan ke Los Angeles di Amerika Syarikat. Walaupun demikian, pihak Kementerian Pengangkutan dan Mas sentiasa mengawasi kedudukan keperluan perkhidmatan-perkhidmatan ke destinasi antarabangsa ini.

Bagaimanapun, sesuatu keputusan untuk mengadakan penerbangan ke destinasi baru ataupun untuk menambahkan jumlah penerbangan MAS ke tempat-tempat tertentu adalah bergantung dan seharusnya mengambil kira aliran serta kedudukan permintaan trafik dan juga ramalan pertumbuhan trafik pada jalan-jalan tersebut. Berdasarkan kepada faktor-faktor ini, Kerajaan akan mengadakan rundingan-rundingan dengan negara-negara asing yang berkenaan untuk mendapat persetujuan bagi membenarkan MAS mengadakan atau menambahkan perkhidmatan ke destinasi berkenaan di negara itu. Rundingan-rundingan ini juga akan menimbangkan rancangan perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan asing ke negara ini.

Sungguhpun demikian, perlu saya memaklumkan bahawa tidaklah

semua rundingan-rundingan yang diadakan oleh pihak Kerajaan itu akan menjamin adanya hasil persetujuan oleh kedua belah pihak. Ini adalah kerana setiap negara mempunyai kepentingan nasional serta dasar industri penerbangannya sendiri dan apa-apa tawar-menawar serta tolak ansur yang dilakukan oleh kedua belah pihak di dalam rundingan-rundingan perjanjian udara akan mengambilkira ke semua faktor-faktor ini.

Berkenaan dengan masalah kehilangan penumpang-penumpang Malaysia yang membuat penerbangan dengan menaiki syarikat-syarikat penerbangan asing melalui negara-negara jiran iaitu pengangkutan trafik secara "sixth freedom", ini hanya akan dapat diatasi sekiranya kita dapat menarik banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan terus ke negara ini, selain daripada perkhidmatan-perkhidmatan terus yang diadakan oleh MAS ke negara-negara asing tersebut. Oleh yang demikian, Kerajaan sememangnya menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing mengadakan penerbangan ke negara ini. Berhubung dengan ini kita pada masa sekarang mempunyai sebanyak 44 Perjanjian Udara dengan negara-negara asing yang membenarkan syarikat-syarikat penerbangan negara-negara berkenaan untuk mengadakan perkhidmatan ke Malaysia. Sungguhpun demikian, tidaklah semua syarikat-syarikat penerbangan ini mempunyai perkhidmatan ke Malaysia kerana adalah terpujang kepada mereka untuk membuat keputusan atas pertimbangan-pertimbangan komersial dan sebagainya sama ada hendak menggunakan hak-hak tersebut. Memandangkan itu pada masa sekarang dari jumlah yang telah diberi hak-hak itu hanya sebilangan sahaja iaitu 24 buah syarikat penerbangan

asing sedang mengadakan perkhidmatan ke Malaysia.

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—BAYARAN

66. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah bersetuju dengan formula pemulangan "seringggit untuk seringgit" bagi 588,000 pendeposit-pendeposit 24 buah koperasi; bilakah bayaran kedua ke atas wang yang disimpan oleh para pendeposit akan dibuat dan mengapakah senarai peminjam-peminjam besar 24 koperasi-koperasi ini tidak diumumkan seperti dijanji.

Tuan Loke Yuen Yow: Daripada 24 Koperasi Pengambilan Deposit, 11 telah mencapai persetujuan dengan institusi kewangan yang telah dilantik untuk membayar balik seringgit untuk seringgit kepada pendeposit. Bagi 13 Koperasi Pengambilan Deposit yang lainnya, Bank Negara masih terus mencapai penyelesaian yang adil dan berpatutan bagi setiap Koperasi Pengambilan Deposit. Syarat-syarat dalam penyelesaian akan diumumkan sebaik sahaja perjanjian telah ditandatangani.

Pembayaran kedua dan berikutnya kepada pendeposit bagi 10 Koperasi Pengambilan Deposit (selain dari KOJADI) yang telah mencapai persetujuan dengan institusi kewangan, masing-masing akan dibuat mengikut jadual masa pembayaran yang dipersetujui. Bagi kebanyakan koperasi, pembayaran kedua akan dibuat pada Januari 1988.

Senarai nama peminjam wang Koperasi Pengambilan Deposit yang belum menjelaskan hutang akan secara automatik menjadi maklumat awam setelah penerima Koperasi Pengambilan Deposit menggunakan pelbagai cara biasa untuk mendapatkan pembayaran dan

tindakan undang-undang untuk mendapatkan semula wang pinjaman tersebut, telah diambil.

BEKALAN AIR PAIP KE PAYA TERUBONG

67. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk 72 buah rumah yang dikenali sebagai kampong 72 buah rumah di jalan Paya Terubong, Pulau Pinang tidak dibekalkan kemudahan air oleh pihak berkuasa air Pulau Pinang cuma oleh kerana rumah-rumah tersebut adalah setinggan walaupun kesemua 72 rumah-rumah tersebut telah didirikan sejak 10 tahun yang lalu dan telah dibekalkan dengan kemudahan elektrik oleh pihak LLN dan jika benar, adakah beliau akan mengarahkan pihak berkuasa air Pulau Pinang mengambil tindakan dan segera memberi bekalan air kepada ke semua 72 rumah-rumah atas sebab peri kemanusiaan dan kesihatan.

Dato' S. Samy Vellu: Saya memang sedar bahawa penduduk-penduduk 72 buah rumah setinggan di jalan Paya Terubong, Pulau Pinang masih belum dibekalkan air paip oleh pihak berkuasa air Pulau Pinang. Saya telah difahamkan bahawa kedudukan itu berlaku disebabkan setakat ini pihak berkuasa air Pulau Pinang masih belum menerima sebaran permohonan air dari penduduk-penduduk di situ, dan bukan disebabkan rumah-rumah tersebut adalah rumah setinggan, seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa pihak berkuasa air Pulau Pinang memang ingin membekalkan air kepada pemohon-pemohon dari golongan setinggan dengan mengenakan syarat-syarat yang tertentu. Saya sudah pun

menerangkan syarat-syarat itu dalam ucapan jawapan saya di Dewan yang mulia ini pada 3hb November, 1986 sebagai menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru tentang bekalan air ke rumah-rumah setinggan.

PENGGUNAAN SENJATAPI KEPADA POLIS

68. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa dan mengapakah perlu bagi anggota-anggota polis yang menjalankan tugas membawa rifel M16 dan sama ada beliau sedar akan bahaya yang rakyat terdedah serta gambaran buruk yang diberi kepada pelancong-pelancong asing yang berada di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota-anggota polis yang dibekalkan dengan sebarang jenis senjata telah diberi latihan yang cukup tentang penggunaannya. Selain itu peraturan-peraturan penggunaan senjatapi juga dibuat dengan lengkap dan tindakan tegas akan diambil jika didapati ada anggota yang tidak mematuhi. Kerajaan penuh yakin bahawa keadaan ini tidak akan mendedahkan bahaya kepada rakyat dan tidak memberikan apa-apa gambaran buruk kepada pelancong-pelancong yang berkunjung ke negara kita.

HARGA BERAS

69. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah LPN bercadang mengkaji semula harga beras seperti yang diminta oleh Persatuan Pemborong-pemborong Beras Semenanjung baru-baru ini dan adakah kajian ini akan memberikan harapan bagi kenaikan harga padi seperti yang ada sekarang.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Soalan ini telah dijawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 13 Mac, 1987.

TAMAN PERTANIAN

70. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pertanian menyatakan tentang rancangan Kementerian hendak mewujudkan Agricultural Park (Taman Pertanian) yang pertama di negara ini:

- (a) adakah projek ini diusahasama oleh Kerajaan dan swasta;
- (b) berapakah jumlah kos projek ini;
- (c) adakah projek ini bertujuan untuk menarik minat pelancong datang ke sini. Kalau ya, apakah sesuatu yang menarik yang terdapat dalam taman ini.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Rancangan mewujudkan Taman Pertanian di negara ini telah dicadangkan di kawasan hutan simpan Bukit Cherakah, Selangor. Kawasan ini terletak di utara Bandar Shah Alam dan jauhnya dari Kuala Lumpur ialah kira-kira 32 km., dan dari Kelang sejauh 8 km. Taman Pertanian ini dirancang dimajukan dengan aktiviti pertanian mengikut konsep "Agro-forestry" yang merupakan kombinasi aktiviti pertanian dengan kemudahan rekreasi di dalam kawasan hutan semulajadi. Kerja-kerja awal perlaksanaan projek ini telah pun bermula. Pada asasnya projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dengan penyertaan bersama oleh pihak swasta. Pihak Kerajaan akan mengkaji dengan teliti komponen-komponen projek yang menarik yang boleh disertai oleh pihak

swasta. Ini penting untuk membolehkan taman berkenaan mendapat hasil yang cukup untuk menanggung kos penyelenggaraan.

- (b) Jumlah kos yang akan terlibat agak sukar untuk ditentukan buat masa ini. Namun demikian secara kasar mungkin boleh dianggarkan dalam lingkungan \$10 juta ringgit.
- (c) Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan projek ini menarik minat pelancong. Ini kerana Taman Pertanian ini akan memperkenalkan segala flora dan fauna negara. Himpunan pelbagai jenis tumbuhan kayu-kayan, buah-buahan, tumbuhan perubatan dan sebagainya yang terdapat dari segenap pelusuk negara kita akan ditempatkan di taman ini dengan susun atur yang menarik. Semua tanaman ini akan dilabelkan dari segi nama saintifik dan nama am (tempatan) untuk pengetahuan dan pelajaran bagi pelancong-pelancong. Selain daripada itu, tanaman bunga seperti orkid-orkid liar yang memerlukan keadaan alam naungan hutan, kolam-kolam ikan, insectory, taman burung-burung, kebun sayuran tertentu akan juga diadakan. Untuk menambahkan tarikan pelancong, taman ini akan mempunyai infrastruktur-infrastruktur seperti jalan atau footpaths, tempat-tempat rehat atau berkelah, tempat jualan barang makanan, souvenir dan sebagainya.

PENUMPANG KERETAPI YANG TERBUNUH—KERUGIAN

71. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan keretapi merupakan salah satu cara pengangkutan yang

paling selamat, mengapa kemalangan keretapi sering kali berlaku di negara kita. Bagaimana Kerajaan akan menanggung kerugian yang tertimpa ke atas penumpang-penumpang yang terbunuh dan berpuluh-puluh lagi yang cedera parah di Sangkang, Kulai di negeri Johor baru-baru ini.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya sukacita kerana kenyataan yang saya buat pada 11 Februari, 1987, bahawa perkhidmatan keretapi merupakan pengangkutan yang paling selamat mendapat perhatian Ahli Yang Berhormat. Ini adalah memandangkan bahawa jumlah kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa dan kecederaan adalah pada kadar yang paling rendah jika dibandingkan dengan akibat kemalangan-kemalangan jalanraya atau pun pengangkutan udara. Dalam tempoh 5 tahun yang lalu jumlah perkhidmatan keretapi penumpang ialah sebanyak 7 kemalangan. Daripada jumlah tersebut 58 kecederaan berlaku dan jumlah terbunuh hanya 4 orang, yang berlaku di Sangkang, Kulai Johor, baru-baru ini. Sementara sebagai satu perkhidmatan penumpang tiap-tiap tahun Keretapi Tanah Melayu mengangkut di antara 6.3—7.3 juta penumpang. Ini adalah satu bukti yang pengangkutan keretapi adalah yang paling baik.

Mengenai kemalangan keretapi yang berlaku di Sangkang berhampiran dengan stesyen Kulai baru-baru ini, saya telah pun menubuhkan satu badan penyiasat bagi menentukan punca kemalangan itu. Dari segi undang-undang pihak Keretapi Tanah Melayu atau Kerajaan tidak dikehendaki membayar gantirugi melainkan kemalangan ini berlaku semata-mata disebabkan oleh kecuaiannya berlaku di pihak Keretapi Tanah Melayu. Sekiranya terbukti kecuaiannya berlaku dipihak KTM mereka yang terlibat bolehlah membuat

tuntutan gantirugi kepada KTM dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh itu berlaku.

PENGEDARAN SURAT— MEMPERCEPATKAN

72. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan rancangan Kementerian tersebut untuk mempercepatkan pengedaran surat menyurat di kalangan penduduk luar bandar.

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mempercepatkan pengedaran surat menyurat di kawasan luar bandar. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan memperbaiki lagi sistem pengangkutan mel secara menambah bilangan van-van Jabatan Perkhidmatan Pos di mana pengangkutan awam kurang memuaskan atau mengikat kontrak dengan mana-mana syarikat pengangkutan atau orang perseorangan yang sanggup mengangkut mel.

Di samping itu juga, mutu penyerahan surat-surat akan diperbaiki dengan memperbanyakkan lagi penggunaan motosikal oleh posmen-posmen. Skim Pinjaman Motosikal untuk posmen-posmen yang telah diperkenalkan turut membantu ke arah menyediakan kemudahan ini di samping menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Bagi kawasan pedalaman di luar bandar, posmen-posmen sambilan telah dilantik khusus bagi menjalankan tugas-tugas penyerahan surat.

Dengan terlaksananya usaha-usaha tersebut, pengedaran surat-surat untuk penduduk-penduduk luar bandar akan dapat diperbaiki lagi dari masa ke semasa.

UNIVERSITI TEMPATAN — BIDANG KURSUS

73. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana dan sejauhmana universiti-universiti tempatan sanggup dan berupaya melaksanakan peranan mereka bersesuaian dengan keperluan dan cabaran ekonomi dan masyarakat Malaysia dari segi:

- (i) jenis latihan dan kemahiran;
- (ii) peranan lulusan menurut latihan dan kemahiran;
- (iii) kualiti kemahiran dan latihan;
- (iv) disiplin, silap, motivasi dan daya kreatif kelulusan;

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti-universiti tempatan kita telah pun melaksanakan peranan mereka bersesuaian dengan keperluan negara. Bidang-bidang kursus yang terdapat universiti-universiti tempatan khususnya bidang profesional adalah berdasarkan kepada keperluan semasa, sama ada keperluan dalam sektor awam ataupun sektor swasta supaya universiti-universiti tempatan dapat menghasilkan tenaga manusia yang mahir dan terlatih untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Pelajar-pelajar bukan sahaja diajar secara teori tetapi juga diberi pendedahan melalui latihan amali yang bersesuaian dengan bidang kursus yang diambil dengan menempatkan pelajar-pelajar di agensi-agensi Kerajaan dan swasta untuk menjalani latihan bersesuaian dengan matlamat untuk menghasilkan pelajar yang bukan sahaja berkualiti tetapi juga mahir dalam bidang masing-masing.

Di samping itu, melalui kursus-kursus yang diadakan, pelajar-pelajar didedahkan kepada permasalahan negara supaya mereka sensitif dengan persekitaran dan seterusnya membentuk peribadi pelajar. Oleh itu pelajar-pelajar bukan sahaja

mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu tetapi merupakan seorang yang berdisiplin, mempunyai daya kreativiti dan mempunyai semangat untuk maju iaitu persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

TANAMAN/TERNAKAN DI LADANG

74. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan sebab apakah majikan perladangan begitu enggan untuk menggalakkan 'Rancangan Buku Hijau' dan rancangan Ternakan dalam kalangan pekerja-pekerjanya, walaupun Kerajaan telah membenarkan dan menggalakkan Rancangan tersebut beberapa tahun dahulu dan bolehkah Kerajaan mengambil tindakan untuk memastikan majikan akan melancarkan skim-skim tersebut untuk meringankan bebanan pekerja-pekerja tersebut dalam keadaan ekonomi ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Memang benar Akta (Piawai Perumahan Minimum) Pekerja 1966 mewajibkan majikan perladangan memberi tanah yang telah dibersihkan kepada pekerja-pekerja yang tinggal diladangnya bagi maksud tanaman dan ternakan. Tanah yang diperuntukkan kepada seseorang pekerja hendaklah sekurang-kurangnya luas 1/16 ekar. Peruntukan ini boleh dikatakan selaras dengan "Rancangan Buku Hijau".

Kearah memastikan peruntukan dalam Akta tersebut dipatuhi oleh para majikan sektor perladangan, pegawai-pegawai Kementerian Buruh sering menjalankan pemeriksaan biasa dan lawatan-lawatan mengejut ke ladang-ladang.

Dari pengalaman dan peninjauan kemajuan Kementerian Buruh tidak ada asas sama sekali untuk meragui para majikan sektor perladangan akan terus

bekerjasama mematuhi kehendak undang-undang lebih-lebih lagi dalam keadaan muram ekonomi masa kini.

KESELAMATAN DIPENJARA

75. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah pengawalan yang lebih ketat dalam penjara di negara ini supaya peristiwa penahanan atau tebusan seperti yang berlaku ke atas Majistret, dan Attenden baru-baru ini tidak berulang lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi mengelakkan peristiwa penahanan atau tebusan tidak berulang lagi maka langkah-langkah keselamatan di penjara-penjara telah diperketatkan iaitu:

- (i) Pegawai-pegawai perubatan dan Majistret-majistret yang menjalankan tugas di penjara-penjara akan diiringi dan dikawal oleh seorang Penguasa Penjara dan tiga orang pegawai penjara.
- (ii) Banduan-banduan akan digari kedua-dua belah tangan semasa menerima rawatan kecuali atas nasihat doktor.
- (iii) Mengadakan jaring besi pemisah di antara banduan dan Majistret semasa mahkamah bersidang.
- (iv) Hanya seorang banduan sahaja dibawa secara bergilir-gilir untuk dibuat sebutan.
- (v) Membina pagar-pagar keselamatan di kawasan-kawasan yang perlu.

DISPENSARI DI KAMPUNG SIMPANGAN PAITAN

76. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan bangunan Dispensari di Kampung Simpangan Paitan, bilakah

pembinaannya dimulakan, memandangkan pada musim tengkujuh yang baru lalu banyak pesakit terpaksa dibawa ke Hospital Besar Sandakan dengan helikopter oleh kerana ketiadaan kemudahan perubatan di kawasan tersebut. Adakah rancangan Kementerian menyediakan bangunan Dispensari di lain kawasan seperti di Kampung Tenkerason, Maidan atau Kampung Abuan Sugut.

Cik Teng Gaik Kwan: Kementerian Kesihatan akan membina sebuah Pusat Kesihatan Fasa 1 dan bukan sebuah Dispensari di Kampung Simpangan Paitan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Pembinaan dijangka bermula pada bulan September 1987 dan siap dalam tahun 1989.

Kementerian Kesihatan tidak bercadang menyediakan apa-apa kemudahan kesihatan di Kampung Tenkerason, Kampung Maidan atau Kampung Abuan Sugut dalam Rancangan Malaysia Kelima. Keperluan perkhidmatan bagi kampung-kampung ini akan dikaji semula dan dipertimbangkan semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam kelak.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, di samping Pusat Kesihatan Fasa 1 di Kampung Simpangan Paitan, Kementerian Kesihatan bercadang membina beberapa lagi kemudahan di daerah Labuk Sugut seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Tahun Pembinaan</i>
Pusat Kesihatan Telupid ..	1987
Pusat Kesihatan Fasa 1 Kningaran	1987
K. D. Lingkabau	1988
K. D. Tagas	1987
K. D. Kaniagau	1987
K. D. Malisan	1989

**PERWAKILAN MALAYSIA
DI LUAR NEGERI—
MENGURANGKAN**

77. **Tuan Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengurangkan pejabat-pejabat perwakilan dan kakitangan yang berkhidmat di luar negeri sejak Kerajaan mengumumkan di dalam sidang Belanjawan yang lalu.

Dato' Rais Yatim: Kementerian Luar Negeri sekarang ini sedang membuat kajian untuk mengenalpasti mana-mana perwakilan yang boleh ditutup atau dikurangkan kakitangan tanpa menjejaskan kepentingan negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga beberapa perwakilan Malaysia di luar negara bukan sahaja dianggotai oleh pegawai dari Kementerian Luar sahaja tetapi juga pegawai-pegawai dari Kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pelajaran, Jabatan Imigresen, MIDA dan sebagainya. Salah satu langkah yang diambil sekarang adalah untuk mengemaskan pentadbiran perwakilan supaya pertindihan fungsi antara pegawai-pegawai dari berbagai agensi dielakkan dan pembaziran tenaga kerja tidak berlaku. Dengan ini pengurusan kakitangan dapat dilaksanakan.

Sebenarnya pengurangan kakitangan telah pun dibuat di beberapa perwakilan seperti di London, Tokyo, Bucharest dan Kuwait.

**PERSIDANGAN NEGARA-
NEGARA ISLAM (OIC)**

78. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Luar Negeri menyatakan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) telah pun berlalu baru-baru ini, di mana Malaysia telah

diwakili oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sebagai Ketua Delegasi, adakah delegasi Persidangan Negara-Negara Islam itu memberi kesan yang positif kepada perpaduan negara-negara yang bermusuhan di Timur Tengah.

Dato' Rais Yatim: Sidang Kemuncak Islam Ke 5 yang diadakan di Kuwait baru-baru ini telah memberi kesan yang baik kepada negara-negara Islam. Kehadiran 44 negara anggota di Sidang itu sendiri menunjukkan persefahaman dan perpaduan di kalangan negara-negara Islam dalam usaha untuk memupuk kerjasama yang lebih erat serta untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam.

Masalah negara-negara yang bermusuhan di Asia Barat telah diambil berat oleh Sidang Kemuncak di mana perbincangan secara mendalam telah diadakan untuk mencari penyelesaian. Sungguhpun hingga ini OIC belum lagi dapat menyelesaikan namun Sidang tersebut telah dapat merangka langkah-langkah yang akan diambil bagi meneruskan usaha-usahanya mencari jalan ke arah perdamaian serta mengekalkan perpaduan di kalangan negara-negara anggota. Ini termasuklah masalah-masalah Iran-Iraq di mana Sidang Kemuncak telah melantik Pengerusi Persidangan untuk meneruskan usaha-usaha damai.

(Soalan No. 79. Sila lihat jawapan No. 15)

HARGA KELAPA SAWIT

80. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bagaimanakah kedudukan harga kelapa sawit sekarang. Apakah ura-ura cadangan EC untuk menaikkan cukai import ke atas eksport kelapa sawit (minyak) ke negara EC sudah dilaksanakan. Jika

cadangan tersebut telah dilaksanakan, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini memandangkan negara kita juga menghadapi persaingan dengan negara Indonesia. Apakah nasib yang akan dihadapi oleh peneroka-peneroka yang terikat dengan kelapa sawit.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:
 Harga purata minyak kelapa sawit untuk bulan Januari dan Februari tahun ini masing-masing ialah \$793.24 dan \$805.24 setan metrik iaitu lebih munasabah jika dibandingkan dengan harga purata bulanan \$446.00 setan metrik September tahun lalu.

Cadangan EC mengenakan satu "levy" sebanyak 330 ECU ke atas minyak sayuran dan lemak belum dilaksanakan walaupun ianya telah dipersetujui di peringkat Suruhanjaya atau EC Commission dan pada masa ini masih menunggu keputusan Majlis Menteri-Menteri EC atau "The Council of Ministers".

Adalah jelas dan tidak dapat dinafikan jika cadangan tersebut dilaksanakan, ia akan membawa kesan yang sangat buruk, bukan sahaja kepada peneroka-peneroka yang terikat dengan kelapa sawit, malahan keseluruhan perusahaan kelapa sawit negara serta kompleks minyak sayuran dan lemak dunia akan turut sama terancam. Kerajaan secara berasingan dan juga bersama dengan negara-negara anggota ASEAN telah menyampaikan bantahan yang kuat terhadap cadangan tersebut kepada pihak EC Commission dan negara-negara anggota EC. Bangkangan yang serupa telah juga dibuat oleh lain-lain negara yang terlibat, baik secara berasingan mahupun melalui badan-badan antarabangsa, seperti FAO, di samping tentangan yang telah disuarakan oleh pihak perusahaan sendiri melalui persatuan-persatuan mereka di sini dan di Eropah.

Sementara itu Kementerian Perusahaan Utama akan terus meneliti perkembangan mengenai cadangan mengenakan levy oleh EC ini.

PEGAWAI KERAJAAN GIAT DALAM POLITIK—TINDAKAN

81. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan 'A' 'B' dan 'C' yang sudah dihadapi dan dikenakan tindakan tatatertib (Disciplinary Action), dan bilangan yang dipecat, atas sebab-sebab menyertai kegiatan politik bertentangan Perintah Am (General Orders), sudahkah tindakan tatatertib dikenakan kepada Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Zainal, iaitu Timbalan Pengarah Jabatan Imigeresen Kelantan yang terlibat sebegitu.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:
 Setakat ini enam orang pegawai Kumpulan 'A' di bawah bidang kuasa tatatertib Jabatan Perkhidmatan Awam telah dikenakan tindakan tatatertib kerana mengambil bahagian aktif dalam politik. Tidak ada di antara mereka yang dipecat.

Berkenaan dengan Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Zainal iaitu Timbalan Pengarah Imigeresen Negeri Kelantan (Pegawai Tadbir Am Tingkatan Kanan) yang mengambil bahagian dalam pemilihan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, perkara ini masih dalam siasatan Ibu Pejabat Jabatan Imigeresen.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA

82. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kontraktor Bumiputera dari semua kelas yang berdaftar dengan PUSAKABUMI sehingga Februari 1987;

- (b) berapa ramai di antara mereka yang telah mengalami bankrap/muflis; dan
- (c) apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dirancangan bagi menyelamatkan mereka.

Tuan Kasitah Gaddam:

- (1) Jumlah kontraktor bertaraf bumiputera yang telah pun didaftarkan oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR sehingga 28 Februari 1987 adalah sebanyak 5,287.
- (2) Sehingga ke hari ini PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR belum menerima maklumat daripada kontraktor bertaraf bumiputera bahawa mereka sedang menghadapi tindakan muflis atau sedang mengalami muflis. Sungguhpun demikian, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR akan berhubung dengan Persatuan-persatuan Kontraktor Bumiputera untuk mendapatkan maklumat-maklumat sama ada ada di antara ahli-ahli mereka menghadapi tindakan muflis ataupun sedang mengalami muflis.
- (3) Langkah-langkah yang sedang dijalankan bagi membangun kontraktor-kontraktor Bumiputera dan juga menyelamatkan mereka daripada mengalami tindakan muflis, adalah seperti berikut:
 - (i) Pusat Khidmat Kontraktor ada menjalankan urusan memberi khidmat nasihat dan bimbingan dari segi pengurusan syarikat dan masalah teknikal sesuatu projek kepada kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera yang memerlukan.

- (ii) Unit-unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Letrik Negara ada menjalankan urusan khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera yang menjalankan projek-projek di bawah pengawasan Kementerian dan Badan yang berkenaan.
- (iii) Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan seperti JKR, MARA dan PDPN ada menjalankan kursus-kursus kepada kontraktor bertaraf bumiputera dalam lapangan pengurusan syarikat dan pengetahuan teknikal pembinaan. Semua langkah-langkah ini ialah untuk membimbing dan memajukan kontraktor bertaraf bumiputera. Langkah-langkah ini adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan kontraktor bertaraf bumiputera dalam lapangan pembinaan dan membantu meningkatkan prestasi syarikat yang mana boleh mengelakkan mereka daripada menghadapi masalah-masalah kewangan.

**CUKAI PENDAPATAN—
BAYARAN BALIK**

83. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa pembayaran balik cukai pendapatan (tax rebate) untuk taksiran 1984 dan 1985 di Sabah masih tidak dapat diuruskan walaupun kebanyakan pembayar cukai pendapatan telah

beberapa kali menulis kepada Pengarah Hasil Dalam Negeri di Kota Kinabalu berkenaan dengan hal tersebut.

Tuan Loke Yuen Yow: Ingin saya memaklumkan bahawa adalah tidak benar untuk menyatakan cawangan Jabatan Hasil Dalam Negeri di Sabah tidak membuat pembayaran balik cukai pendapatan bagi tahun taksiran 1984 dan 1985. Bagi tahun 1984 pembayaran balik cukai pendapatan sebanyak \$9,327,834.96 telah dibuat bagi 4,482 kes, manakala bagi tahun 1985, jumlah kes yang diuruskan ialah 7,418 dan pembayaran balik ialah sebanyak \$27,209,802.00. Kes-kes di mana pembayaran balik masih belum dibuat mungkin disebabkan kes-kes berkenaan masih di dalam siasatan dan bayaran balik akan dilakukan sebaik-baik sahaja siasatan ini selesai.

FERI MALAYSIA

84. Tuan Adam bin Abdul Kadir minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan idea Feri Malaysia satu idea terpuji dalam usaha mencapai integrasi nasional, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menggantikan feri yang sedia ada dengan sekurang-kurangnya dua buah feri baru, dan apakah pula cara-caranya supaya penumpang-penumpang tidak menjadi jemu dalam pelayaran bagi menjamin mereka akan menaiki feri itu serta menggalakkan orang lain pula.

Tuan Kasitah Gaddam: Walaupun pelaksanaan projek Feri Malaysia mempunyai matlamat sosialnya untuk mempertingkatkan proses integrasi nasional, projek ini pada asasnya hendaklah dianggap sebagai satu cara pengangkutan yang alternatif di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Oleh itu, operasi perkhidmatan feri ini bergantung kepada penggunaannya dan apa-apa perkembangan kepada perkhidmatan ini akan didasarkan kepada keupayaan

Feri Malaysia memenuhi penggunaannya. Buat masa ini pihak Kerajaan belum bercadang untuk menggantikan feri yang sedia ada dengan feri-feri baru. Penggunaan feri sekarang masih dalam pengawasan Kerajaan dari segi penggunaannya dan kedayamajuan perkhidmatannya.

Dari segi penganjuran aktiviti di atas kapal bagi memastikan para penumpang tidak merasa jemu dalam pelayaran serta menjamin kepopularan perkhidmatan ini seterusnya, pihak Feri Malaysia telah menyediakan berbagai kemudahan dan program yang meliputi pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dan hiburan, kemudahan-kemudahan riadah dan bersukan, di samping kemudahan-kemudahan moden yang dilengkapkan seperti bilik-bilik tidur yang selesa, bilik rehat dan perbincangan, restoran dan kedai, sistem perhubungan yang baik dan langkah-langkah keselamatan yang terjamin. Tambahan kepada itu, Feri Malaysia akan terus menitikberatkan perkhidmatan yang baik dan mesra dari kakitangannya untuk keselesaan dan keseronokan penumpang-penumpang sekalian.

DASAR KEMASUKAN ORANG LUAR

85. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah "Dasar Kemasukan Orang Luar" yang lebih berkesan dan selaras dapat dilaksanakan sepenuhnya bagi mengelakkan kemasukan secara haram orang-orang dari Indonesia, Filipina dan lain-lain negeri yang menimbulkan implikasi buruk dari segi kehadirannya ke atas kesan sosio-ekonomi dan keselamatan negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir

mana-mana warganegara asing yang memasuki Malaysia secara haram.

Walau bagaimanapun memandangkan kepada garisan pinggir pantai yang panjang dan berdekatan dengan beberapa negara jiran yang mempunyai sempadan daratan yang sukar dikawal, maka terdapatlah warganegara-warganegara asing yang berjaya memasuki Malaysia secara haram. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri telah meningkatkan usaha untuk bertindak dengan lebih berkesan lagi ke atas mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram.

MEMBELI HARTA BAGI ORANG ASING

86. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang melonggarkan lagi sekatan bagi orang asing membeli harta bagi membolehkan pasaran harta di negara ini berkembang pada kadar yang meyakinkan serta membantu menggiatkan industri pembinaan berkembang dengan lebih sihat lagi.

Tuan Kasitah Gaddam: Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan lagi sekatan bagi orang asing membeli harta kerana Kerajaan telah pun melonggarkan sekatan ini seperti yang telah diumumkan pada 24 September 1986 bahawa hanya perolehan milik harta bernilai lebih dari \$5 juta sahaja diperlukan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing dibandingkan dengan nilai lebih \$1 juta yang telah dikenakan dahulu.

KEMATIAN SAKIT JANTUNG

87. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pesakit kematian sakit jantung; dan
- (b) apakah tindakan pihak Kerajaan telah dan yang akan

diambil untuk mengawal dan mengurangkan penyakit ini.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Jumlah bilangan kematian di hospital-hospital Kerajaan bagi tahun 1985 yang disebabkan oleh sakit jantung ialah 1906. Dari jumlah tersebut 1,581 ialah di Semenanjung Malaysia, 177 di Sabah dan 148 di Sarawak.
- (b) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal dan mengurangkan penyakit ini. Langkah-langkah pendidikan diadakan seperti kempen yang bertujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang penyakit tersebut.

Selain daripada kempen ini, penyebaran maklumat kepada orang ramai dijalankan melalui pendedaran poster, risalah dan buku-buku kecil, melalui media massa seperti radio, televisyen, akhbar-akbar tempatan serta melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah, pameran, dialog, perbincangan dan lain-lain. Kementerian Kesihatan juga sedang mengambil langkah untuk memberi perkhidmatan pendidikan pesakit di hospital-hospital besar di negara ini.

INSPEKTOR POLIS DI PULAU PINANG—TINDAKAN

88. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada betulnya terdapat aduan-aduan ke Ketua Polis Negara terhadap kelakuan seorang Inspektor Polis di Pulau Pinang dan seorang Pegawai Polis berpangkat tinggi di Pahang di mana mereka mencemar nama baik Pasukan Polis negara ini dengan menodai (seduce) wanita tanpa menghiraukan akibat pemecahan-belah keluarga wanita-wanita yang berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menafikan bahawa seorang Inspektor di Pulau Pinang dan seorang Pegawai Kanan Polis di Pahang telah ditohmah kerana mengadakan perhubungan rapat dengan wanita yang bukan isteri mereka. Inspektor yang terlibat itu telah ditukar ke cawangan lain dan tindakan tatatertib telah pun diambil terhadapnya. Mengenai pegawai kanan polis tersebut, beliau telah pun ditukarkan dari Kontijen Pahang dan siasatan lanjut terhadapnya sedang dijalankan.

Sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan memandang berat kelakuan sumbang seperti ini. Kerajaan sekali-kali tidak akan melindungi mana-mana pegawai dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat.

PEGAWAI KERAJAAN AKTIF DALAM KONTRAK— TINDAKAN

89. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan memberi butir-butir mengenai tindakan, jika ada, yang diambil semenjak permulaan tahun ini oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terhadap kakitangan-kakitangan berpangkat tinggi Kerajaan yang melibatkan diri secara aktif di dalam bidang politik.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Semenjak permulaan tahun ini seorang kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan "A" telah dikenakan tindakan tatatertib kerana mengambil bahagian yang aktif dalam politik. Tindakan tatatertib adalah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam, bukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

ROMBONGAN PELABURAN SEBERANG LAUT

90. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perdagangan

dan Perindustrian menyatakan jumlah kunjungan rombongan asing dan dari mana yang datang ke Malaysia untuk melabur sejak 5 tahun yang lepas dan berapa banyakkah jumlah pelaburan yang telah diperolehi.

Dato Kok Wee Kiat: Mengikut rekod Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, sebanyak 329 rombongan pelaburan dari seberang laut telah melawat Malaysia dan menerima taklimat daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia di dalam tempoh masa 1982 hingga 1986.

Rombongan-rombongan ini adalah daripada negeri Jepun, Taiwan, Republik Korea, Hong Kong, Singapura, Australia, Republik Persekutuan Jerman, United Kingdom, Perancis, Itali, Belgium, Switzerland, Belanda, Norway, Finland, Denmark, Amerika Syarikat, Kanada, India, Arab Saudi, Kuwait dan Abu Dhabi.

Tujuan rombongan-rombongan ini ke Malaysia adalah untuk mengkaji peluang pelaburan di sektor perkilangan di negara kita. Kebanyakan rombongan tersebut merupakan rombongan kajian maklumat (fact-finding) terhadap polisi-polisi Kerajaan, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan insentif-insentif bagi industri-industri. Hubungan-hubungan yang berkesan telah diwujudkan hasil dari pertemuan-pertemuan tersebut dan banyak peserta rombongan telah mengadakan lawatan susulan ke Malaysia bagi berunding dengan bakal-bakal pelaburan tempatan.

Soalan Yang Berhormat mengenai berapa banyak jumlah pelaburan yang telah diperolehi kerana lawatan-lawatan rombongan-rombongan tersebut, bolehlah digambarkan berdasar kepada permohonan-permohonan projek yang diterima sejak lima tahun yang lepas. Pelaburan sejumlah \$2,168 juta ringgit yang

mempunyai punca cadangan ekuiti dari lebih 25 negara asing telah diterima dalam tempoh 1982-1986.

SEKOLAH MENENGAH BEBAS CINA

91. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada Kementerianya telah menerima satu permohonan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Bebas Cina bernama Sekolah Menengah (Suwa) Yu Hua di Kajang, jika ya, nyatakan keputusan yang dibuat atas permohonan tersebut; dan
- (b) apakah keputusan yang dibuat berhubung dengan sebuah Sekolah Menengah Bebas Cina bernama Sekolah Menengah (Persendirian) Sen Hwa di Segamat.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Kementerian Pelajaran telah menerima permohonan untuk menubuhkan sebuah sekolah menengah Cina yang diberi nama Sekolah Menengah Swasta Yu Hua, Kajang. Permohonan tersebut adalah dalam kajian Kementerian Pelajaran.
- (b) Mengenai permohonan menubuhkan Sekolah Menengah Swasta Sen Hwa, Segamat, perkara ini juga adalah dalam kajian Kementerian Pelajaran.

SEKOLAH SWASTA— BANTUAN KEWANGAN

92. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada peruntukan wang kepada Sekolah Menengah Shen Jai (Suwa) dan Sekolah Menengah Poi Lam (Suma) yang dijanjikan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelang Pilihanraya Umum 1986 telah beri kepada sekolah-sekolah tersebut dan jika belum, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat seperti yang pernah saya maklumkan dalam mesyuarat Dewan yang mulia ini pada 29-10-1986 dahulu, Kementerian tidak akan memberi bantuan kewangan kepada semua sekolah swasta. Ini disebabkan masih terdapat banyak lagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian ini yang memerlukan perhatian dan bantuan sepenuhnya.

PUSAT PEMULIHAN— PENGAMBILAN KAKITANGAN

93. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kebajikan Masyarakat:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambah bilangan kakitangan, baik yang terlatih ataupun tidak dalam Pusat-pusat Pemulihan yang ada sekarang;
- (b) apakah cadangan yang dibuat untuk melatih guru-guru bagi murid-murid yang terencat akal;
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan program pemulihan awalan; dan
- (d) berapakah peruntukan yang disediakan bagi menubuhkan bengkel-bengkel bagi melatih orang-orang dewasa yang terencat akal.

Dato Shahrir bin Abdul Samad:

- (a) Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai cukup bilangan jawatan bagi tiap-tiap pusat pemulihan. Masalah yang dihadapi ialah untuk mengisi beberapa jawatan tertentu seperti Jurupulih Berkata, Jurupulih Anggota dan

Jurupulih Cara Kerja. Dalam hal ini Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang mengkaji beberapa cara untuk mengisi jawatan berkenaan sama ada secara kontrak ataupun mendapatkannya di bawah bantuan teknikal Kerajaan asing.

(b) Dari semasa ke semasa Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan latihan bagi semua lapisan kakitangan termasuk guru-guru yang berkhidmat di pusat-pusat terencat akal. Di samping itu ada juga badan-badan atau pertubuhan sukarela yang mengadakan kursus terhadap kakitangan dan guru mereka sendiri seperti yang dijalankan oleh Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal Selangor/Wilayah Persekutuan. Buat masa ini Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Pelajaran sedang mengkaji latihan-latihan yang dikendalikan oleh pertubuhan sukarela.

(c) Semua kanak-kanak cacat akal yang didaftarkan di Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat di bawa ke hospital untuk pemeriksaan oleh pakar perubatan terlebih dahulu untuk menentukan jenis kecacatan dan juga rawatan yang diperlukan. Seterusnya Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengaturkan program pemulihan jangka pendek dan juga jangka panjang bagi semua seseorang kanak-kanak itu di segi rawatan pemulihan, perubatan, pembekalan alat-alat tiruan dan pendaftaran ke sekolah-sekolah tertentu. Di samping itu juga ibu bapa atau penjaga diberi nasihat dan bimbingan terhadap penjagaan anak-anak mereka yang cacat.

(b) Di bawah Rancangan Malaysia Kelima sebuah projek bengkel terlindung yang menelan belanja sebanyak \$2.3 juta telah diluluskan. Akan tetapi memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang maka pelaksanaan projek tersebut terpaksa ditangguhkan.

PENYELUDUPAN BAYI

94. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kes penyeludupan bayi telah dilakukan sejak tahun 1980. Berapakah jumlah bayi yang sempat ditahan. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas penyeludupan dan apakah tindakan ke atas bayi-bayi yang telah diseludup dan dapat ditangkap itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman ahli Yang Berhormat sejak tahun 1980 hingga Februari 1987 sebanyak 30 kes penyeludupan bayi telah dapat ditahan dan dari jumlah tersebut seramai 33 orang telah diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, 3 orang diserahkan semula kepada keluarganya dan 1 orang bayi berumur 1 bulan meninggal dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang terlibat di dalam sindiket ini telah pun dapat dikesan dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka.

LATIHAN TENTERA BAGI PERTUBUHAN SOSIAL

95. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pertubuhan sosial yang mengadakan latihan ketenteraan kepada ahli-ahlinya. Apakah kegiatan ini tidak mengancam keselamatan negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, setakat ini Kerajaan belum memperolehi sebarang maklumat yang mendedahkan bahawa adanya pertubuhan sosial yang telah mengadakan latihan tentera kepada ahli-ahlinya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi sebarang pertubuhan di negara ini dan jika didapati kegiatannya bercanggah dengan kehendak undang-undang serta mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam tindakan tegas mengikut saluran undang-undang akan diambil.

JEJAMBAT DI LINTASAN KERETAPI

96. Dr Lim Ann Koon minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai rancangan membina jejambat-jejambat di kawasan-kawasan laluan keretapi di pekan-pekan kecil memandangkan lalulintas di pekan-pekan ini mengganggu penduduk pekan-pekan tersebut. Ini kerana dalam keadaan tertentu, pagar laluan keretapi tutup lebih daripada 20 kali sehari.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak mempunyai rancangan membina jejambat-jejambat untuk menggantikan lintasanrata-lintasanrata awam yang terdapat di rangkaianannya sama ada di pekan-pekan atau sebaliknya. Lintasanrata awam itu diwujudkan selepas pembinaan landasan keretapi telah siap dan digunakan. Oleh itu tanggungjawab untuk membina jejambat-jejambat adalah terletak kepada pihak yang memohon melintasi landasan keretapi itu. Pihak KTM menggalak dan mengalu-alukan segala usaha untuk membina jejambat-jejambat itu kerana ini juga akan banyak mengurangkan masalah-masalah operasi tren selain daripada keselamatan kepada kakitangannya dan penumpang-penumpang.

Kementerian ada rancangan untuk menswastakan projek membina jejambat di mana kajian telah dibuat ke atasnya dan dikebanyakan lintasanrata yang sibuk di seluruh rangkaian KTM adalah berdaya maju (viable) untuk diswastakan. Kementerian Pengangkutan bersedia menimbangkan projek-projek seumpama itu diswastakan.

PENGANGGURAN— MENGURANGKAN

97. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Buruh menyatakan samada beliau sedar bahawa Kementerian mempunyai peranan yang amat besar dalam usaha meminimumkan kadar pengangguran dalam negara ini, saya ingin tahu, selain dari berusaha mendaftar penganggur-penganggur serta mencarikan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka, adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membantu penganggur-penganggur itu mengatasi masalah mereka, dengan:

- (i) memberi mereka penerangan atau kursus yang boleh mendorong mereka menjadi pengusaha;
- (ii) memberi mereka bimbingan kerjaya.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kementerian Buruh memang sedar akan tanggungjawabnya untuk mengurangkan kadar pengangguran ke paras yang minima. Usaha ke arah ini sedang dijalankan dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat sentiasa menjalankan aktiviti bimbingan kerjaya termasuk menyampaikan maklumat mengenai peluang-peluang latihan dan pekerjaan di seluruh negara untuk membantu

penuntut-penuntut dan para lepasan sekolah membuat pilihan mengenai kerjaya mereka secara bijak.

Mengenai cara (i) dan (ii) yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, penerangan yang diberi memang meliputi juga keperluan bagi menjadi pengusaha walaupun Kementerian Buruh sendiri tidak menjalankan kursus-kursus untuk mendorong mereka menjadi pengusaha. Walau bagaimanapun, mereka yang mengambil bahagian dalam Kursus Kemahiran Perindustrian boleh jadi pengusaha.

Di samping itu, saya difahamkan Agensi Kerajaan seperti MARA terus berusaha mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia-belia dengan mengadakan kursus-kursus usahawan dan kemahiran bagi membantu mereka menjadi pengusaha. Pusat Daya Pengeluaran Negara juga difahamkan sering memberi ceramah-ceramah motivasi untuk mendorong mereka yang berminat menjalankan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan pada permulaannya.

USUL

PERSEMPADANAN BAHAGIAN- BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI SARAWAK

3.35 *ptg.*

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah seksyen 10 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sarawak) 1987, yang telah dibentang dalam Dewan ini pada 10hb Mac, 1987, bersama dengan

laporan Suruhanjaya Pilihanraya bertarikh 14hb Februari, 1987 mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sarawak dan yang akan dibuat di bawah seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Fasal 2 Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk mengulangkaji dan mempersempadankan semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri pada lat tempoh tidak kurang dari 8 tahun.

Sesuai dengan kehendak peruntukan tersebut, Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan ulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak mulai daripada 15hb Mac, 1986 dan ulangkaji terakhir yang dilakukan bagi Negeri Sarawak ialah pada 31hb Disember, 1977.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa pada bulan Oktober 1985, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1985 iaitu Akta A.631 yang berkuatkuasa pada 24hb Februari, 1986. Menerusi Akta ini pindaan telah dibuat kepada Perkara 46 Perlembagaan yang mengakibatkan kerusi Parlimen bagi Negeri Sarawak bertambah daripada 24 kepada 27. Di samping itu, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Perkara 14 (2) Perlembagaan Negeri Sarawak pada 18hb Mei, 1985 menerusi Ordinan No. 5 1985. Ordinan ini juga berkuatkuasa pada 24hb Februari, 1986. Dengan berkuatkuasanya Ordinan ini kerusi bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak telah bertambah sebanyak 8 kerusi lagi menjadikan jumlahnya 56 kerusi.

Saya ingin menegaskan bahawa pembentangan Usul ini tidak ada kaitan sama sekali dengan perkembangan politik di Sarawak sekarang ini. Usul ini telah dijadual untuk dibentangkan di sidang Parlimen kali ini lama sebelumnya. Berlakunya perkembangan politik di Sarawak itu semasa Usul ini dibentangkan adalah secara kebetulan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan pada awal tadi, tugas mempersempadankan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak ini adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya itu di dalam memulakan tugasnya untuk mengulangkaji dan mempersempadankan semula Bahagian-bahagian Pilihanraya perlu mematuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan di samping terdapatnya peruntukan berhubung dengan lat tempoh ulangkaji yang perlu dipatuhi, Suruhanjaya juga perlu mematuhi had tempoh ulangkajian itu perlu disiapkan.

Tugas-tugas ulangkaji dan persempadanan ini perlu disiapkan dalam masa 2 tahun selepas kerja-kerja dimulakan berpandukan kepada Fasal (9) dan (10), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Tugas disempadankan mengikut urusan persempadanan yang akhir tahun 1977 yang lepas, iaitu bahagian-bahagian pilihanraya yang wujud pada masa sekarang ini.

Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah pun menyiapkan Lapornya setelah mematuhi sepenuhnya prosedur-prosedur yang ditentukan oleh Bahagian II, Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, syor-syor yang terkandung di dalam laporan itu adalah

juga dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Bahagian I, Jadual yang sama. Laporan ulangkaji dan persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 18hb Febuari, 1987 sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan. Laporan itu telah juga dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 76 Tahun 1987.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, laporan Suruhanjaya Pilihanraya itu mengandungi 6 Bab iaitu Bab A hingga Bab F. Saya percaya segala isi Laporan itu telah diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan sedikit keterangan mengenai isi kandungan Laporan tersebut.

Bab A mengandungi maklumat-maklumat mengenai bidang kuasa dan tempoh ulangkaji di samping penerangan-penerangan bersabit dengan unit ulangkaji, skop dan bidang kuasa Suruhanjaya Pilihanraya, pindaan yang telah dibuat kepada Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan dan Fasal (2), Perkara 14, Perlembagaan negeri Sarawak, bilangan kerusi Parlimen bagi negeri Sarawak dan juga penerangan mengenai pindaan sempadanan Parlimen dan Negeri yang telah dijalankan.

Berhubung dengan apa yang diistilahkan sebagai unit-unit ulangkaji, sukacita saya jelaskan bahawa mengikut fasal 6, Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan, Malaysia telah dibahagikan kepada 3 unit ulangkaji yang berasingan iaitu Negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, negeri Sabah dan negeri Sarawak. Sepertimana yang Ahli-ahli

Yang Berhormat sedia maklum, ulangkaji bagi unit-unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan negeri Sabah, telah pun dijalankan pada tahun 1984 dan bahagian-bahagian pilihanraya yang dipersempadankan semula bagi unit-unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah itu telah pun digunakan bagi pilihanraya umum tahun 1986 yang lepas.

Bagi maksud pilihanraya, bahagian-bahagian pilihanraya yang dipersempadankan semula oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi negeri Sarawak setelah ianya diluluskan kelak akan dapat dikuatkuasakan apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan untuk pilihanraya negeri dan apabila Dewan Rakyat dibubarkan untuk pilihanraya Parlimen. Perlu diterangkan bahawa selagi Dewan-dewan yang saya nyatakan tadi tidak dibubarkan atau tidak dengan sendirinya terbuvar, maka selama itulah masih terpakai bahagian-bahagian pilihanraya yang telah disempadankan mengikut urusan persempadanan yang akhir tahun 1977 yang lepas, iaitu bahagian-bahagian pilihanraya yang wujud pada masa sekarang ini.

Di dalam Bab B, Suruhanjaya Pilihanraya ada memberikan keterangan yang jelas mengenai ulangkaji dan persempadanan yang telah dijalankan termasuk prinsip-prinsip persempadanan, daftar pemilih yang digunakan, purata bilangan pemilih, pemetaan serta keterangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan nama-nama bahagian pilihanraya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut keterangan yang terkandung di dalam Laporan Suruhanjaya itu, daftar pemilih yang digunakan sebagai asas, sebagaimana yang dikehendaki oleh

seksyen 3, Bahagian 1, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan ialah daftar pemilih yang disahkan pada bulan Januari, 1986. Jumlah pemilih bagi negeri Sarawak mengikut daftar pemilih yang berkenaan ialah 607,232 orang. Angka ini merupakan 47.14% lebih daripada jumlah pemilih tahun 1977, bilamana ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya negeri Sarawak yang terakhir dijalankan. jumlah pemilih pada ketika itu ialah 412,676.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang diambil perhitungan juga berkaitan dengan jumlah pemilih ini ialah purata pemilih bagi negeri Sarawak. Mengikut Laporan yang dibentangkan ini, purata pemilih Parlimen ialah 22,490, manakala purata pemilih negeri ialah 10,843. Di dalam Laporrannya, Suruhanjaya Pilihanraya telah memberikan ulasan mengenai kesukaran yang dihadapi oleh pihaknya di dalam usaha menseimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihanraya berpandukan secara ketat kepada fakta purata pemilih. Ini adalah disebabkan oleh keadaan topografi dan demografi negeri Sarawak yang amat luar biasa menyebabkan bilangan pemilih yang diwujudkan bagi bahagian tertentu di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya kawasan-kawasan pendalaman adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Perkara ini memang tidak dapat dielakkan bagi negeri Sarawak, memandangkan bahawa konsentrasi penduduk adalah terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kesukaran yang timbul ialah di dalam segi menseimbangkan bilangan pemilih dan kelulusan kawasan pilihanraya yang patut diwujudkan.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Sarawak dengan kawasan seluas 124,448 kilometer persegi adalah negeri yang terbesar di Malaysia dan penduduknya kecil, iaitu kira-kira

1.5 juta orang, tidak setimpal dengan keluasan kawasan negeri itu. Satu ciri demografi yang berbeza bagi negeri Sarawak ialah bahawa di samping konsentrasi penduduk yang besar di kawasan bandar terdapat taburan penduduk yang tinggal secara berkelompok di merata-rata kawasan pedalaman yang sukar dihubungi. Masyarakat di kawasan-kawasan ini juga yang mempunyai hak yang sama untuk mengundi dan hak untuk memilih wakil perlu juga diletakkan di bawah bahagian pilihanraya tertentu.

Namun demikian, untuk mengimbangkan keadaan penduduk dengan keluasan kawasan, maka Suruhanjaya telah cuba sedaya upaya bukan sahaja untuk menentukan bahawa terdapat bilangan pemilih yang berpatutan bagi satu-satu bahagian pilihanraya tetapi juga menentukan bahawa bahagian pilihanraya itu tidak begitu luas hingga memberi kesukaran yang amat besar kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa di samping keadaan topografi dan demografi yang luar biasa yang terdapat di negeri Sarawak, satu fakta yang sukar diatasi tetapi memberi kesan dan mempengaruhi keputusan Suruhanjaya dalam menentukan sempadan bahagian pilihanraya khususnya bagi kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak ialah mengenai faktor pengangkutan dan perhubungan. Sungguhpun terdapat banyak perubahan disebabkan oleh pembangunan yang pesat yang berjalan di negeri Sarawak sejak persempadanan terakhir dijalankan dalam tahun 1977 yang lalu, namun kekurangan kemudahan pengangkutan dan perhubungan masih menjadi faktor penghalang yang besar, khususnya untuk memenuhi kehendak mewujudkan pada keseluruhannya bahagian-bahagian yang ideal dari segi pentadbiran, termasuk urusan perjalanan pilihanraya bagi bahagian

berkenaan. Sungai-sungai, sama ada kecil ataupun besar, masih menjadi saluran pengangkutan dan perhubungan yang utama kerana jalan-jalan raya masih berkurangan dan hanya terdapat di antara bandar-bandar besar sahaja. Dengan hal yang demikian, amatlah sukar bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk benar-benar mempersempadankan Bahagian-bahagian Pilihanraya secara memenuhi sepenuhnya kehendak berbagai prinsip yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan atau mempersempadankan Bahagian-bahagian Pilihanraya yang kesemuanya dapat ditadbirkan dengan caya yang mudah dan berkesan oleh wakil-wakil rakyat yang akan dipilih kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bab C Laporan Persempadanan ini terdapat maklumat mengenai syor-syor Suruhanjaya, notis-notis yang telah dipamerkan, rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan yang telah diterima dan pindaan kepada syor-syor Suruhanjaya dan persempadanan semula yang telah dibuat. Sebanyak 66 rayuan telah diterima apabila syor pertama dipamerkan mulai 15hb Mac, 1986 sehingga 15hb April, 1986. Sebanyak 38 siasatan tempatan telah dijalankan di negeri Sarawak dalam bulan Jun dan bulan September 1986. Pindaan-pindaan dibuat selepas siasatan-siasatan tempatan dijalankan setelah notis dan syor-syor pindaan yang kedua dipamerkan pada 20hb November, 1986, sebanyak 17 rayuan telah diterima dan sebanyak 5 siasatan tempatan telah dijalankan pada 20hb dan 21hb Januari, 1987.

Dengan tindakan-tindakan itu, saya yakin bahawa rakyat negeri Sarawak telah diberikan peluang sepenuhnya untuk mengambil bahagian di dalam proses persempadanan ini sepertimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Ulasan-ulasan sepenuhnya mengenai rayuan-rayuan dan siasatan-siasatan

yang telah dijalankan ada terkandung di dalam Bab E Laporan ini.

Bab D dalam Laporan ini mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya mengenai bahagian Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak. Butir-butir lanjut mengenai segala perakuan Suruhanjaya ini adalah terkandung di dalam Jadual I dan Jadual 2 kepada Laporan ini dan peta yang menunjukkan semua Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah sepertimana yang diberikan di dalam Jilid II iaitu Bab F. Peta yang disediakan adalah berasaskan kepada peta asas yang paling kemaskini yang mengandungi rangkaian jalan raya, sungai-sungai dan sebagainya yang didapati sehingga penghujung tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah sependapat dengan saya bahawa Ulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya bagi negeri Sarawak perlu dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak Perlembagaan bahawa Bahagian-bahagian Pilihanraya di negeri tersebut harus diulangkaji padas lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun sekali, bahkan ianya harus dijalankan memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang pesat yang berlaku di negeri Sarawak, terutama di dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh kira-kira 10 tahun yang lalu.

Di samping itu, dengan adanya penambahan bilangan penduduk dan bilangan pengundi yang pesat di negeri tersebut, maka pertambahan kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri juga akan membuka peluang kepada rakyat Sarawak untuk mendapat perwakilan yang lebih seimbang dan berkesan.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik Ulangkaji dan Persempadanan Semula yang telah dijalankan itu dan memberi

sokongan terhadap syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, draf Perintah Persempadanan Bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak 1987 adalah dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Statut No. 77 Tahun 1987 dan sebelum saya mencadangkan supaya draf Perintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan kepada Pengerusi, ahli-ahli, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bekerja dengan penuh dedikasi bagi menjalankan urusan Ulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya dan seterusnya menyediakan Laporan untuk dibentangkan di dalam Dewan ini dalam masa yang lebih pendek daripada yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.56 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bagi menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi mengenai Laporan Ulangkaji dan Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak, 1987.

Usul ini seperti yang kita maklum adalah untuk memenuhi keperluan ulangkaji yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Ulangkaji dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Bagi Negeri Sarawak telah dijalankan mengikut kehendak Perlembagaan sepenuhnya dan saya difahamkan rakyat negeri Sarawak telah mendapat peluang sewajarnya untuk mengemukakan pendapat dan cadangan balas mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Dalam menentukan jumlah pemilih dalam Bahagian-bahagian Pilihanraya di negeri Sarawak, pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah pun cuba menseimbangkan pemilih antara satu bahagian pilihanraya dengan satu bahagian yang lain. Walau bagaimanapun, perbezaan bilangan pemilih kawasan-kawasan pilihanraya tidaklah dapat dielakkan oleh kerana perbezaan kawasan bandar dan luar bandar yang begitu nyata sekali. Keadaan geografi yang berbeza, taburan penduduk yang tidak sama rata dan perbezaan kemudahan pusat-pusat pendatbiran, perhubungan dan pengangkutan di samping keadaan masyarakat setempat yang tidak harus dipisah dan diasingkan atas sebab menseimbangkan pengundi antara dua atau lebih bahagian pilihanraya yang berhampiran adalah juga faktor-faktor yang diambil kira.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah pun mendengar dan menimbang dengan teliti rayuan sama ada secara bertulis mahupun lisan di beberapa tempat di negeri Sarawak di samping menjalankan beberapa siasatan tempatan sebelum membuat pindaan-pindaan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan sesuatu negara dapat dinilai dari dua perspektif yang penting. Pertama ialah paras pembangunan ekonomi dan taraf kehidupan rakyat jelata, dengan izin, the level of economic development and quality of life of the people. Dan perkara yang kedua ialah sejauh mana suara rakyat penuhnya dapat mempengaruhi pemerintahan negara dengan berkesan melalui Dewan Perwakilan Rakyat.

Saya ingin menghuraikan sedikit kedua-dua faktor ini dalam hubungannya dengan negeri Sarawak dan betapa pentingnya usul ini

mencerminkan satu usaha untuk mewujudkan satu peningkatan pembangunan yang total bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa banyak kemajuan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial telah tercapai di Sarawak semenjak ianya merdeka menerusi Malaysia. Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, bahawa negeri Sarawak amat bertuah mendapat faedah pembangunan yang tinggi dari Kerajaan Barisan Nasional iaitu peruntukan sejumlah \$379.7 juta dalam Rancangan Malaysia Pertama, diikuti dengan \$815.7 juta bagi Rancangan Malaysia Kedua iaitu lebih dua kali ganda peruntukan Rancangan Malaysia Pertama. Tumpuan pembangunan pada waktu itu adalah untuk kemajuan sektor pertanian dan pembangunan luar bandar serta pembangunan pengangkutan dan khidmat sosial.

Dengan wujudnya Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Sarawak terus berkembang maju dengan bertambah peruntukan belanjawan pembangunan sebanyak \$2,315 juta, yakni berlebihan 184% daripada yang telah diperuntukkan untuk Rancangan Malaysia Kedua.

Begitulah, Tuan Yang di-Pertua, jelasnya kadar kepesatan pembangunan di Sarawak dengan keutamaan dan tekanan diberi kepada pembangunan perhubungan, pertanian serta sosial dan projek-projek untuk melaksanakan dan mengembangkan Dasar Ekonomi Baru.

Berikutan dengan Rancangan Malaysia Keempat, belanjawan pembangunan untuk Sarawak telah dipertingkatkan lagi kepada jumlah \$3.567 juta iaitu hampir 10 kali ganda belanjawan yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang pesat sebegini rupa bagi negeri

Sarawak, walaupun dapat meluaskan pencarian hidup rakyat Sarawak semenjak kemerdekaan dan meningkatkan, dengan izin, quality of life, kehidupan mereka, namun penyaluran suara rakyat dalam Kerajaan yang berdemokrasi melalui perwakilan dalam Parlimen dan Dewan Negeri adalah juga perlu dan tidak kurang pentingnya.

Mereka, seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengusulkan tadi berhak menyampaikan pandangan dan aspirasi mereka melalui perwakilan yang tertentu dalam kawasan pilihanraya. Keadaan sekarang ini sangat sukar bagi mereka menghubungi wakil rakyat dan sebaliknya wakil rakyat juga mengalami halangan menemui mereka kerana kawasan pilihanraya yang sangat luas di pedalaman.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negeri Sarawak adalah hampir-hampir sama besar dengan Semenanjung Malaysia, tetapi penduduknya yang bertaburan itu berjumlah hanya 1.5 juta orang. Oleh itu adalah sangat wajar usul untuk menambah kawasan pilihanraya bagi Parlimen dan Negeri dari 24 bilangan kawasan kepada 27 kawasan Parlimen dan dari 48 kawasan Negeri kepada 56 kawasan mengikut laporan ulangkaji dan persembahan bahagian-bahagian pilihanraya bagi Negeri Sarawak diberi sokongan sebulat suara oleh semua pihak.

Dengan itu wakil-wakil rakyat berpeluang berdampingan dengan lebih rapat lagi dengan rakyat jelata dan berada di samping mereka itu. Pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan perlu mendapat maklum balas mengenai kekesanannya pada kehidupan rakyat dan Kerajaan perlu mengetahui penerimaan mereka itu mengenai projek-projek Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah tercetus di negeri Sarawak satu

perkembangan politik yang boleh menimbulkan kesan-kesan negatif terhadap negeri Sarawak khususnya dan Malaysia amnya. Dalam negara yang mengamalkan demokrasi dengan pemimpin-pemimpin yang berfikir terbuka, tidak ada alasan bagi sesiapa juga tidak mencari jalan penyelesaian secara bermusyawarah, berbincang dan berhadapan dengan terus terang.

Bagi mereka, ahli-ahli parti, apatah lagi pemimpin-pemimpin parti yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam parti sepatutnya menggunakan saluran parti, membawa segala rasa tidak puas hati dan perbezaan pendapat dalam mensyuarat Majlis Tertinggi agar dapat perkara-perkara yang tidak diingini dielak dan diselesaikan.

Kejadian ini boleh menggugat kestabilan politik di peringkat negeri yang selama ini telah menikmati keadaan politik yang stabil dan dengan ketiadaan kestabilan politik, rakyat sudah tentu berasa bimbang. Apatah lagi dalam keadaan negara yang berbilang kaum, kejadian ini mudah sahaja dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh mencetuskan kejadian yang tidak diingini di kalangan penduduk.

Di kalangan rakyat negeri Sarawak sendiri ternyata kepercayaan rakyat tidak berbelah bahagi terhadap Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Negeri dan Pusat seperti yang telah dibuktikan majoriti yang diperolehi Kerajaan Barisan nasional dalam pilihanraya umum yang lalu.

Sehingga hari ini, terbukti bahawa rakyat seluruh Sarawak berpuas hati, gembira dan bersatu padu serta menunjukkan sokongan mereka semua kepada Kerajaan Barisan Nasional. Ini adalah hasil kemajuan yang telah dan sedang mereka nikmati selama di bawah pemerintah Barisan Nasional.

Sebagai rakyat yang bersyukur, mereka telah dapat membuat

perbandingan dan menilai keadaan yang dinikmati semasa di bawah penjajahan dahulu dan dalam negara yang merdeka sekarang. Walaupun rakyat berpuas hati dan memberikan sokongan, namun Kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin Kerajaan adalah sentiasa berfikiran terbuka dan sensitif kepada kritik-kritik dari rakyat yang membawa pengertian besar dan bermakna dalam sistem demokrasi berparlimen.

Bersabit dengan kerja-kerja ulangkaji dan persempadanan kawasan pilihanraya yang telah dilaksanakan oleh Suruhajaya Pilihanraya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana saya amat memahami kesukaran dan constraint, dengan izin, yang dihadapi oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Saya yakin, pegawai-pegawai yang ditugaskan itu telah mengambilkira kesemua faktor dan kepentingan serta kemudahan pentadbiran dan jentera yang sedia ada dan yang boleh diadakan bagi mengendalikan pendaftaran pemilih dan urusan pengundi.

Di samping itu, sudah pasti kesulitan-kesulitan bagi pemilih-pemilih dalam bahagian-bahagian pilihanraya luar bandar diberi perhatian yang berat. Bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya sudah tentu menjadi bahan hujah bagi pihak-pihak tertentu.

Bagi negeri Sarawak yang begitu luas dari segi fizikalnya, dengan hanya 607,232 orang pengundi mengikut daftar pemilih yang disahkan pada 2hb Januari, 1986, keadaan di Sarawak sudah nyata tidak boleh dibandingkan dengan kawasan Pilihanraya Petaling Jaya misalnya yang mempunyai 80,403 pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan, pihak Suruhanjaya

Pilihanraya telah dapat menamatkan tugas-tugasnya setahun lebih awal dari yang dijadualkan. Oleh itu, saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka dan semua pegawai yang terlibat dengan harapan bahawa segala tugas dan tanggungjawab kita bersama dalam Dewan yang mulia ini akan terlaksana dengan sempurna hasil dari perbincangan yang jujur dan ikhlas.

Saya mohon menyokong usul mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya negeri Sarawak 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.08 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa beliau membangkitkan usul ini tidak ada kaitan dengan krisis dan pergolakan politik di Sarawak, ianya hanya sebagai kebetulan sahaja. Walau bagaimanapun, kami dan rakyat jelata terutama di Sarawak hendak mengetahui, apabila dijalankan pilihanraya kilat, adakah persempadanan ini akan digunakan untuk pilihanraya itu kelak? Itulah satu soalan yang timbul pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi parti Barisan Nasional, khasnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) telah menunjukkan pengaruhnya secara senyap untuk mengekalkan kuasa politik partinya dan melalui persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen negeri

sama seperti yang dipraktikkan oleh Parti UMNO di Semenanjung Malaysia.

Jadi, dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi yang sendirinya menyentuh krisis dan pergolakan politik di negeri Sarawak, maka fikiran rakyat terutamanya di Sarawak adalah lebih peka dan kepekaan inilah kita semua khuatir dan takut akan timbul keadaan kucar-kacir dan porak-peranda di negeri Sarawak.

Sebenarnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, rakyat di Sarawak telah memberi mandat dengan sepenuhnya bagi Barisan Nasional pada tahun 1983 di mana ketika itu Barisan Nasional telah memberikan jaminan untuk mewujudkan kemajuan, kestabilan dan kemakmuran. Sekarang ini, dengan adanya krisis itu, menunjukkan Barisan Nasional sudah gagal untuk memenuhi mandat dan jaminan itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan wujudnya perbezaan-perbezaan yang terlalu nyata serta ketidakaksamaan dalam Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri pihak Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia harus memelihara satu sistem campuran iaitu "first past the post" atau model Westminster bersama-sama dengan perwakilan seimbang (proportional representation) Campuran kedua-dua bentuk model ini akan dapat memberi gambaran yang lebih tepat serta adil terhadap perwakilan rakyat dan cara ini adalah lebih tepat dan sesuai untuk menentukan kestabilan yang tidak dapat dijamin oleh pihak Barisan Nasional setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia kala, banyak bantahan asas telah diterbitkan oleh individu-individu dan

organisasi-organisasi yang ditolak, mahupun diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia tanpa alasan-alasan yang baik. Contohnya walaupun pemilih-pemilih Riam merayu supaya daerah tersebut dikeluarkan dari N. 51—Lambir dan dimasukkan ke dalam N. 52—Piasau yang mana salah satu alasan yang diberi adalah kaitan rapat dengan penduduk Miri dari segi sosio ekonomi, muka surat 36 Laporan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia Jilid I—Syor, rayuan mereka ditolak. Sebaliknya rayuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk mengeluarkan daerah mengundi Pangkor dari N. 16—Semera dan dimasukkan ke dalam N. 17—Simunjan dan juga diberi alasan talian persaudaraan serta ingin mengekalkan kedamaian hidup, di muka surat 80 laporan yang sama, alasan-alasan tersebut dianggap sebagai memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 36 Laporan Suruhanjaya Pilihanraya iaitu satu perayu pemilih-pemilih Riam mengeluarkan daerah mengundi Riam daripada N. 51—Lambir untuk dimasukkan ke dalam N. 52—Piasau, dengan sebab-sebab rayuan (1) mengikut tradisi daerah mengundi Riam adalah di dalam sempadan pentadbiran Miri, sempadan daerah kecil Miri dan Majlis Perbandaran Miri; dan (2) segi geografi Riam adalah kurang daripada 5 batu dari Pusat Bandar Miri dan kebanyakan Jabatan-jabatan Kerajaan. Ulasan dan keputusan Suruhanjaya Pilihanraya ialah alasan-alasan yang dikemukakan oleh perayu adalah tidak memuaskan. Setelah dikaji Suruhanjaya Pilihanraya mendapat keseluruhan kawasan N. 51—Lambir dan N.52—Piasau adalah di bawah pentadbiran daerah Miri. Jadi sama ada daerah mengundi Riam berada di dalam N. 51—Lambir ataupun N. 52—Piasau ialah tidak akan menimbulkan apa-apa masalah bagi pemilih-pemilih kerana dari segi pentadbiran mereka akan tetap berurusan kepada Pusat Bandar Miri

dan perhubungan rapat di antara penduduk-penduduk dengan penduduk-penduduk Miri tetap terjalin dan tidak akan terputus oleh kerana kemasukan daerah mengundi ini ke dalam N. 51—Lambir. Berdasarkan fakta-fakta di atas Suruhanjaya Pilihanraya membuat keputusan mengekalkan daerah mengundi Riam di dalam N. 51.

Akan tetapi untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang membuat butir-butir rayuan mengeluarkan daerah mengundi Pangkor daripada N. 16—Semera untuk dimasukkan ke dalam N. 17—Simunjan, dan (b) mengeluarkan daerah mengundi Sateman daripada N. 17—Simunjan untuk dimasukkan ke dalam N. 16—Semera, dengan sebab-sebab rayuan itu, yang pertama pemilih-pemilih dalam daerah pengundi Pangkor mempunyai talian persaudaraan dengan pemilih-pemilih N. 17—Simunjan; dan yang kedua, jalan perhubungan daripada daerah mengundi Pangkor ke Simunjan adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan jalan ke Semera. Ketiga, ingin mengekalkan kedamaian hidup yang ada sekarang. Jadi alasan-alasan daripada Suruhanjaya Pilihanraya itu ialah mengatakan bahawa alasan-alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu adalah memuaskan dan setelah mempertimbangkan bersama dengan rayuan 2 (b) Suruhanjaya Pilihanraya bersetuju mengeluarkan daerah mengundi Pangkor daripada N. 16—Semera untuk dimasukkan ke dalam N. 17—Simunjan dan mengeluarkan daerah mengundi Sateman daripada N. 17—Simunjan untuk dimasukkan ke dalam N. 16—Semera. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia berpendapat bahawa perhubungan rapat di antara penduduk Riam dengan Miri tetap terjalin dan tidak akan terputus oleh kerana perubahan sempadan daerah mengundi, mengapa pula pandangan

yang sama tidak digunakan bagi rayuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran? Bagi setengah-setengah kes di mana alasan politik disebutkan pendirian pihak Suruhanjaya Pilihanraya juga samar-samar. Ini adalah kerana ada kalanya alasan tersebut ditolak manakala bagi satu dua kes alasan ini diterima.

Misalnya, bagi kes pemilih-pemilih Gita dan Tupong Selatan daripada N. 5—Tupong ditolak kerana tidak dapat menerima alasan politik hendak mengukuhkan kedudukan pemilih-pemilih Melayu. Tetapi sebaliknya pengeluaran daerah mengundi Batu Kinyang daripada N. 6—Satok ke dalam N. 9—Batu Lintang diterima. Walaupun alasan yang diberi tetap tidak berubah mempertahankan kedudukan pemilih-pemilih Melayu. Akibat daripada penerimaan rayuan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang membawa kepada pengeluaran daerah mengundi Pisang dan Batu Kinyang dari Satok peratusan pemilih Melayu dan berubah dari 53.9% kepada 64.3%, Dayak dari 3.4% ke 3.6%, tetapi pemilih keturunan Cina turun dari 41.1% ke 32.1%. Bukankah ini bentuk politik perkauman yang jelas sekali. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak menghairankan jika rakyat jelata mengesyaki bahawa setiap pengulangkajian dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya berupa tindakan yang dipengaruhi oleh parti-parti politik yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 36 (8) haraplah jangan mengeluarkan cakap-cakapan yang memberi apa-apa satu kesan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh kepekaan dan fikiran setengah-setengah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, syak-wasangka ini diperkukuhkan lagi dengan pemindaan pengulangkajian yang dibuat ke atas Perlembagaan sehingga menjejaskan kebebasan serta otonomi Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Dakwaan ini sudah tentunya akan dinafikan oleh pihak Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihanraya sendiri, namun begitu rakyat jelata tidak mudah diperdaya.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam DAP sedar bahawa ramai di antara rakyat Sarawak yang merasa kurang puas hati terhadap Persempadanan Semula ini dari pandangan orang-orang Sarawak dan menurut semangat, dengan izin, Report of the Inter-Governmental Committee 1962 dan semangat Akta Malaysia 1963, Artikel 96, iaitu menurut Report of the Inter-Governmental Committee 1962 page 1, Chapter 1—Introduction, paragraph 3, dengan izin:

“The two governments decided to establish an Inter-Governmental Committee on which the British, Malayan, North Borneo and Sarawak Governments would be represented. Its task was to work out the future constitutional arrangement including safeguards for the special interest of North Borneo and Sarawak to cover such matters as religious freedom, education, representation in the Federal Parliament, the position of the indigenous races, control of immigration, citizenship and the State Constitutions.”

Tuan Yang di-Pertua, menurut semangat yang termaktub di dalam Laporan tersebut, pandangan orang-orang Sarawak ialah pertambahan bilangan kerusi masih tidak mencukupi. Bagi kerusi Parlimen bilangannya harus ditingkatkan menjadi 30, manakala kerusi Dewan Undangan Negeri ditambah kepada 62.

Memandangkan semangat yang tersebut, rakyat Sarawak sentiasa menekankan bahawa:

- (a) Sumbangan ekonomi Sarawak kepada hasil negara melalui pengeksporan gas asli, minyak mentah serta keluaran balak amatlah besar. Sekurangnya $\frac{1}{3}$ daripada pengeluaran gas serta minyak mentah datang dari negeri ini. Oleh itu, mereka merasa bahawa negeri Sarawak seharusnya mendapat lebih banyak perwakilan di kedua-dua Dewannya.
- (b) Sarawak mempunyai keluasan yang hampir sebesar Semenanjung Malaysia, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat dan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi pembangunan sosio ekonomi negeri tersebut adalah mundur bila dibandingkan dengan negeri-negeri Malaysia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Rancangan Malaysia Kelima yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, Sarawak mempunyai pendapatan per kapita yang bertambah dari \$2,292 dalam tahun 1980 ke \$3,085 dalam tahun 1985. Bagi tahun 1985 nisbah pendapatan per kapita bila dibandingkan dengan purata pendapatan seluruh Malaysia adalah kira-kira 0.82. Pada tahun yang sama Sarawak berupa pengeluar kedua besarnya dalam keluaran balak selepas negeri Sabah pada tingkat keluaran sebanyak 51,625 meter padu. Keluaran gas aslinya adalah yang terbesar sekali, iaitu sebanyak 278.5 ribu mm s.c.f. dan minyak mentahnya 121,764 tong.

Seimbias lalu sumbangan negeri Sarawak kepada hasil negara bukanlah kecil, malah bolehlah dikatakan di antara yang tertinggi sekali. Namun

demikian, anak-anak negerinya hidup dalam keadaan serba-serbi kekurangan, terutama sekali puak-puak orang asli Iban, Bidayuh dan sebagainya. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menerangkan mengenai peruntukan daripada Rancangan Malaysia Pertama ke Rancangan Malaysia Kelima dengan berbilion-bilion ringgit dibelanjakan di Sarawak, tetapi kadar-kadar yang akan saya sentuh kelak akan menunjukkan usaha-usahnya belum mencapai kejayaan.

Kadar pengangguran di negeri Sarawak pada tahun 1985 adalah yang tertinggi sekali di seluruh Malaysia, iaitu 8.7%. Angka ini dijangka meningkat ke 10.8% menjelang tahun 1990. Dalam tahun 1982 kadar kemiskinan di kalangan orang Iban dan Bidayuh masing-masing adalah 48.7% dan 64.9%. Menurut Laporan Rancangan Malaysia Kelima, kadar kemiskinan pada keseluruhannya di negeri tersebut telah turun dari 56.5% dalam tahun 1976 ke 31.9% dalam tahun 1984. Kadar-kadar kemiskinan yang berasingan tidak diberi. Oleh itu, sama ada penurunan yang begitu mengagumkan itu adalah tepat atau tidak, sukar ditentukan, lebih-lebih lagi apabila kami meninjau fakta bahawa Unit Perancang Ekonomi menggunakan banci-banci pertanian dan perbelanjaan rumahtangga sebagai pengukur kemiskinan dan bukan menurut unit-unit SERU. Sekiranya unit-unit SERU digunakan, sudah tentunya kadar kemiskinan adalah jauh lebih tinggi daripada yang dilaporkan. Selain daripada ini, di manakah bukti-bukti pembangunan secara besar-besaran seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan persempadanan yang lalunya.

Satu lagi aspek unit negeri Sarawak berupa perwakilan bilangan penduduk yang kurang sempurna di setengah-setengah kawasan. Bilangan pengundi

yang berdaftar disahkan pada 2hb Januari tahun lepas bagi negeri Sarawak adalah seramai 607,232 orang. Perwakilan yang tersedia ada sekarang langsung tidak membayangkan jumlah pengundi yang diwakili atau menurut konsep "satu orang satu undi".

Tuan Yang di-Pertua, contohnya bagi kawasan pilihanraya Parlimen Bandar Kuching. Ia mempunyai seramai 62,550 orang pengundi dan 2 orang ADUNnya—Padungan/dan Stampin, masing-masing mewakili 29,262 orang pengundi dan 33,288 orang pengundi. Ini merupakan kawasan pilihanraya yang paling besar sekali di Sarawak. Saya tidak bandingkan dengan Petaling Jaya kerana di sesuatu negeri itu kita patut banding dengan kawasan-kawasan atau bahagian-bahagian pilihanraya di negeri itu memandangkan semangat penyertaan Sarawak di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setelah disusun semula sempadannya, Bandar Kuching masih mempunyai bilangan pemilih yang paling besar, iaitu seramai 54,985 orang dan dengan 3 buah Kerusi Dewan Undangan Negeri, adalah di antara kawasan-kawasan pilihanraya Negeri yang mempunyai bilangan pemilih yang melebihi 15,000 orang. Bagi kawasan-kawasan kian bertambah bilangan penduduknya, terutamanya kawasan bandar, perwakilan penduduk di Parlimen serta Dewan Undangan Negeri ataupun Council Negeri seharusnya ditambahkan untuk membayangkan bilangan penduduk yang sebenarnya. Keperluan ini akan bertambah mendesak dengan peningkatan perpindahan penghijrahan penduduk dari kawasan-kawasan luar bandar ke bandar.

Kami juga sedar bahawa bagi setengah-setengah kawasan, contohnya Ulu Rejang, luas

kawasannya adalah hampir-hampir sebesar negeri Melaka, akan tetapi bilangan penduduknya hanyalah seramai 14,220 orang sahaja sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi di mana kedua-dua ADUNnya masing-masing mewakili 8,575 pengundi di Balih dan 5,645 pengundi di Belaga. Kawasan terpencil ini tidak mempunyai jalinan perhubungan atau infrastruktur yang baik dan penduduknya kebanyakannya terdiri dari petani-petani sara diri yang berpindah-randah serta tidak terlibat dalam aliran utama pengeluaran ekonomi, dengan penanam berpindah tidak terlibat langsung di dalam, dengan izin, "cash economy of this nation or even Sarawak".

Kami sedar akan kerumitan-kerumitan yang timbul di kawasan-kawasan pilihanraya seperti ini. Saya sendiri pun ada pergi ke kawasan itu dengan susah payahnya untuk naik motor dan sebagainya, Sungai Rejang yang begitu besar. Oleh itu, kami selalunya menyarankan supaya penegasan terhadap pembetulan ketidakseimbangan sosio ekonomi harus diutamakan.

Bagi menjayakan hasrat ini, kami perlukan usaha-usaha yang tiada putus-putus bertahun-tahun lamanya. Tetapi setakat ini, walaupun Yang Berhormat Menteri hendak membayangkan pembangunan yang begitu pesat, yang begitu cemerlangnya, jadi di kawasan Ulu Rajang susah hendak nampak kemajuan. Hampir 90% atau lebih masih bergantung kepada tanaman berpindah dan sebagainya dan tidak langsung terlibat di dalam ekonomi utama negara ini. Itulah satu kemunduran yang terpaksa diperbaiki, terpaksa diubah dan setakat ini tidak dapat diperbaiki oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan-kenyataan tersebut jelas

sekali keadaan negeri Sarawak adalah unik sama ada dari aspek faktor-faktor geography, topography, demography mahupun dari segi masalah perhubungan di antara kawasan-kawasan pilihanraya yang rumit dan sukar atau masalah sosio-ekonomi. Faktor sosio-ekonomi ataupun lebih tepat lagi kemunduran kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan di lain-lain negeri juga memberi peluang kepada Barisan Nasional untuk mempertahankan ideologi wajaran berlebihan kepada luar bandar amatlah perlu bagi mengesyor pembangunan kawasan-kawasan itu. Akan tetapi, dengan izin, dengan "gerrymandering" di Sarawak, tidak membawa pembangunan di kawasan-kawasan terpencil walaupun Barisan Nasional pernah menjanjikan pembangunan, kemajuan dan kestabilan dalam pilihanraya 1983 sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, yang hasilnya adalah ketidakstabilan hasil dan ketidaktentuan yang menghindar pelaburan asing serta mengancam masa hadapan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun adanya keperluan untuk mengadakan "rural weightage", dengan izin, sepertimana yang terdapat di negara-negara demokrasi yang lain, akan tetapi perbezaan yang keterlaluan tidak seharusnya wujud sehingga menimbulkan ketidakpuasan dan ketidaksaksamaan terutamanya di negeri Sarawak sekarang yang ada ketegangan, terutamanya dengan pergolakan politik yang tidak diinginkan. Perlu disebutkan, bukan sahaja kerana masalah di Sarawak, dengan izin, personalities, tetapi ada faktor-faktor yang lain juga yang mewujudkan ketidakstabilan itu. Kami harus mencuba dengan sedaya upaya untuk mempertahankan prinsip satu orang satu undi agar ketidakseimbangan politik tidak berhasil di antara kumpulan-kumpulan ethnik yang berlainan. Ketidakseimbangan politik yang terlalu nyata, satu faktor

penting yang dapat menerangkan ketegangan perhubungan perkauman di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lagi pun mengikut Bahagian I, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 2 (c) mengatakan bahawa bilangan pemilih di dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya patutlah lebih kurang sama banyaknya di seluruh unit ulangkaji, kecuali bahawa memandangkan kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada pemilih dalam daerah kampung dan lain-lain kesukaran yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar. Luasnya bahagian-bahagian pilihanraya itu patutlah diberi pertimbangan supaya pada setengah-setengah tempat, satu bahagian pilihanraya boleh mengandungi hanya $\frac{1}{2}$ daripada bilangan pemilih-pemilih di dalam satu-satu bahagian pilihanraya di bandar.

Pihak Suruhanjaya Pilihanraya langsung tidak mengindahkan prinsip satu orang satu undi semasa merangka semula sempadan kawasan-kawasan pilihanraya negeri Sarawak. Dari contoh tadi, iaitu bandar Kuching jika dibandingkan dengan kawasan pilihanraya Parlimen Lubuk Antu yang hanya mempunyai seramai 13,386 orang pemilih sah didaftarkan, manakala bahagian pilihanraya Negerinya iaitu Engkilili dan Batang Air masing-masing hanya seramai 7,344 dan 6,042 orang pengundi. Nisbah pemilih di antara kawasan Parlimen adalah di antara kira-kira 4:1, manakala bagi kawasan pilihanraya Negeri katakan di antara Padungan dan Engkilili adalah 2.4:1; dengan Batang Air adalah hampir-hampir 3:1.

Jelas sekali Suruhanjaya Pilihanraya telah mengesyor bahawa satu undi luar bandar adalah bersamaan lebih daripada 3 undi kawasan bandar. Walaupun Seksyen 2 (c) mempunyai

peruntukan, dengan izin, a measure of rural weightage, untuk mengambil kira kesulitan-kesulitan yang timbul di kawasan-kawasan pilihanraya luar bandar, peruntukan ini tidak harus diperalatkan dengan sewenang-wenangnya dan mesti dihadkan tidak lebih daripada 50%. Perbezaan yang lebih besar daripada 50% itu adalah jauh sekali makna etikata demokrasi berparlimen yang sebenarnya. Di samping ini ia juga menjejaskan prinsip satu orang satu undi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang pertama dalam tahun 1959, Mustapha Albakri untuk mempertahankan prinsip satu orang satu undi dengan menghadkan perbezaan-perbezaan di antara kawasan pilihanraya luar bandar dan bandar kepada tidak lebih daripada 15% tidak lagi menjadi teladan kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang ada pada masa sekarang. Ia lebih suka mengikut dasar-dasar seperti kemudahan pentadbiran, kepentingan perhubungan tempatan, perkhidmatan perintah awam dan perkhidmatan perbandaran, malah Suruhanjaya Pilihanraya menegaskan bahawa Wakil Rakyat mewakili seluruh pengundi secara "collective" atas soal-soal dasar dan perundangan dan bukan mewakili individu-individu secara persendirian baik dari segi masalah mahupun dari segi dasar.

Tuan Yang di-Pertua, kami percaya bahawa dengan mewujudkan lebih banyak ketidak saksamaan politik melalui "gerrymandering", dengan izin, perbezaan-perbezaan yang terlalu nyata hasil dari persempadanan semula kawasan-kawasan pilihanraya serta penjejasan berterusan prinsip satu orang satu undi. Ini akan membawa kepada krisis yang lebih besar di Sarawak menjelang tahun 1990 yang lebih dahsyat daripada krisis yang terdapat sekarang.

Kami semua bertanggungjawab untuk memperbetulkan ketidakseimbangan sosio-ekonomi di seluruh negara termasuk Sarawak. Untuk menjalankan kewajipan ini, kami mesti mengikis segala-segala ketidakseimbangan politik terlebih dahulu. Salah satu langkah positif yang boleh dilaksanakan adalah dengan menghapuskan pengenalan fungsi politik dengan kaum. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mengatakan bahawa pengenalan fungsi ekonomi dengan kaum mesti dihapuskan menjelang tahun 1990 agar negara dapat mencapai perpaduan masyarakat. Akan tetapi saya tidak pernah dengar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa pengenalan fungsi politik dengan kaum mesti dihapuskan. Jadi satu kecuiaan Yang Amat Berhormat terhadap perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, persempadanan semula seperti yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, mengekalkan konsep pengenalan fungsi politik dengan kaum. Jadi, inilah satu perbuatan yang tidak baik yang akan terus wujud krisis-krisis seperti yang terdapat di Sarawak sekarang.

Sebenarnya, kami memang berharap Suruhanjaya Pilihanraya akan berkhidmat kepada masyarakat dan menyumbangkan sedikit usaha untuk menghapuskan pengenalan fungsi politik dengan kaum agar kesaksamaan politik dihidupkan semula di kalangan kumpulan ethnik di Malaysia. Malangnya harapan kami berkecai sekarang. Tahun 1990 akan terbukti sebagai tahun genting bagi beberapa isu seperti kebangkitan semula Islam, penegasan semula yang bukan Islam, nasionalisme Kadazan, di Sarawak nasionalisme Dayak, nasionalisme Iban, nasionalisme Bidayuh. Apakah yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional dan Perdana Menteri untuk

menghempas gelora perkauman dan mengikis polarisasi agama yang kian melarat, polarisasi kaum yang kian meningkat di negeri Sarawak. Bagaimana pula dengan tindakan-tindakan yang diambil untuk menenangkan krisis yang kini meletus di Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, adakah persempadanan semula yang baru ini sah diperlakukan bagi Pilihanraya Umum akan datang di negeri Sarawak. Saya tanya sekali lagi, adakah ini semata-mata satu helah politik, walaupun dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Dengan menjelangnya tahun 1990 dan pada ketika itu akan wujudnya pergolakan politik, sosial dan ekonomi yang mungkin bahaya, saya berharap sekarang kita dapat membasmi semua gejala, semua faktor yang menyumbang kepada pergolakan politik yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang terpenting sekali adalah Kerajaan harus mencuba sedaya upaya supaya elak dari menyeleweng daripada syorsyor jawatankuasa, syorsyor Suruhanjaya Reid yang menegaskan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, rural weightage tidak patut lebih daripada 15%.

Pihak Kerajaan sekurang-kurangnya mesti berusaha ke arah mempertahankan prinsip seorang satu undi dan pembangunan yang lebih saksama dan khasnya bagi negeri Sarawak, kemajuan orang-orang Iban, Bidayuh dan lain-lain lagi dan bukan semata-mata mementingkan kebajikan kaum Melayu sahaja di Sarawak. Buat masa sekarang Malaysia adalah di antara negara-negara di mana proses Jerri Mandering, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah teruk sekali. Jangan-jangan imej ini diperburukkan lagi dengan lebih banyak "gerrymandering" lagi. Dengan itu kami tidak bersetuju dengan usul dan

syor-syor yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat tadi.

Saya di sini hendak menekankan bahawa parti-parti seperti SUPP yang pernah dengan suara yang lantang mengkritik, membantah mengenai persempadanan semula di negeri Sarawak pada bulan-bulan yang lalu. Saya berharap mereka akan tunjuk kejujuran di dalam Dewan yang mulia ini dan hari ini parti-parti komponen Barisan Nasional termasuk SUPP yang membuat bantahan yang hangat di Sarawak, saya harap dapat menyuarakan selantang-lantang di dalam Dewan yang mulia ini. Kami mencabar kepada parti komponen Barisan Nasional termasuk SUPP dan ke semua parti komponen Barisan Nasional Sarawak apa yang masih tertinggal daripada parti-parti itu supaya tampil ke hadapan untuk menyuarakan bantahan-bantahan mereka serta mengundi menentang usul ini bersama-sama dengan pihak DAP.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi bahawa memandangkan wujudnya perbezaan-perbezaan yang terlalu nyata serta ketidak saksamaan dalam persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri, pihak Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia harus memelihara satu sistem campuran iaitu first past the post atau model Westminster bersama-sama dengan perwakilan berkadar ataupun seimbang ataupun proportional representation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Campuran kedua-dua bentuk model ini akan dapat memberi gambaran yang lebih tepat serta adil terhadap perwakilan rakyat. Dan ini adalah penting untuk membasmikan, saya ulangi, krisis seperti yang terdapat di negeri Sarawak terutamanya menjelang tahun-tahun 1990. Untuk mengesyorkan kestabilan serta pembangunan negeri Sarawak terdapat keperluan yang mendesak untuk

mengikis perbuatan electoral "gerrymandering," dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang bertujuan mengukuhkan penguasaan politik pihak pemerintah, dominasi politik parti pemerintah, terutamanya bagi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu. Sekian, terima kasih.

4.47 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah):
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut sama membahaskan di atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencadangkan persempadanan baru bahagian-bahagian pilihanraya negeri Sarawak bagi pilihanraya kawasan Parlimen dan negeri Sarawak.

Saya ingin menyatakan di sini saya menyokong usul ini kerana kita pun telah melihat dalam Laporan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia bahawa dalam masa 10 tahun pengundi-pengundi di bahagian dan di kawasan-kawasan negeri Sarawak telah meningkat ke lebih dari 600,000.

Untuk mengkemaskinikan masa ini adalah tepat masanya untuk kita mengulangkaji kawasan-kawasan pilihanraya dan saya ingin menyatakan di sini bahawa saya menyokong cadangan-cadangan yang disediakan di hadapan kita pada hari ini kerana mengikut yang kita banding dengan kawasan-kawasan di Semenanjung dan juga di negeri-negeri lain di dalam Malaysia, Sarawak adalah satu kawasan yang ada, dengan izin, topography yang special dan juga perhubungan-perhubungan komunikasi di mana ia menjadi satu sebab atau satu asas kita membuat dari segi pembangunan dan juga pentadbiran dan begitu juga bila kita mengadakan pembahagian kawasan, kita mesti mengambil timbang di mana-mana kawasan yang dapat kita tukarkan sempadan atau tidak kerana tujuan kita adalah supaya semua rakyat

jelata di mana-mana kawasan di negeri Sarawak di persisiran atau di hulu sungai atau di depan pedalaman, berhak juga dan mendapat peluang bersama-sama rakyat Malaysia mengundi dan ada seorang wakil rakyat yang dapat mewakili mereka dan menyuarakan hasrat-hasrat dan aspirasi-aspirasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyatakan bahawa beliau tidak setuju dengan cadangan-cadangan ini dan tidak menyokong Usul ini dengan sebab-sebab saya dapati adalah tidak dapat saya terima, kerana saya sebagai seorang Wakil Rakyat dari kawasan luar bandar di mana penduduk-penduduknya pun masih di dalam kawasan yang masih membangun dan bahawa beliau telah menyatakan seorang Menteri telah menyatakan pembangunan yang pesat di Negeri Sarawak sekarang tidak betul dan beliau telah menyatakan disimpulkan kawasan-kawasan seperti kawasan Kapit dan Belaga.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kepong, kawasan ini adalah satu kawasan termasuk dalam pembangunan yang terlibat dalam pembangunan hidro-Bakun. Dan kalau tidak silap saya pihak-pihak Yang Berhormat dari Kepong pun juga adalah dalam kumpulan yang tidak ingin melihatkan projek-projek ini diadakan di kawasan ini.

Keduanya, Yang Berhormat dari Kepong sebelum menyatakan apa-apa yang beliau tidak faham dari segi pembangunan di Negeri Sarawak baiklah beliau berjalan atau mengunjungi ke kawasan-kawasan yang ada di Sarawak, sekarang khususnya kawasan luar bandar di mana projek, dengan izin, Integrated Agricultural Development Programme atau Pertanian Bersepadu dan di dua, tiga kawasan yang masih dan telah berjalan

dan juga di kawasan-kawasan pertanian di mana tenaga dari segi tenaga manusia, tenaga kewangan dan juga sumber-sumber tanah telah disatupadukan menerusi badan-badan, agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Pemuliharaan Tanah atau nama pendeknya PELITA dan juga badan-badan Persekutuan juga menerusi SELCRA dan FELDA yang sedang giat kini memajukan dan memilih kawasan atau meneliti di mana tempat yang dapat dikembangkan dan dimajukan dengan pokok-pokok atau tanam-tanaman yang tertentu, kerana kita ada asas untuk kita membandingkan pengalaman-pengalaman dari kawasan-kawasan yang kita telah bangun di mana bila kita membangunkan kawasan baru, memang kita mengambil masa untuk memilih di mana tanam-tanaman atau kawasan-kawasan yang mana patut di tanam dengan kelapa sawit atau koko dan lain-lain tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan di sini bahawa satu perkara yang telah ditimbulkan di sini juga mengenai keadaan di Negeri Sarawak ialah perkataan dikatakan satu krisis yang dihadapi di Negeri Sarawak, tetapi yang setahu mana saya, saya pun baru balik dari Sarawak semalam, yang saya faham Sarawak cuma menghadapi satu Pilihanraya Negeri, tidak ada menghadapi krisis-krisis apa-apa, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam pandangan saya juga mungkin beliau ini terdengar dari suratkhbar, mungkin ada satu dua orang dalam krisis, bukannya Kerajaan Negeri Sarawak dalam krisis. Jadi, saya harap Yang Berhormat dari Kepong janganlah cuba-cuba hendak menyatakan atau melaung-laungkan diri sendiri kalau tidak faham apa yang disentuh oleh beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kerjasama Kerajaan-kerajaan

Negeri dan Persekutuan dalam membangunkan dan juga menjalankan urusan-urusan supaya dalam Kerajaan Barisan Nasional kita, kita telah dapat bersama, bekerjasama untuk membangun kawasan-kawasan luar bandar yang kita sekarang harap akan terus memajukan dengan mencapai tujuan dan harapan aspirasi rakyat yang selama-lama ini telah menubuhkan keyakinannya kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ialah dari Kerajaan pihak Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuantan.

4.55 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai sama membahaskan Usul Persempadanan, kawasan Parlimen dan Persempadanan Negeri di Sarawak sebagaimana Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri disokong oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya dengan izin, merasa begitu intrigue dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh saudara kita Yang Berhormat dari Kepong tadi, intriguingnya kadang-kadang kita rasa hujah-hujahnya begitu, dengan izin, mempunyai logical sequence of thought terutama apabila beliau membaca daripada teks yang ada di hadapan beliau tetapi sebaliknya pula kadang-kadang illogical sequence of thought, dengan izin, apabila beliau bercakap off-the-cuff, dengan izin, ataupun at lip sahaja.

Kadang-kadang kita pun terasa apakah yang beliau sebutkan sebagai krisis kerana krisis itu seolah-olah satu perkataan yang favourite dan apa yang berlaku di Sarawak pun beliau katakan

sebagai satu krisis sedangkan saudara saya di sebelah sini Ahli Yang Berhormat dari Mukah seorang Wakil Rakyat, MP daripada Sarawak katanya tidak ada krisis di Sarawak. Yang ada krisis hanya mungkin personaliti-personaliti tertentu dan mungkin juga termasuk saudara kita Yang Berhormat dari Kepong itu sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan? Nanti sekejap.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Nanti sekejap, kerana beliau telah bercakap lebih kurang satu jam, saya rasa, saya tidak beri jalan sekarang. Nanti kemudian sedikitlah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beliau memperkatakan berbagai-bagai hal tadi, beliau juga ada membandingkan parti politik di Sarawak iaitu Pesaka Bumiputra Bersatu dengan UMNO. Ini merupakan satu sangka buruk tetapi saya tidak bangun mempertikaikannya kerana beliau mengarahkan sinisma itu terhadap sebuah parti. Kalaulah dihadapkan kepada seorang tentu sekali saya akan menyanggah apa yang beliau katakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kadang-kadang rasa agak risau, kadang-kadang kita tidak tahu apa yang dimaksudkan, umpamanya beliau yang mengharapkan supaya konsep proportional representation seperti yang diamalkan ataupun seperti yang ditonjolkan oleh Westminster itu digunakan di Sarawak, tetapi apabila beliau mengemukakan itu beliau menyebutkan. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tetapi setelah soal proportional representation itu dikemukakan begitu hebat dan bersungguh-sungguh, lima minit kemudian beliau pula menggunakan prinsip ekonomik iaitu berdasarkan hasil Negeri Sarawak mesti dapat itu, mesti dapat ini, mesti jumlah itu dan jumlah ini. Jadi inilah kadang-kadang yang saya katakan illogical sequence of thought, dengan izin, ataupun dalam bahasa legar jargon, saya bukan seorang lawyer tetapi saya ada juga konsep satu dua yang dipanggil non corroborative.

Jadi inilah kadang-kadang memeningkan kepala kita. Jadi soal proportional representation ini kalau kita panjangkan sangat-sangat ada juga logiknya. Tetapi kalau logiknya itu kita pegang logik itu terus menerus di dalam kita menyampaikan hujah tentu sekali ia meyakinkan. Kalau kita menggunakan prinsip Westminster kita tidak lari bahawa Westminster sendiri pun mengamalkan rural weightage. Ambil sahaja buku-buku tentang Constitution walaupun British itu tidak mempunyai Constitution yang bertulis tetapi kita faham bahawa rural weightage masih diamalkan di England ataupun di Britain. Kawasan-kawasan yang dianggap luar bandar seperti di Scotland ataupun di utara England, di Ireland Utara dan di Wales masih lagi merupakan amalan yang kita anggap atau yang kita kategorisekan sebagai rural weightage.

Satu lagi sebuah negara demokrasi yang besar iaitu di Amerika Syarikat, Tuan Yang di-Pertua, masih berleluasa, masih tumpat amalannya tentang rural weightage. Kita tahu California yang mempunyai. . . .

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak teruskan saya punya urutan pemikiran itu tidak terbantut nanti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita gunakan contoh yang diamalkan oleh Amerika Syarikat iaitu sebuah negara demokrasi yang terbesar di dunia ini, masih juga rural weightage digunakan secara berleluasa. California dengan penduduknya 25 juta mempunyai dua orang Senator. Begitu juga New York yang mempunyai 20 juta dua Senator; Wyoming yang tidak sampai satu juta, begitu juga Dakota Utara dan Dakota sahaja, Iowa. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun pula, adakah hendak beri?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: . . . pun, mendapat dua Senator. Inilah yang kita katakan rural weightage itu merupakan satu prinsip yang diamalkan secara berleluasa. Ini belum kita menggunakan prinsip yang diamalkan di Jepun dengan prefecturenya begitu juga dengan Korea dan sebagainya lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perkatakan di sini ialah tiap-tiap sesebuah negara itu mempunyai ciri-ciri, mempunyai characteristic sendiri. Di negara kita ini bukan sahaja ia mempunyai ciri-ciri bandar dan luar bandar tetapi mempunyai ciri-ciri yang paling unik di dalam dunia di mana kita mempunyai banyak ethnic, banyak ras atau banyak kaum di dalam negara kita ini. Kita sedar, kita unik kerana dalam sebuah negara Malaysia yang kecil ini, kita mempunyai dua bangsa yang pada totalnya dalam dunia ini merupakan ataupun dua ras ataupun apa sahaja

yang dijadikan Tuhan yang paling banyak di dalam dunia.

Demi terus terang saya katakan, saya katakanlah ras atau bangsa Cina adalah mempunyai jumlah yang paling besar di dalam dunia sedangkan orang India pula yang kedua jumlah terbesarnya di dalam dunia. Inilah memperhebatkan lagi ciri-ciri kehidupan kita di dalam sebuah negara kecil seperti di Malaysia ini.

Dan selain daripada ras atau bangsa itu kita juga mempunyai ciri-ciri kepelbagaian agama. Jadi segala ini merupakan satu perhitungan di dalam pembentukan dan di dalam formulasi dasar dan sebagainya dan sepertinya terutama sekali di dalam perkara yang kita perkatakan pada hari ini iaitu tentang persempadanan dan sebagainya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk sekali lagi apa yang dikatakan oleh saudara kita daripada Kepong tadi iaitu dalam beliau memperkatakan soal persempadanan ini, beliau juga menyebut secara aside iaitu beliau mengharapkan akan hapusnya pengenalan fungsi politik dengan kaum. Saya sebenarnya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beliau kerana ini tentu sekali dihadapkan kepada beliau sendiri dan mungkin juga kepada parti beliau sendiri. Jadi kita mengucapkan banyak-banyak terima kasih supaya amalan pengenalan fungsi politik dengan kaum ini akan pada suatu masa nanti terhapus daripada muka bumi kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memperkatakan segalanya ini, kita juga mendengar apa yang dihujahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa di Sarawak average ataupun purata pengundi-pengundi bagi kawasan Parlimen ialah 22,000 orang dan bagi kawasan kerusi Negeri ialah 10,000 orang. Angka-angka seperti ini

memang sebenarnya mencerminkan apa yang kita katakan tadi mempunyai rural weightage. Angka untuk Parlimen ini tentu sekali tidak boleh kita bandingkan dengan angka kawasan pilihanraya Kepong sekali, kawasan pilihanraya Petaling Jaya ataupun kawasan pilihanraya di mana saya menjadi wakilnya iaitu Kuantan. Kerana apa yang dihadapi oleh Sarawak adalah unik kepada Sarawak sahaja, ia mempunyai masalahnya sendiri, ada keutamaannya dan ada kepentingannya sendiri dalam hubungan kaum, dalam menjaga politiknya dan dalam menjaga kesejahteraan hidupnya dan juga di dalam menjaga quality of life sepertimana yang diulangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hujah-hujah yang pada zahirnya tidak begitu kena mengena langsung dengan soal persempadanan ini tetapi kita tahu motifnya apabila kita seolah-olah ingin mengemukakan soal seperti nasionalisma. Nasionalisma ini adalah daripada perkataan "nation". Bagaimana kita sahaja menimbulkan soal nasionalisma Kadazan, Dayak dan Bidayuh ini. Saya rasa mungkin soal. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita gunakan Bahasa Malaysia sekali, saya tidak beri—faham itu faham sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Kalau banyak sangat kita bangun-bangun, nanti macam mana Tuan Yang di-Pertua sebut pada bulan Oktober lepas duduk bangun, duduk bangun itu tidak baik untuk kesihatan. Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, tolong ingatlah kepada Yang

Berhormat doktor daripada Kepong itu kita harap kesihatannya akan terjaga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana duduk bangun-duduk bangun ini, saya juga terkenal dengan kata-kata yang suka dipakainya selain daripada krisis, beliau juga suka menyebut perkataan gerrymandering. Gerrymandering ini sedap sungguh perkataannya, panjang bunyinya, hebat, seolah-olah Kerajaan kita atau Suruhanjaya Pilihanraya ini menggunakan gerrymandering seolah-olah seperti orang kata membuat sesuatu proses persempadanan ini berdasarkan sesuatu manipulasikah atau sebagainya untuk memberikan kemudahan-kemudahan atau memberi peluang pihak-pihak tertentu menjadi wakil atau memenangi pilihanraya. Saya rasa perkara ini adalah satu buruk sangka. Tetapi kerana ditunjukkan hanya kepada konsepnya sahaja, jadi kita tidaklah membangkang sangat. Kalau ditunjukkan kepada orang-orang tertentu tentulah kita sanggup juga membangkangnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan nasionalisma tadi, saya merujuk sekali lagi saya rasa janganlah kita selalu sebutkan perkara ini. Kadang-kadang kalau sesuatu kaum, sesuatu ethnic itu melahirkan sikap, melahirkan kata-kata yang sayang kepada ethnic kepada kaumnya sendiri itu adalah lumrah yang biasa pada kehidupan manusia. Kita tidak boleh apabila berlaku manifestasi itu kita terus mengadakan nasionalisma, tetapi sayang pada diri sendiri, sayang pada ethnic dan sayang pada kaum sendiri itu adalah lanjutan pada sayang pada diri sendiri, pada keluarga dan sebagainya.

Tetapi kalau terus kita mengatakan itu sebagai satu nasionalisme, saya rasa itu adalah satu hukuman yang tidak begitu boleh diterima dengan

sebaik-baiknya. Apa yang berlaku sekarang, saya rasa adalah merupakan satu adjustment sahaja, adalah satu period of adjustment, dengan izin, untuk mencari butir-butir, untuk mencari titik-titik harmoni di dalam kehidupan sesebuah negara yang berbagai kaum di sebuah negara di Malaysia ini. Ini lebih lagi saya rasa mempunyai masalahnya, bukan masalah yang tidak boleh diatasi, tetapi makna masalah yang manageable, yang boleh diuruskan oleh rakyat di Sarawak sendiri kerana krisis juga, kalau kita menggunakan krisis yang amat 'favourite' digunakan oleh wakil kita Yang Berhormat daripada Kepong itu, krisis juga kadang-kadang merupakan sesuatu yang kita boleh anggap sebagai blessing in disguise, ataupun rahmat yang tidak ketara.

Apabila berlakunya krisis, kiranya ada krisis, tetapi saudara saya sebelah sini kata tidak ada krisis, sekiranya ada sesuatu yang agak tidak menyenangkan berlaku pada sesuatu ketika yang tertentu dan apabila masalah seperti itu dapat diatasi, tentu sekali ianya memberi sesuatu hasil yang boleh mengemaskan hubungan antara seseorang, antara satu kaum ataupun satu suku dengan satu suku di dalam satu jangka yang panjang, kerana kehidupan manusia ini sepertimana kata Ibnu Khaldun, ianya seolah-olah merupakan satu lingkaran, dulu 45 tahun sekali satu lingkaran, maka mungkin dalam satu lingkaran politik di sebuah negeri seperti Sarawak itu kita boleh anggap 20 tahun sekali. Kita tahu lebih kurang 20 tahun dahulu telah berlaku satu perkembangan yang memantapkan Sarawak kira-kira 20 tahun dan sekarang saya rasa proses kemantapan itu berlaku lagi sekali dan kemantapan sekali ini saya rasa mungkin akan berkekalan 30 tahun lagi. Jadi itulah lingkaran-lingkarannya daripada segi sociological dan juga daripada segi

'inculturalisation', kalau boleh saya gunakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin menyentuh juga soal-soal yang agak unik yang agak bercirikan di Sarawak sahaja kerana ada disebut tadi ialah konsep topografi dan demografi dan ada juga peta di hadapan kita ini. Saya percaya, soal topografi di Sarawak itu tidak boleh dibandingkan dengan bahagian-bahagian lain di Semenanjung Malaysia, umpamanya kerana topografi di sana mungkin dianggap satu kawasan kadang-kadang expansenya, atau besar dan penduduknya begitu sedikit dan kadang-kadang pula timbul, orang kata unsur demografi, ataupun taburan penduduknya pula, mungkin di sekeliling Kuching umpamanya, ketumpatan penduduk atau dense dan mungkin pula di kawasan lain di bahagian topografi yang begitu luas tidak mempunyai penduduk. Bagaimanapun bagi tempat yang densitinya tinggi ataupun densitinya kurang, hak rakyat untuk mewakili di Dewan Negeri ataupun di Parlimen adalah hak asasi di dalam satu sistem demokrasi sepertimana yang diamalkan di negara kita ini.

Jadi, sama ada kawasan itu mempunyai ramai orang ataupun kurang orang adalah merupakan soal yang agak secondary, dengan izin, kerana yang kita pentingkan ialah hak mereka 'harus diwakili diperingkat negeri ataupun di Parlimen dan sekiranya perbandingan angka digunakan, umpamanya dengan Petaling Jaya ataupun kawasan-kawasan lain, saya rasa perbandingan itu tidaklah begitu wajar, kerana yang lebih penting sepertimana yang saya katakan tadi, tiap-tiap rakyat itu berhak diwakili di Dewan Negeri dan di kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan itu saya ingin mengakhiri

hujah-hujah saya dan sebelum saya mengakhiri saya dengan sukacita menyokong usul yang dikemukakan di sini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.16 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya turut mengucapkan syabas kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan telah menyiapkan laporan yang dibentangkan hari ini dalam masa yang singkat sekali.

Seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan, persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya di Sarawak merupakan satu perkembangan logik kerana kawasan-kawasan pilihanraya di negeri-negeri lain pun telah disempadankan, cuma tinggal Negeri Sarawak dan hari ini kita menyempurnakan kerja mensepadankan kawasan-kawasan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kerja-kerjanya bergaris kepada prinsip-prinsip dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, dan saya percaya bahawa semua anggota Suruhanjaya Pilihanraya serta kakitangannya telah berkhidmat dengan dedikasi tanpa dipengaruhi oleh emosi atau perasaan sempit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk masa depan saya ingin mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cadangkan pada satu hari nanti kepada Parlimen supaya satu garis panduan yang baru diberi kepada Suruhanjaya

Pilihanraya supaya bilangan pemilih di kawasan dengan pemilih yang paling kecil tidak begitu jauh bezanya dari bilangan pemilih di kawasan pemilih yang paling besar. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya kita lihat bahawa kawasan pilihanraya negeri Belaga mengadakan 5,645 pemilih, akan tetapi Piasau mengadakan 27,402 pemilih, dengan perkataan lain, pemilih Piasau melebihi pemilih Belaga lebih kurang 5 kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kepada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid semasa sebelum negara Malaya mencapai kemerdekaan. Suruhanjaya Reid telah mencadangkan bahawa apabila membahagikan kawasan-kawasan pilihanraya, pengundi-pengundi di sebuah kawasan tidak berbeza dengan purata pengundi di negeri itu dengan lebih 15%. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membacakan dengan ringkasnya cadangan Suruhanjaya Reid:

“We recommend that the number of voters in any constituency should not be more than 15% above or below the average for the state”.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Suruhanjaya Reid ini diterima dan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang diisytiharkan dan diterima oleh Parlimen pada tahun 1957, cadangan itu dimasukkan dalam Artikel 116, paragraph (4).

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masa telah berubah semenjak Laporan Suruhanjaya Reid. Saya sedar bahawa keadaan telah berubah dan Artikel ini pun telah dipinda oleh Parlimen dan saya tidak cadangkan hari ini bahawa kita kembali ke masa Suruhanjaya Reid, ke masa Perlembagaan 1957.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mencadangkan untuk pertimbangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa jurang perbezaan bilangan-bilangan pengundi dari kawasan yang kecil dengan kawasan yang besar tidak begitu besar seperti saya sebutkan tadi di antara Belaga dan Piasau lebih kurang lima kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan demikian bukan kerana ada sebab-sebab atau faktor-faktor perkauman. Saya berbeza dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana setahu saya penduduk-penduduk di negeri Sarawak sangat-sangat berintegrasi, muhibah antara kumpulan-kumpulan ethnic di negeri itu sangat baik sekali dan saya percaya muhibah akan bertambah baik sekiranya tokoh-tokoh politik seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak pergi ke situ mengganggu keadaan keharmonian antara kumpulan-kumpulan ethnic di negeri itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun hendak apa?

Dr Goh Cheng Teik: Saya tidak memberi jalan, Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan demikian kerana beralasan kepada sebab-sebab praktikal. Kami yang duduk di Dewan ini dipanggil Wakil Rakyat dan seorang Wakil Rakyat mewakili rakyat. Tanggungjawabnya terhadap penduduk di kawasannya. Sekiranya penduduknya terlalu ramai, ini bermakna Wakil Rakyat itu tidak dapat menyempurnakan tugas-tugasnya dengan sempurna, tidak dapat berkhidmat kepada penduduknya dengan sesungguhnya seperti yang diperlukan oleh rakyat.

Saya juga tidak cadangkan bahawa kawasan luar bandar itu dibesarkan. Saya tidak cadangkan demikian

kerana seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuantan berkata, prinsip 'weightage' kepada kawasan-kawasan luar bandar itu adalah satu prinsip yang baik, tetapi saya cuma cadangkan untuk masa hadapan—bukan untuk kali ini—bahawa kawasan-kawasan bandar diperkecilkan supaya seorang Wakil Rakyat ada pemilih yang munasabah dan beliau dapat memberi khidmat yang baik dan berkualiti kepada penduduk-penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sedikit sebanyak pandangan saya untuk masa hadapan dan sekali lagi saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Betong.

5.28 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bagi pihak pemilih dari kawasan Betong, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, khasnya Pasukan Petugas atas kejayaannya menguruskan Ulangkaji dan Persempadan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kepong tadi tidak perlu membuang masa terlalu banyak dan cuba membela nasib rakyat Sarawak kerana, yang pertama, kami Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Sarawak memang sepertimana kata Yang Berhormat dari Nibong Tebal tadi, mewakili rakyat dan menggunakan masa untuk membela nasib rakyat di Sarawak.

Yang kedua, kalau kita mendengar ucapan beliau, beliau tidak berapa sedar dan faham dan fasih dengan keadaan di negeri Sarawak, walaupun beliau telah ada melawat ke Sarawak. Tetapi adalah jelas bahawa beliau tidak berapa tahu mengenai keadaan sebenarnya di negeri Sarawak khususnya apabila beliau melempar berbagai-bagai tuduhan mengenai pencapaian pembangunan di negeri Sarawak. Saya rasa ucapan Wakil dari Kepong tadi adalah satu ucapan untuk bersedia berkempen untuk pilihanraya negeri Sarawak yang akan datang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat dari Mukah tadi, berbagai kemajuan, berbagai pembangunan telah dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sarawak. Kalau Yang Berhormat dari Kepong ada masa berjalan dan melawat ke kawasan-kawasan ini, saya percaya beliau juga akan menyaksikan berbagai kemajuan yang telah dijalankan.

Yang ketiga, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak dapat membuat keputusan pihak manakah yang beliau akan bela, sama ada rakyat di bandar ataupun rakyat di luar bandar yang kurang bernasib baik. Dalam pandangan saya, apabila beliau hendak menegakkan prinsip 'satu orang satu undi', sebenarnya beliau hendak menggunakan prinsip 'satu orang satu undi' ini untuk menekankan hak rakyat luar bandar bagi membela diri melalui sistem parliamentary democracy. Adakah itu dasar parti Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Yang di-Pertua, Laporan mengenai ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri Sarawak telah jelas menunjukkan bahawa ulangkaji

itu dibuat dengan mengambilkira dan berpandu kepada prinsip-prinsip yang disenaraikan dalam seksyen 2, Bahagian 1, Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan. Ini juga telah jelas bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah memberi pertimbangan kepada faktor-faktor seperti kemudahan-kemudahan infrastruktur, pembangunan-pembangunan yang berbentuk fizikal seperti pembangunan wilayah, penubuhan pusat pembangunan, keadaan taburan penduduk dan bentuk muka bumi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan Suruhanjaya itu untuk mengecilkan bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar. Keputusan ini akan meringankan beban Wakil Rakyat di kawasan-kawasan itu di mana kemudahan-kemudahan pembangunan dan pengangkutan yang terhad atau langsung tidak wujud dapat dijalankan. Dengan cara itu, saya rasa Kerajaan Barisan Nasional akan lebih berkesan lagi membawa pembangunan kepada rakyat luar bandar. Keputusan ini juga akan memudahkan pemilihan-pemilihan mengundi kerana dengan kawasan yang lebih kecil, banyak lagi tempat mengundi dapat diadakan berdekatan dengan tempat kediaman pemilih yang bertaburan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini maka kita berharap parliamentary democracy diamalkan dan pemilih-pemilih boleh diberi peluang untuk mengundi dengan lebih senang.

Satu masalah yang sentiasa dihadapi oleh rakyat luar bandar di negeri Sarawak ialah mendaftar sebagai pemilih. Selalunya Suruhanjaya menyediakan satu pusat atau tempat di mana rakyat yang layak mendaftar diri sebagai pengundi. Masalah di Sarawak, khususnya di luar bandar adalah kebanyakan tempat itu terbiar

sepertimana yang telah digariskan dalam Laporan tadi di mana Suruhanjaya Pilihanraya mengakui berbagai masalah yang dihadapi di luar bandar itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan bahawa Suruhanjaya pilihanraya mengadakan pasukan pendaftaran bergerak khasnya di luar bandar di Sarawak. Ini perlu untuk menentukan supaya segenap lapisan masyarakat diberi peluang mendaftarkan diri sebagai pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai panduan kepada Kerajaan semasa gerakan mengenai ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak di masa akan datang, saya ingin mencadangkan bahawa sekurang-kurangnya seorang dari kaum Dayak dilantik menyertai pasukan petugas itu.

Isu ini penting kerana ini satu cara yang boleh membuktikan bahawa kepentingan kaum Dayak dihormati dan untuk mengelakkan peluang pemimpin-pemimpin pelampau dari kaum Dayak ataupun kaum-kaum yang lain untuk mengeksploitasi keadaan dengan melemparkan bermacam-macam tuduhan kepada Kerajaan, termasuk tuduhan kononnya Kerajaan Barisan Nasional mengenyepikan kepentingan kaum Dayak.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti bahawa isu ulangkaji dan persempadanan ini akan digunakan oleh pihak tertentu untuk meniupkan perasan perkauman kaum Dayak, semasa pilihanraya negeri Sarawak yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak sekarang telah wujud kumpulan pemimpin pelampau yang mencari

apa-apa cara untuk menentukan tujuan mereka itu tercapai. Mereka ini rela mengorbankan kepentingan negara, asalkan kepentingan mereka terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya adalah mereka ini selalu bermuka dua. Di satu tempat mereka ini selalu menyuarakan pandangan sederhana, mengamalkan dasar kerjasama di antara satu kaum dengan kaum yang lain, sehingga mereka enggan berterus terang mengemukakan masalah kaum sendiri seperti kaum Dayak di Parlimen ataupun di Dewan Undangan Negeri ataupun di mesyuarat Jemaah Menteri kerana mengelakkan ditafsirkan sebagai pelampau dan mungkin akan membantutkan rancangan mereka sebenarnya. Tetapi apabila berhadapan dengan kumpulan Dayak, pemimpin-pemimpin ini memainkan perasaan perkauman, keagamaan dan berbagai-bagai isu diungkit-ungkit yang akan memanaskan perasaan perkauman di kalangan Dayak supaya mereka ini membenci kaum-kaum lain. Mereka ini tidak peduli bahawa tindakan mereka itu akan menggugat perpaduan kaum di negeri Sarawak asalkan kepentingan dan kedudukan mereka terjamin. Mereka ini mengenyepikan kepentingan negara kerana mereka rasa, dengan izin, the ends justify the means.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menentukan perkembangan ini haruslah dikawal dan pelampau-pelampau ini tidak akan merebak dan menggugat perpaduan kaum yang sedia ada di negeri Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya. Maka saya menyeru bahawa perkara ini diambilkira demi kepentingan negeri Sarawak khususnya dan Malaysia amnya. Kemungkinan untuk melantik seorang kaum Dayak sebagai ahli Suruhanjaya Pilihanraya harus juga dipertimbangkan.

Dengan hujah-hujah demikian, saya menyokong Usul yang telah dicadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Rajang.

5.37 ptg.

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Usul mengenai ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri Sarawak, 1987 saya ada satu-dua perkara yang saya hendak bangkitkan di sini.

Yang pertama, saya berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana membentangkan usul ini untuk membolehkan ramai lagi Wakil-wakil Rakyat daripada negeri Sarawak menjadi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak sendiri. Usul ini juga membolehkan negeri Sarawak mengadakan 56 orang daripada 48 Ahli Dewan Undangan Negeri dan dari 24 orang Ahli Parlimen kepada 27 orang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana ramai pun Wakil Rakyat kita, kalau kita berperangai sombong dan angkuh dan tidak mahu mendengar nasihat sahabat kita dan rayuan-rayuan rakyat, maka style of leadership kita akan tidak begitu efektif dan kebanyakan rakyat akan tidak berpuas hati kerana kesulitan-kesulitan mereka tidak dapat diselesaikan sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, setelah melihat dengan teliti usul ini, saya ada bantahan sedikit kerana kawasan tambahan yang baru itu iaitu kawasan yang mundur telah ditambahkan ke kawasan yang sama mundur. Misalnya, kawasan saya P. 169 Julau telah ditambah dengan sebahagian

dari kawasan di pinggir kawasan Parlimen Sarikei. Kawasan Julau itu adalah merangkumi 1,108 batu persegi dan pinggir kawasan Parlimen Sarikei yang akan dimasukkan ke dalam kawasan Julau ini 42 batu ke arah barat pekan Julau dan di hujung kawasan Sarikei ke arah barat berhampiran dengan Bahagian Kedua.

Kawasan yang saya sebutkan tadi sangat mundur dan penduduk-penduduk setempat adalah paling miskin, iaitu cuma ada sebatang jalanraya yang panjangnya 5 batu, jalan tanah merah, apabila hujan jalan-jalan tersebut tidak boleh dilalui oleh kenderaan. Kawasan tambahan baru itu juga dari dahulunya di bawah kawasan Parlimen Payang dan Wakil Rakyatnya pada masa itu dari parti PBB, kemudian kawasan itu dimasukkan ke dalam kawasan Parlimen Sarikei, iaitu kawasan Ahli Parlimen Yang Berhormat dari Sarikei, partinya SUPP. Akhir-akhir ini kawasan tambahan baru itu dimasukkan ke kawasan Parlimen P.69—Julau.

Saya sendiri telah melawat ke sebahagian kawasan itu, iaitu daerah pengundi Payong dan Sungai Rusa, tempat itu telah ketinggalan selama ini dari apa jua pembangunan, ianya hanya beberapa batu sahaja dari bandar Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Usul itu diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, saya mengesyorkan supaya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak membuat siasatan ke atas semua kawasan-kawasan tambahan bahagian Parlimen itu untuk membetulkan pembangunan Kerajaan di bahagian-bahagian itu seimbang dan tidak ada lagi favouritism atau pilih kasih dalam membangunkan negeri Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.42 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin untuk memberi beberapa pendapat ringkas sahaja untuk mengambil bahagian membahas mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan baru ini telah menunjukkan kepada kita bahawa negeri Sarawak telah bertambah Ahli-ahli Parlimen daripada 24 ke 27, dengan jumlah pengundi 607,232 pengundi bagi seluruh pemilih-pemilih sebagaimana dalam cadangan ini. Ini telah memberi satu gambaran bagaimana cadangan Suruhanjaya Pilihanraya mengemukakan cadangan baru ini supaya negeri Sarawak mempunyai representative yang meluas bagi mewakili rakyat dalam Dewan Rakyat yang mulia ini.

Walaupun kita dapati jumlah angka 27 ini kalau dibandingkan dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia, ianya boleh dikatakan dua kali ganda ataupun tiga kali ganda dengan negeri di Semenanjung Malaysia. Walaupun begitu hakikatnya ialah dari segi sebab-sebab mengapa cadangan-cadangan ini dibuat diberi perubahan ialah mengambilkira pada pandangan Suruhanjaya Pilihanraya di atas kepentingan-kepentingan rakyat Sarawak, bukan sahaja dalam konteks pembangunan, tetapi dalam aspek-aspek lain sepertimana yang kita dengar dari rakan-rakan yang telah berucap sebelum dari saya tadi. Cuma yang saya agak terkilan sedikit apabila mendengar ucapan panjang lebar Yang Berhormat dari Kepong yang berucap seolah-olah sebagai anak jati Sarawak yang seolah-olah beliau tahu segala-galanya apa yang berlaku di Sarawak dengan menyebut beberapa perkara, antara lain, seolah-olah perpecahan

kawasan-kawasan itu dibuat di atas perkauman

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingat beliau tidur tadi, rupanya jaga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan!

Dr Tan Seng Giaw: Ya. Adakah Yang Berhormat dari Pasir Mas itu sedar bahawa apabila semua Ahli Parlimen mengangkat sumpah di sini, kita bersumpah untuk seluruh negara termasuk Sarawak dan dia hendak menganaktirikan sekarang. Jadi semua rakyat, semua Wakil Rakyat itu mewakili semua tempat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang saya setuju kita mewakili seluruh negara, tetapi cara bercakapnya itu seolah-olah ada udang di sebalik batu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila disebut kononnya bahawa perpecahan sempadan ini dibuat di atas perkauman, diberi beberapa contoh, dibacanya dalam Kertas Statut, kalau tidak silap saya, saya hendak baca juga kepada Yang Berhormat dari Kepong. Di sini sepertimana kawasan untuk mengeluarkan pengundi-pengundi daripada daerah mengundi Quop 158/05 di mana disebut di sini; bahawa pengundi-pengundi kaum Cina yang berasalnya daripada daerah mengundi Quop dimasukkan dalam kawasan Batu Kawah di mana majoritinya penduduk-penduduk kaum Cina dengan tujuan supaya apabila wakil dipilih nanti ianya dapat berkesan memimpin rakyat. Jadi ini tidak disebut, yang disebutnya yang Melayu sahaja, yang dia tahu. Ini yang dikatakan suatu hakikat cara-cara berhubung di atas sifat-sifat yang halus

semata-mata untuk menimbulkan suasana-suasana yang kita bercakap berkali-kali cuba kita elakkan di atas semangat negara dan sumpah kita datang ke sini atas nama Malaysia. Ini yang saya hendak bangkit, selepas itu dibesarkan pula soal-soal satu undi satu orang. Satu undi satu orang ini cerita lama, satu undi satu orang ini, Tuan Yang di-Pertua, kononnya kalau buat satu undi satu orang mereka akan menang dengan besar. Maksud saya walaupun satu undi satu orang, di sini seolah-olah bagi mereka, kalau satu undi satu orang maka kaum Tionghualah akan menang, DAPlah akan menang kerana politik mereka di atas sifat politik perkauman. Kalau tidak di atas dasar yang terselit di sebalik fikiran itu, saya percaya perkara ini tidak dibesarkan. Bagaimana kalau kita mengatakan satu undi satu orang bagi kawasan yang besar di Sarawak yang dari segi geographynya begitu luas, walaupun penduduknya tidak ramai, bagaimana rakyat boleh diwakili kalau kita benar-benar ikhlas untuk membela rakyat?

Di sinilah yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua,

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan!

Dr Tan Seng Giaw: Ya, penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ini sengaja hendak mengapi-apikan semangat di sini. Jadi, beliau tidak begitu faham mengenai dengan apa yang dimaksudkan satu orang satu undi dan beliau pun tidak begitu faham ataupun tidak menumpukan perhatian kepada Suruhanjaya Reid yang menjadi satu asas kepada Perlembagaan negara. Baliklah baca dahulu!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya pun hendak cadang kepada Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa dia pun tak faham, jadi balik bacalah dahulu. Okay, seri ya?

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini sebab.....

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi satu penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal Yang Berhormat dari Kepong kalau sekiranya "satu undi satu orang" didapati kawasan luar bandar itu. Kalau berasas kepada itu, kawasan luar bandar terpaksa dijaga secara meluas dan mungkin Yang Berhormat dari Kepong rela memberi motokarkah, botkah kepada Ahli Dewan Rakyat?

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat ialah siapa sahaja yang masih bercakap, yang lain tak boleh berdiri tanpa kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Jadi ahli DAP ini lama sangat sudah jadi Ahli Dewan Rakyat, tetapi belum memahami akan Peraturan itu.

Apa yang saya katakan mungkin Ahli dari Kepong kalau dia tengok kawasan besar di luar bandar di Sarawak itu yang perlu dijaga, sedangkan dia jaga satu bangunan sahaja kalau "satu undi satu orang" relakah Yang Berhormat beri kemudahan untuk menjaga?

Dr Tan Seng Giaw: Hendak jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau hendak, apa salahnya?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menekankan bahawa kita perlu membetulkan ketidakseimbangan sosio ekonomi, tetapi untuk masa hadapan kestabilan negara kita hendaklah berusaha untuk menuju ke arah "satu orang satu undi". Walaupun kita terpaksa adakan satu "rural weightage" tetapi janganlah kita mewujudkan perbezaan yang terlalu nyata, jadi menuju berdasarkan kepada Suruhanjaya Reidnya yang saya pun telah menekankan sekali lagi supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dan juga Yang Berhormat dari Pasir Putih bersama-sama berkongsi untuk membaca Suruhanjaya Reidnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bukan Pasir Putih—Pasir Mas, ini pun sudah salah; lagi Sarawak lagi salah. Saya rasa Yang Berhormat dari Kepong pun sudah pening, jadi saya hendak terus kepada point.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ringkas sahaja. Apabila kita lihat laporan daripada Suruhanjaya Pilihanraya, semua pandangan rakyat daripada negeri Sarawak telah diambil kira, dari segi pandangan-pandangan, bantahan-bantahan, rayuan-rayuan, semua ada dalam ini, kita baca satu persatu. Ini di atas asas demokrasi. Oleh kerana keputusan cadangan ini dibuat di atas kehendak rakyat Sarawak sendiri, kita di sini apa yang kita harus kemuka, kita bincangkan ialah melihat dalam perspektif yang lebih dari segi jangka panjang kita lihat bahawa bagaimana Sarawak sebagai salah satu negeri dalam negara Malaysia yang masih memerlukan kepada pembangunan, yang masih memerlukan kepada pembelaan, rakyat di luar bandar yang miskin sepertimana juga negeri-negeri lain di

Semenanjung, ini harus kita tumpukan. Jadi tidak ada kerja lain daripada hendak cari point hendak hentam sahaja, hendak bangkit sahaja perkara-perkara yang kecil-kecil.

Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Draf Laporan Ulangkaji ini adalah satu perkara yang kita menyokong dan kita alu-alukan kerana kita yakin dengan terlaksananya nanti, dengan pertambahannya nanti, negeri Sarawak yang salah satu negeri yang saya sebutkan tadi dalam negara kita yang perlu kepada pembangunan akan terus bangun bagi menyokong pembangunan negara kita secara menyeluruh. Saya rasa itu dari segi niat dan hasrat kita bersama. Sebab itu saya tidaklah sengaja hendak mengungkit-ungkitkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, cuma saya cemuh dengar. Cemuh dengar ini sebab perkara yang diulang itu perkara-perkara yang sama setiap hari dalam Dewan Rakyat. Saya harap apabila mendengar pandangan-pandangan berhujah, dengan izin, "something new, special". Jadi, bolehlah kita bertukar-tukar pendapat.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak berhenti, tak payahlah dia bercakap.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak mahulah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu sahaja saya hendak sampaikan dan saya turut menyokong cadangan Persempadanan Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Menteri berkenaan menjawab.

5.54 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menggulung perbahasan mengenai Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada petang ini berkaitan dengan Laporan Ulangkaji dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak.

Saya juga suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan—Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Mukah, Kuantan, Nibong Tebal, Betong, Julau dan Pasir Mas yang juga telah memberi sokongan dan pandangan-pandangan berkenaan dengan soal-soal yang dibangkitkan.

Saya ingin menegaskan di sini urusan ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya negeri Sarawak adalah urusan Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya itu telah secara bebas tanpa diganggu oleh mana-mana pihak menjalankan tugas-tugas ulangkaji itu tanpa memikirkan soal-soal kepentingan politik mana-mana pihak. Urusan ini dijalankan semata-mata berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan juga faktor-faktor yang boleh dianggap sebagai tidak mementingkan mana-mana pihak, tetapi berasaskan kepada kepentingan rakyat negeri Sarawak keseluruhannya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat kesal tentang adanya beberapa tuduhan yang menyalahkan Suruhanjaya Pilihanraya seolah-olah mengecap Suruhanjaya itu sebagai tidak bebas dan tidak adil.

Saya menerima hakikat bahawa tuduhan ini bukanlah satu tuduhan yang baru. Memang tiap-tiap kali satu-satu ulangkaji dibuat tuduhan yang sama juga kerap dan tetap akan dilemparkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya oleh pihak Pembangkang dan saya percaya lagi 8 tahun ataupun lagi 10 tahun bila Suruhanjaya membuat kajian semula kawasan-kawasan pilihanraya yang ada, hujah-hujah yang sama juga akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tidaklah berhasrat untuk membuat satu-satu ulangkaji bagi memudahkan satu-satu pihak untuk memenangi satu-satu pilihanraya itu. Setiap kali ulangkaji dibuat adalah berasaskan kepada keperluan untuk memberikan perwakilan yang seluas-luasnya dan perwakilan yang berkesan sekali kepada rakyat jelata yang terdapat di dalam satu-satu negeri itu. Inilah tujuan utama satu-satu ulangkaji itu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dikaji dengan teliti syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya itu, kita akan dapati bahawa peluang seluas-luasnya adalah diberikan kepada semua pihak dan semua rakyat Negeri Sarawak yang tergulung daripada berbagai kaum untuk mengambil bahagian di dalam pilihanraya Negeri Sarawak. Bahagian-bahagian pilihanraya itu tidak diwujudkan semata-mata kepentingan satu-satu pihak sahaja, sama ada dari kawasan luar bandar, pendalaman ataupun kawasan bandar. Sekiranya pihak Kerajaan yang memerintah mahukan bahagian-bahagian pilihanraya dipersempadankan mengikut kehendaknya bagi tujuan memenangi pilihanraya, maka sudah tentu ianya tidak akan dibuat mengikut apa dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau hendak memenuhi kehendak pihaknya, maka Kerajaan mungkin telah campurtangan dan dengan campurtangan itu bahagian-bahagian pilihanraya itu akan

diwujudkan mengikut apa yang dikehendaki oleh Kerajaan. Tetapi sebaliknya dapat kita nilaikan bahawa apa yang dibentangkan kepada kita hari ini adalah jelas menunjukkan bahawa tidak ada sebarang campurtangan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tahu bahawa terdapat syor-syor yang dibuat yang tidak digemari oleh beberapa pihak dalam Kerajaan sendiri. Sungguhpun begitu, untuk keadilan, Suruhanjaya yang mempunyai kuasa dan kebebasan untuk menjalankan urusan itu telah diganggu dan diperdayakan oleh mana-mana pihak untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Berhubung dengan soal-soal, tuduhan-tuduhan, yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kpong, saya suka menyatakan bahawa walau apapun tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat dinafikan bahawa setakat masa ini, Suruhanjaya Pilihanraya telah pun memainkan peranan secara berkesan sekali untuk mempertahankan amalan demokrasi di dalam negara kita ini. Buktinya, kalau Suruhanjaya Pilihanraya tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan secara berkesan, saya tidak dapat melihat bagaimana ramai Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang dapat menjadi anggota di dalam Dewan yang mulia ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, konsep "proportional representation" ataupun "satu orang satu undi" dibangkitkan, soal ini juga kerap kali dibangkitkan, tidak pernah parti.....

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu masih tidak sedar mengenai apa yang dibangkitkan di sini kerana ia masih berkempen di luar. Walau bagaimanapun, proportional representation ini dengan konsep "satu orang satu undi", adalah berlainan—walaupun ada bersangkut, tetapi berlainan konsep di sini.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Saya menyentuh soal proportional representation dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan soal proportional representation ini bukanlah satu perkara baru. Tiap-tiap kali Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti DAP bangkit membincang perkara kawasan pilihanraya ini, soal ini dibangkitkan. Saya suka menyatakan sahaja iaitu berkenaan dengan sistem proportional representation ini, sebenarnya, pada pendapat saya ia akan menyekat wujudnya parti yang akan mendapat majoriti yang cukup untuk mendirikan Kerajaan. Umpamanya, kalau ada 10 parti bertanding, kemungkinan ialah tidak akan ada satu pun parti yang mendapat absolute majority untuk menubuhkan Kerajaan.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya Yang Berhormat tidak begitu faham mengenai hal ini. Kalau kita adakan satu proportional representation semata-mata, 100%, mungkin tidak akan wujud majoriti yang besar sangat. Tetapi kalau ada campuran di antara model Westminster dengan proportional representation, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi tidak wujud dan ia

akan dapat majoriti yang cukup. Tetapi kalau hendak dapat majoriti $\frac{2}{3}$ atau lebih seperti sekarang ini maka susahlah dengan proportional representationnya.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Saya belum habis lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Umpamanya, kalau ada 10 parti yang bertanding, kemungkinan ialah tidak akan ada satu pun parti yang akan mendapat absolute majority, misalnya. Semuanya akan mendapat kurang daripada 50% undi yang akan dimeleangi. Dengan hal yang demikian, sudah tentulah tidak akan ada parti yang mempunyai absolute majority di dalam Kerajaan dan Kerajaan tidak akan dapat ditubuhkan, melainkan Kerajaan minority yang lemah. Jika tidak ada, maka satu Kerajaan campuran secara *ad hoc* terpaksa ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, di beberapa buah negara demokrasi di Eropah, misalnya, yang mana democratic system ini dijalankan, beberapa keadaan telah berlaku di mana Kerajaan naik, Kerajaan turun, dan hasil daripada keadaan ini timbullah keadaan tidak stabil dalam satu-satu sistem politik itu. Saya mengaitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang menekankan bahawa dalam keadaan negara kita sekarang ini, dan bagaimana dengan cara lantanginya menyatakan bahawa keadaan ketidakstabilan politik itu wujud, kerana sistem demokrasi ataupun corak pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya yang kita amalkan sekarang ini sebenarnya menyebabkan timbulnya keadaan seperti ini.

Saya suka menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebenarnya bercanggah dengan apa yang dihasratkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam membidas ataupun menentang di dalam pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya yang diamalkan di dalam negeri Sarawak ini ataupun yang diamalkan di dalam negara kita keseluruhannya.

Sebenarnya, apa yang kita lakukan ialah untuk memberikan perwakilan yang seluas-luasnya kepada rakyat jelata baik daripada kawasan-kawasan memang tertumpu begitu ramai rakyat jelata, di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh-jauh daripada kawasan bandar adalah 100, 200 tetapi dikumpulkan sampai 4,000-5,000 perwakilan yang habis berkesan di dalam Dewan Undangan Negeri di negeri masing-masing itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi soal demography penduduk ataupun daripada segi soal geography, saya fikir rationalisation ataupun hujah-hujah, asas-asas yang digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini lebih tepat memberikan perwakilan yang dapat menepati hasrat rakyat jelata di peringkat negara kita pada masa ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan dari segi matlamat sosio-ekonomi kita pula. Kalau kita fikirkan sekarang terdapat keadaan di dalam negara kita ini di mana kawasan-kawasan yang tertumpu penduduk-penduduknya yang begitu ramai merupakan kawasan-kawasan yang sudah pesat membangun, cukup dengan kemudahan-kemudahannya yang sedia ada dan kawasan-kawasan yang jauh di luar bandar yang mana penduduk-penduduknya tidaklah begitu ramai, tidaklah begitu padat

seperti di kawasan-kawasan bandar, merupakan kawasan-kawasan yang agak jauh ketinggalan dari segi kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Kalaulah kita mengamalkan sistem proportional representation di dalam sistem demokrasi kita, sudah tentulah perwakilan yang lebih akan diberikan kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan bandar.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:
Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):
(Kepada Dr Tan Seng Giaw) Dia tidak beri.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Minta maaf, cukup. Di dalam kawasan-kawasan bandar kerana di kawasan ini terdapat ramai penduduk dan apabila ramai penduduk ramailah wakilnya dan di dalam kawasan-kawasan luar bandar kurang penduduk, maka kuranglah wakilnya. Maka dari segi menyuarakan masalah-masalah penduduk pula, sudah tentulah bagi kawasan-kawasan yang begitu maju ini perwakilannya adalah lebih berkesan daripada perwakilan penduduk-penduduk yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini yang kita kehendaki bagi sebuah negara yang sedang membangun? Adakah ini yang kita ingin melihat iaitu jurang perbezaan bagi kawasan-kawasan yang sudah maju dengan kawasan-kawasan yang belum maju lagi, jurang perbezaannya bertambah jauh lagi, kerana perwakilan politik yang agak berat sebelah, dan apabila berat sebelah, maka pengagihan kemudahan-kemudahan dan kewangan-kewangan negara pergi kepada kawasan yang kuat perwakilannya dan kurang pula kepada kawasan-kawasan yang lemah perwakilannya.

Dari segi matlamat, pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kita harus menitikberatkan soal-soal menngurangkan jurang perbezaan yang terdapat di dalam negara kita ini, baik dari segi kawasan-kawasan pembangunan mahupun dari segi rakyat jelata yang menerima faedah-faedah pembangunan ini. Saya kurang faham dari segi matlamat ataupun hasrat perjuangan parti DAP kerana dalam satu nada menyatakan mereka memperjuangkan untung nasib orang-orang yang jauh ketinggalan, orang-orang miskin kurang dari segi kemudahan, tetapi pada nada yang lain cuba memperjuangkan satu sistem yang boleh meluaskan lagi jurang perbezaan yang ingin kita kurangkan ini. Inilah saya fikir cakup-cakap double standard yang dikeluarkan oleh parti DAP dalam politik negara kita ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, beberapa soal juga dibangkitkan berkenaan dengan bilakah agaknya kawasan baru ini akan digunakan sama ada akan digunakan dalam snap election akan datang ini kerana ini adalah satu cara bagi kita untuk menambahkan kerusi bagi Barisan Nasional. Sebenarnya Barisan Nasional merupakan satu parti yang sentiasa mengikut undang-undang. Kalaulah undang-undang itu sudah digubal dan kita boleh menggunakan undang-undang itu, kita akan menggunakan undang-undang itu. Tetapi kalau undang-undang itu masih lagi di peringkat pembentangan, belum lagi digubal, belum lagi dilulus, kita tidak akan menggunakan undang-undang tersebut itu. Pada peringkat sekarang ini tidak boleh kita menggunakan undang-undang ataupun kawasan-kawasan baru ini pada pilihanraya yang akan datang kerana Dewan Undangan Negeri Sarawak telah pun dibubarkan dan dengan hal yang demikian undang-undang yang kita ada ini belum pun diwartakan maka tidak dapatlah kita

menggunakan kawasan baru ini bagi pilihanraya yang akan datang.

Banyak perkara-perkara lain yang dibangkitkan soal rural weightage, soal ahli-ahli Jawatankuasa Suruhanjaya, beberapa soal-soal lain yang berbau politik. Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak sentuh di sini, melainkan sekali lagilah saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, bukannya senang, saya tahu. Banyak prosedur-prosedur yang terpaksa dipatuhi. Bukan sahaja kita membuat perkara itu mengikut perkiraan-perkiraan dan terms of reference yang telah ditentukan, tetapi ada juga prosedur-prosedur yang terpaksa dipatuhi, dibuka untuk perbincangan, bantahan oleh orang ramai, lepas itu dipamerkan, lepas itu dikajikan semula. Semua proses ini Alhamdulillah dapat dijalankan dengan baik sehingga kita dapat mengadakan satu senarai ataupun satu ulangkaji yang lengkap yang menunjukkan hasrat sepertimana yang hendak dicapai oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Jadi, itu sahaja perkara-perkara yang hendak saya sentuhkan, Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ketetapan yang dibuat di bawah seksyen 10 Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan, hendaklah diluluskan dengan sokongan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Majlis, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46 (5), saya memerintahkan supaya diadakan belah bahagian. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila mengambil tempat masing-masing di hadapan blok-blok Yang Berhormat. Bagi blok "A", Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, blok "B" Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai, blok "C" Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik, blok "D" Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah, blok "E" Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah dan blok "F" Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah:

Yang bersetuju 112

Yang tidak bersetuju 22

Yang tidak mengundi Tiada

YANG BERSETUJU

Dato Dr Ling Liong Sik

Dato' S. Samy Vellu

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen
Al-Haj bin Tengku Ismail

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah

Datuk Leo Moggie anak Irok

Datin Paduka Rafidah Aziz

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud

Datuk Seri Sanusi bin Junid

Dato' Rais Yatim

Datuk Amar Stephen Yong Kuet
Tze

Dato Shahrir bin Abdul Samad

Dato' Abu Hassan bin Omar

Dato' Chan Siang Sun

Dato' Lee Kim Sai

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad

Tuan Kasitah Gaddam

Tuan Ng Cheng Kiat

Dato' K. Pathmanaban

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis

Tuan Luhah Wan

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti
Othman

Dato' Haji Sabbaruddin Chik

Puan Napsiah binti Omar

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh
Fadzir

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad

Dato' Oo Gin Sun

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob

Haji Daud bin Dato' Haji Taha

Tuan Ng Cheng Kuai

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.
Ghazali

Tuan Mustaffa bin Mohammad

Dato' Alexander Yu Lung Lee

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan
Mohamed

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman

Dato Kok Wee Kiat

Tuan Woon See Chin

Tuan Kalakau Untol

Tuan Loke Yuen Yow

Tuan Railey bin Jaffrey

Tuan Osu bin Haji Sukam

Tuan Law Hieng Ding

Tuan Haji Awang bin Jabar

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti
Ismail

Puan Teng Gaik Kwan

Tuan Peter Chin Fah Kui

Dato' Musa Hitam

Dato' Paul Leong Khee Seong

Dato' Mohamed bin Rahmat

Tuan Ong Tin Kim
 Dr Goh Cheng Teik
 Puan Hajjah Shariffah Dorah binti
 Dato' Syed Mohammed
 Dr Lim Ann Koon
 Tuan M. G. Pandithan
 Tuan Basri bin Bajuri
 Tuan Bernard Giluk Dompok
 Tuan Douglas Uggah Embas
 Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul
 Latiff
 Tuan Mohd. Zihin bin Mohd.
 Hassan
 Tuan Haji Ibrahim bin Ali
 Dato' Abdullah Ahmad
 Tuan Madatang bin Morejal
 Tuan Abdul Rahman bin Bakar
 Tuan Mohamad Sam bin Haji Sailan
 Tuan Ahmad bin Omar
 Tuan Haji Abdul Razak bin Abu
 Samah
 Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin
 Che Wan
 Tuan Kadoh Agundong
 Dato' Kamaruzaman bin Ahmad
 Tuan Abdul Ghani bin Othman
 Tuan Justine Anak Temenggong
 Jinggut
 Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar
 Tuan S. S. Subramaniam
 Tuan Metah bin Asang
 Tuan James Jimbun Anak Pungga
 Tuan Tiew Sung Seng
 Tuan Chua Jui Meng
 Tuan Taimin bin Lumaing
 Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr
 Ismail
 Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
 Tuan Haji Hussein bin Haji Taib
 Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul
 Ghafar

Tuan Hashim bin Safin
 Tuan Mohamed bin Isa
 Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd.
 Yunus
 Tuan Mohamed Subky bin Haji
 Abdul Raof
 Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah
 Datuk Haji Sakaran bin Dandai
 Tuan Ismail bin Said
 Tuan Othman bin Abdul
 Tuan Abdul Rahman bin Suliman
 Tuan Mutang Tagal
 Tuan Haji Mohd. Zain bin
 Abdullah
 Tuan Thomas Salang Siden
 Tuan Adam bin Abdul Kadir
 Dr Leo Michael Toyad
 Datuk Haji Yahaya bin Mohd.
 Shafie
 Tuan Ling Chooi Sieng
 Tuan Nurnikman bin Abdullah
 Dr Abdul Hadi bin Derani
 Tuan Mohamad bin Abdullah
 Wan Omar bin Wan Majid
 Tuan Haji Mohamed bin Yaacob
 Tuan Nasruddin bin Alang Saidin
 Tuan Abdol Mulok Awang Damit
 Tuan Law Lai Heng
 Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad
 Drs Suleiman bin Mohamed
 Tuan Shahidan bin Kassim
 Tuan Zubir bin Embong
 Tuan Lainus Andrew Luwak

YANG TIDAK BERSETUJU

Tuan Lim Kit Siang
 Dr Chen Man Hin
 Tuan Lee Lam Thye
 Tuan R. Karpal Singh
 Tuan Gooi Hock Seng

Dr Tan Seng Giaw
 Tuan Fung Ket Wing
 Tuan Peter Paul Dason
 Tuan P. Patto
 Tuan Chian Heng Kai
 Tuan Ting Chek Ming
 Tuan Teoh Teik Huat
 Tuan Gerard Math
 Tuan Ngoi Thiam Woh
 Tuan Lim Guan Eng
 Tuan Law Dak Kee
 Dr Eng Seng Chai
 Tuan Hu Sepang
 Yuan Liew Ah Kim
 Tuan Tan Kok Wai
 Tuan Hsing Yin Shean
 Tuan Samson Chin Chee Tsu

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Usul ini disetujui.

USUL

AKTA KASTAM, 1967

6.20 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1986;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1986;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1986;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986;

- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1986;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1986;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1986;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1986;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1986;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1986;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1986;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1986;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1986;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1986;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1986;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1986;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1987;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1987;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1987;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1987;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1987;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1987;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1987;
- (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1987;
- (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1987; dan
- (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66 dan 67 tahun 1987 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43), (No. 50) dan (No. 56) 1986 serta (No. 3) dan (No. 7) 1987 adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar duti import ke atas beberapa barangan petroleum. Ini adalah berikutan dengan kajian harga barang-barang petroleum yang dibuat pada setiap awal bulan sebelumnya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1986 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import atas "solid tyres" di bawah kod tarif 87 07 913 daripada 50% *ad valorem* atau \$200 sekilogram yang mana lebih tinggi kepada 5% *ad valorem* sahaja. Ini adalah kerana "solid tyres" yang digunakan oleh kenderaan berat seperti jenangkut, tidak ada dikeluarkan oleh industri tempatan dan oleh itu para pengguna tidak wajar dibebankan dengan duti perlindungan yang tinggi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1986 pula adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif khas bagi "asbestos mixtures" iaitu 68 13 200 dan dikenakan duti import pada kadar 23% *ad valorem* atau \$5.30 sekilogram. Langkah ini diambil untuk menjadikan perlindungan tarif ke atas industri "brake lining" tempatan lebih berkesan dan mengelakkan berlakunya pelarian cukai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import daripada \$5.51 sen sekilogram kepada \$4.00 sekilogram serta memansuhkan cukai tokok sebanyak 5% *ad valorem* ke atas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang

Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung lagi esok.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

MERANCANG PEKAN RANTAU PANJANG

6.30 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi ucapan penangguhan di dalam Dewan yang mulia ini dan saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya supaya saya dapat memberi ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini pada masa sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan pekan Rantau Panjang ini agaknya lama wujudnya lebih kurang hampir 50 tahun, terletaknya di tepi sempadan Malaysia dan Thailand sekarang adalah perubahan-perubahan dari segi bangunan, jalan-jalan dan lain-lain kemudahan asas yang telah pun wujud.

Walaupun demikian nampaknya, memandangkan hari ini negara kita sedang membangun, ada baiknya dicadangkan kepada pihak Kerajaan supaya membentuk satu pelan yang teratur dan tersusun bagi menunjuk

dan mewujudkan pekan ini adalah sebuah pekan yang teratur dan bersih sesuai dengan matlamat Kerajaan hari ini hendak membangun atau memajukan kawasan-kawasan yang begitu mundur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan supaya Kerajaan dapat memperluaskan lagi kawasannya dan memperbesarkan jalan-jalan di kawasan pekan Rantau Panjang dan menyusun bangunan-bangunan yang baru hendak dibina, bangunan-bangunan yang lama yang sedia ada patut diubahsuaikan sesuai dengan keadaan negara kita sedang membangun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pekan itu di tengah-tengah persimpangan di antara Sungai Golok di sebelah baratnya dan di sebelah utara ke timurnya lebuh raya dari Rantau Panjang ke Pasir Mas. Pekan ini selalunya ditenggelami banjir. Boleh dikatakan setiap tahun air yang mengalir dari sebelah hulu Negeri Kelantan melalui Sungai Golok tersekat di perbatasan lebuh raya maka kawasan pekan itu menjadi mangsa banjir buat beberapa minggu lamanya. Inilah di antara masalah yang menggelisahkan bagi penduduk-penduduk di pekan Rantau Panjang yang patut diambil perhatian oleh Kerajaan sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada keadaan pelawat-pelawat yang selalu datang membeli-belah di pekan Rantau Panjang setiap hari, lebih-lebih lagi di hari-hari minggu dan hari-hari cuti sekolah sama ada pelawat-pelawat dari negara kita sendiri mahupun dari negara Thailand maka masalah yang timbulnya ialah kesesakan jalan raya di pekan itu boleh mengganggu lalulintas hingga berjam-jam lamanya. Oleh itu, dicadangkan supaya Kerajaan dapat memperbesarkan satu jalan lagi yang sudah pun ada tetapi sempit untuk

dijadikan jalan sehalu. Diharapkan banyak lagi masalah-masalah yang patut dikaji oleh pihak Kerajaan demi untuk membangun pekan itu dan menarik perhatian pelawat-pelawat dari negara jiran moga-moga wang dari negara mereka dapat dialirkan masuk ke negara kita dan dapat kita juga menyekat wang kita dari keluar ke negara jiran. Apa yang kita perhatikan sekarang sebaliknya yang berlaku.

Sekianlah, diharapkan diambil perhatian.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan kemasukan pelancong-pelancong luar negeri ke negara ini. Oleh itu idea bagi membuat satu perancangan yang teratur bagi membangunkan pekan Rantau Panjang dan menjadikannya satu kawasan yang bebas untuk keluar masuk pelancong dari luar negeri adalah satu idea yang baik. Namun begitu, satu perkara yang perlu difikirkan oleh Kerajaan ialah masalah keselamatan memandangkan pekan Rantau Panjang adalah terletak di sempadan iaitu di antara Malaysia dan Thailand.

Bagi tujuan ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dapat memberi apa-apa komen apatah lagi untuk mengambil tindakan yang selanjutnya kerana hal-hal yang bersabit dengan memberi hak kebebasan keluar masuk kepada pelancong-pelancong luar negeri adalah di luar bidang tugas Kementerian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang terlibat dengan program pembangunan di pekan Rantau Panjang kerana pekan ini terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Pasir

Mas iaitu projek di bawah PK I, projek-projek pembangunan di kawasan Penguasa Tempatan, tetapi tidak termasuk soal-soal memberi kebebasan kepada pelancong-pelancong luar negeri. Secara ringkasnya program pembangunan yang terlibat dengan Kementerian ini adalah seperti berikut:

Program Rancangan Malaysia Ketiga

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$300,000 kepada Majlis Daerah Pasir Mas bagi membina pasar di Rantau Panjang. Walau bagaimanapun, projek ini hanya dapat dimulakan pembinaannya di dalam tahun 1984 dan siap pada akhir tahun 1985 kerana pelan bangunan berkenaan tidak dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak \$700,000 di mana peruntukan sebanyak \$400,000 adalah diperolehi daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

Program Rancangan Malaysia Keempat

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat pula peruntukan sebanyak \$520,000 telah diluluskan kepada Majlis Daerah Pasir Mas bagi pelaksanaan projek-projek seperti membuat jalan tendung ke tepi sungai dan mengetar jalan dan lorong-lorong di bandar Pasir Mas. Membuat dan menyiapkan bangunan gudang perniagaan dan kompleks pejabat empat tingkat di Rantau Panjang. Semuanya berjumlah \$520,000.

Sehingga tamat tempoh Rancangan Malaysia Keempat hanya projek PK I sahaja yang dapat disiapkan, manakala projek yang kedua yang

saya sebutkan tadi pembinaannya tidak dapat dimulakan kerana pihak Majlis berpendapat projek ini tidak begitu diperlukan lagi pada masa ini dan tidak mempunyai tapak yang sesuai.

Program Rancangan Malaysia Kelima

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima pula, peruntukan sebanyak \$360,000 telah diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah PK I. Peruntukan yang sedikit ini adalah akibat daripada kemerosotan ekonomi negara pada masa ini. Projek-projek yang diluluskan di bawah peruntukan ini adalah seperti berikut:

- (1) untuk membina tempat menunggu bas di jalan utama dalam kawasan Majlis.
- (2) membina gerai-gerai di pekan Rantau Panjang.
- (3) mengetar jalan-jalan dalam kawasan Majlis.
- (4) menyiapkan kawasan pembuangan sampah di Pusu 40, Majlis Daerah Pasir Mas.
- (5) Projek pengindahan dalam kawasan Majlis.

Dalam tahun 1986 pula peruntukan sebanyak \$30,000 telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian bagi membina projek-projek pengindahan di dalam kawasan Majlis. Dalam tahun 1987 pula peruntukan sebanyak \$50,000 dicadangkan bagi pembinaan projek membina jalan-jalan di kawasan majlis.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan selanjutnya akan dikeluarkan kepada Majlis Daerah Pasir Mas, tetapi ianya adalah tertakluk kepada kelulusan kewangan oleh Kerajaan kepada Kementerian ini. Sekian sahaja, terima kasih.

DILEMMA PEKERJA- PEKERJA LADANG

6.41 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, ladang-ladang kelapa sawit dan getah dan bahan-bahan mentah seperti ini telah menyumbangkan sebahagian besar pendapatan negara kita dan negara kita telah membangun dengan pesat sehingga menjadi contoh kepada negara-negara sedunia berikutan dari sumbangan bahan-bahan tersebut.

Di Malaysia Barat terdapat lebih kurang 1,650 buah ladang yang mempunyai tenaga pekerja seramai 216,000 orang dengan jumlah penduduk sekurang-kurangnya 1 juta orang yang tinggal di kawasan perladangan masing-masing. Pekerja-pekerja tersebut telah berkhidmat kepada negara dan ladang-ladang tersebut sejak kawasan-kawasan hutan diterokai oleh golongan penjajah untuk menanam bahan-bahan mentah tersebut. Pekerja-pekerja ini tinggal di ladang-ladang berkenaan dalam keadaan aman dan damai tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada pihak majikan dan negara kita. Walaupun suasana kehidupan dalam perladangan tersebut tidak begitu menggalakkan tanpa apa-apa aspek rekreasi dan hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana golongan pekerja perladangan begitu terikat kepada majikan perladangan, mereka tidak tahu apa yang berlaku di luar ekonomi perladangan dan pihak majikan telah menggunakan kesempatan ini dengan melakukan pelbagai eksploitasi dan turut terlibat bukan sahaja pekerja-pekerja tetapi juga ahli-ahli keluarga pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, saya memohon izin untuk membawa kepada Dewan yang mulia ini beberapa masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan pekerja-pekerja perladangan di negara kita.

Masalah yang pertama ialah berkaitan dengan perumahan. Suatu kajian yang dibuat oleh saya baru-baru ini menunjukkan daripada 1,650 buah ladang maka terdapat lebih kurang 20% ladang yang mempunyai rumah-rumah pre-war, dengan izin, 50% post-war, dengan dua-dua jenis rumah ini tanpa sebarang kemudahan asas yang diperlukan pada zaman ini.

Untuk mengatasi masalah tersebut, di tahun tujuh puluhan, Kerajaan di bawah pimpinan Allahyarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah melancarkan satu skim perumahan oleh majikan perladangan iaitu mendirikan rumah-rumah baru oleh majikan-majikan berkenaan. Tetapi sehingga ke hari ini iaitu selepas 15 tahun pelancaran skim tersebut, hanya 3 ladang sahaja di seluruh Malaysia yang telah berjaya mengamalkan skim tersebut dan lebih kurang 12 ladang lagi dalam proses perancangan. Dengan pengalaman 15 tahun tersebut, saya boleh katakan di sini skim tersebut tidak boleh menyelesaikan masalah yang kita hadapi dan saya ingin mencadangkan Kerajaan harus mengambil alih tanggungjawab di atas perkara ini di bawah skim Rancangan Kos Murah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kedua yang dihadapi oleh pekerja-pekerja perladangan ialah ketiadaan bekalan api dan air kepada sebahagian besar ladang-ladang di negara kita. Dari segi bekalan api saya dapati hanya kurang daripada 5% ladang-ladang yang telah berjaya memperolehi bekalan api daripada LLN dan lebihkurang 35% yang mempunyai sistem generator persendirian, dengan sewenang-wenangnya, lebihkurang 60% perladangan yang sampai masa kini, tidak tahu bagaimanakah kehidupan dengan bekalan apinya. Dari segi bekalan air masih ada lebih kurang 50% ladang-ladang yang membekal air dari sungai tanpa proses pembersihan

dan air yang boleh dikatakan sebagai air yang kurang sihat. Apabila perkara ini dibangkitkan oleh pekerja-pekerja kepada majikan, jawapannya selalu sama sahaja. Pihak majikan tidak sanggup membelanjakan peruntukan yang begitu besar bagi menyediakan kemudahan bekalan api dan air kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak majikan tidak boleh bertanggungjawab di atas bekalan api dan air, saya ingin bertanya kepada Kerajaan siapa lain yang boleh bertanggungjawab di atas perkara ini. Saya ingin mencadangkan kepada pihak berkuasa, Kerajaan harus mengkaji dengan serta-merta satu sistem yang menggunakan mini generators dan mini filtration plants, dengan izin, bagi mengatasi masalah pembekalan api dan air ke kawasan perladangan. Sebagai tindakan jangkamasa panjang, saya berharap penswastan projek bekalan air kepada Antah-Biwatir boleh memberi hasil kepada sektor perladangan dan pihak LLN boleh menyambung bekalan api kepada semua ladang-ladang lain di seluruh negara kita dari peringkat ke peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ketiga ialah ketiadaan kemudahan persekolahan seperti Tadika dan sekolah-sekolah rendah dengan mutu yang bersesuaian di kawasan perladangan. Sepertimana kita semua sedia maklum tadika menjadi asas ke arah menaikkan taraf pelajaran murid-murid apa yang menyedihkan ialah kurang daripada 5% daripada murid-murid dari kawasan perladangan menerima pelajaran Tadika. Dari segi kemudahan persekolahan pula amat menyedihkan kerana keadaan bangunan dan persekitaran sekolah tidak selesai dengan begitu juga mutu guru-gurunya. Dari segi pencapaian mengikut statistik yang saya dapati cuma lebih kurang 50% sahaja daripada murid-murid dari kawasan

perladangan yang keluar dari sekolah-sekolah ladang dan melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah menengah. Daripada jumlah tersebut hanya lebih kurang 3% pelajar sahaja yang melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan, pihak KEMAS harus mengambil tanggungjawab di atas aktiviti Tadika di ladang-ladang dan satu sistem sekolah berasrama perlu diwujudkan untuk murid-murid dari sektor perladangan sepertimana kita adakan untuk murid-murid dari perkampungan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang jelas kelihatan di kalangan penduduk ladang ialah tidak adanya kemudahan perhubungan dengan kawasan luar seperti jalan tar, telefon dan juga kemudahan rekreasi seperti kelab sukan dan kemudahan hiburan. Saya ingin juga membawa kepada perhatian Kerajaan ini juga tanggungjawab Kerajaan oleh kerana dalam usaha menaikkan taraf kehidupan penduduk di negara kita, tanggungjawab di atas perkara ini harus diberikan, bukan sahaja kepada pihak swasta tetapi juga kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kebanyakan kesulitan yang penduduk-penduduk perladangan hadapi ialah di atas asas pihak Kerajaan sering menyerahkan semua tugas bagi membangunkan sektor perladangan kepada pihak swasta. Dalam keadaan ekonomi komoditi pada zaman ini pihak majikan tidak mampu melaksanakan semua projek pembangunan dan hanya mampu untuk menyediakan basic amenities, dengan izin, seperti yang telah disediakan. Oleh yang demikian, saya bercadang kepada Kerajaan supaya campurtangan dalam sektor perladangan di kawasan luar bandar dan berusaha membawa beberapa kemajuan bagi meninggikan taraf

hidup pekerja-pekerja di sektor perladangan. Ini hanya boleh dibuat dengan satu peruntukan khas kepada perladangan dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar setiap tahun dan dengan ini saya memohon kepada Kementerian berkenaan untuk memberi suatu keputusan yang baik di atas perkara ini jika boleh dalam anggaran Belanjawan pada tahun 1987.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.48 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perumahan pekerja-pekerja di ladang-ladang adalah dilindungi di bawah Akta (Piawai Perumahan Minima) Pekerja 1966. Akta ini menetapkan peruntukan-peruntukan dan keperluan minima bagi rumah-rumah pekerja ladang yang disediakan oleh pihak majikan. Sebahagian besar ladang-ladang telah menyediakan rumah-rumah pekerja yang lebih baik daripada peruntukan-peruntukan minima tersebut. Namun demikian, memang diakui terdapat juga ladang-ladang yang menyediakan rumah-rumah pekerja yang masih kurang memuaskan.

Kementerian Buruh telah, sedang dan akan mengambil tindakan untuk mendapatkan pihak majikan membaiki dan mengubahsuaikan rumah-rumah tersebut untuk membolehkan pekerja-pekerja di ladang-ladang berkenaan dapat mendiami rumah-rumah yang sesuai dalam zaman moden ini. Tindakan secara ini adalah satu proses yang berterusan dan akan mengambil masa yang agak panjang lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi yang muram ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta ini tidak mempunyai peruntukan-peruntukan khusus mengenai bekalan api, banyak daripada ladang-ladang besar telah membekalkan kemudahan api kepada rumah-rumah pekerja mereka. Sebilangan daripada ladang-ladang itu memperoleh bekalan elektrik daripada Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu sementara yang lainnya mempunyai janakuasa sendiri untuk membekalkan elektrik itu. Saya difahamkan bahawa isu ketiadaan bekalan api di ladang-ladang ini pernah dikaji oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan mendapati bahawa masalah ini melibatkan hanya ladang-ladang yang kedudukannya sangat terpencil dan jauh daripada punca kabel penghantaran elektrik. Jika kedudukan sesuatu ladang itu berhampiran dengan punca bekalan elektrik biasanya pihak pengurusan ladang sendiri akan membuat permohonan untuk menyalurkan tenaga elektrik ke kawasan ladang mereka dan pihak LLN akan memenuhi permohonan tersebut.

Bagi kawasan ladang yang terpencil dan sangat jauh daripada punca bekalan LLN yang sedia ada, maka jika terdapat permohonan untuk bekalan elektrik daripada pengurusan ladang pihak LLN akan mengenakan bayaran caruman pengguna untuk menampung kos pemasangan penghantaran terus ke kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak ladang swasta juga mengadakan bekalan air bersih untuk pekerja-pekerjanya seperti yang diwajibkan di dalam Akta (Piawai Perumahan Minima) Pekerja, 1966. Kementerian Buruh senantiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam perkara-perkara ini untuk memastikan air yang dibekalkan itu adalah sesuai untuk diminum.

Bagi membolehkan pekerja-pekerja yang bersara memperoleh rumah sendiri, Kementerian Buruh telah menggalakkan sektor perladangan mengadakan Skim Memiliki Rumah Pekerja. Skim Memiliki Rumah Pekerja tersebut diadakan dengan penyertaan majikan-majikan secara sukarela. Setakat ini 8 buah ladang telah berjaya menyiapkan skim tersebut dengan membina 1,080 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja. Selain daripada skim-skim tersebut yang telah dilaksanakan, 12 buah ladang lagi telah juga menunjukkan minat mereka untuk melancarkan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pencapaian yang amat rendah oleh murid-murid dari sekolah-sekolah di dalam ladang dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan keseluruhan peperiksaan adalah disebabkan oleh berbagai faktor sosio-ekonomi, sikap, kebudayaan, motivasi dan juga kurangnya pendedahan murid-murid lain. Keadaan ini juga menyebabkan kebanyakan daripada mereka tidak dapat meningkat maju untuk menceburkan diri di dalam bidang pekerjaan di luar daripada kawasan perladangan mereka. Kementerian Pelajaran menyedari masalah ini dan akan mengambil tindakan.

Ladang-ladang besar, khususnya ladang yang menjadi ahli Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA), ada menyediakan kemudahan rekreasi seperti padang bola sepak, gelanggang badminton, sepak takraw dan dewan orang ramai untuk pekerja-pekerja mereka. Di beberapa ladang, TV, radio dan bahan-bahan bacaan juga disediakan untuk kegunaan pekerja-pekerja. Kementerian Buruh, melalui program pemeriksaan dan lawatan-lawatannya telah memberi perhatian khas terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada pekerja-pekerja. Kementerian Buruh akan

meneruskan usahanya menggesa majikan-majikan menambah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan dan juga menggalakkan majikan-majikan lain yang tidak menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut berbuat demikian.

Kemudahan pondok telefon awam bagi kawasan-kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang adalah disediakan di bawah Projek Pondok Telefon Awam Luar Bandar yang kini dibiayai oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM) mengikut peruntukan yang ditetapkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Pada amnya, kebanyakan daripada ladang-ladang telah pun menikmati kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikehendaki di bawah Akta (Piawai Perumahan Minima) Pekerja 1966, kebanyakan ladang-ladang mempunyai Taman Asuhan Kanak-kanak untuk mengasuh kanak-kanak pekerja ladang dengan percuma dalam masa ibu bapa mereka keluar bekerja. Peraturan-peraturan (Piawai Perumahan Minima) (Tempat Menjaga Anak-anak) Pekerja 1969, menentukan piawai minimum untuk bangunan-bangunan yang digunakan sebagai Taman Asuhan Kanak-kanak dan menentukan peralatan minuman, kakitangan dan mutu serta banyaknya susu yang hendak dibekalkan kepada anak-anak kecil (di bawah umur 3 tahun).

Selain daripada mempunyai Taman Asuhan Kanak-kanak itu, beberapa ladang juga menyediakan TADIKA untuk kanak-kanak pekerja-pekerja ladang. Bantuan kewangan bagi TADIKA itu adalah diberi oleh pihak ladang. Ibu bapa kanak-kanak mungkin dikenakan bayaran tetapi bayaran itu adalah kecil.

Selain daripada itu, tindakan sedang diambil oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, 1984

yang dikuatkuasakan oleh Kementerian itu untuk memperluaskan skopnya bagi meliputi Taman Asuhan Kanak-kanak di ladang-ladang dengan tujuan untuk menjamin kesihatan, keselamatan dan perkembangan kanak-kanak secara yang menyeluruh meliputi perkembangan fizikal, mental dan sosial emosi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga sedang menjalankan projek printis untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-kanak di ladang-ladang dengan memberi latihan kepada pengasuh TASKA, pekerja perkembangan dan juga pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah

memberikan cadangan-cadangan yang bernas. Kerajaan akan memberikan perhatian yang berat kepada cadangan-cadangan dan masalah-masalah yang telah dibangkitkan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.56 petang.